

**KONSEP DIDIK HIBUR DALAM PANTUN *PAK NAZEL:*  
*INDAHNYA PANTUN MELAYU MELALUI*  
*TEORI KEINDAHAN BRAGINSKY***

**NUR MAISARAH BINTI RAZALI  
C20A1265**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
KELANTAN  
2024



**Konsep Didik Hibur Dalam *Pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* Melalui Teori Keindahan Braginsky**

**Nur Maisarah Binti Razali  
C20a1265**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*SARAH*

---

Tandatangan  
No.Kad Pengenalan:  
001026-11-0238  
Nur Maisarah Binti Razali  
C20A1265  
Tarikh: 10/02/ 2024

Tandatangan Penyelia  
Nama Penyelia:  
Dr. Nordiana binti Ab Jabar

Tarikh: // 2024

## PENGHARGAAN

“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera”

*Bismillahi Rahmani Rahim.* Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT atas segala limpah kurnia-Nya, Yang Maha Bijaksana dan berkuasa ke atas sekalian alam. Segala pujian selawat dan salam kepada Junjungan Besar bagi Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat-sahabatnya. Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurniaan-Nya, rahmat dan hidayah-Nya, penulisan tesis ini berjaya disempurnakan dan disiapkan oleh saya dengan jayanya mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Dalam pada itu, Jutaan terima kasih yang dirakamkan kepada penyelia projek penyelidikan, iaitu Dr. Nordiana binti Ab Jabar di atas kesabaran, bimbingan, tenaga, teguran dan masa yang sudi beliau luangkan dalam memberi tunjuk ajar sehingga kajian ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Beliau amat bertanggungjawab dan komited serta prihatin terhadap anak-anak didik yang melaksanakan penyelidiakan di bawah arahan beliau sehingga menjadi suatu asbab untuk saya bersemangat menyiapkan penyelidikan saya ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada panel, Dr. Firdaus Bin Che Yaacob dan Pn. Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi di atas teguran yang membina sehingga ianya dapat membantu perbaiki penulisan dan penyelidikan tesis ini ke arah kesempurnaan.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan buat kedua ibu bapa yang saya kasihi dan hormati, En. Razali bin Endut dan Mek Sapiah binti Ngah di atas kasih sayang, doa, dorongan, dan juga semangat yang tidak putus-putus diberikan sepanjang saya melaksanakan penulisan tesis bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Elektif Kesusastraan Warisan. Turut diberikan ucapan terima kasih dan penghargaan terhadap rakan-rakan seperjuangan yang saya kasihi yang sentiasa memberi bantuan dan sokongan serta berkongsi pendapat yang berkualiti agar sentiasa terus kuat dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih juga atas pengalaman pahit dan manis yang dilalui bersama yang berjaya ditempuhi ketika menjayakan penyelidikan masing-masing. Semoga Allah SWT membalas semua budi dan jasa yang diberikan kepada semua terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang tempoh pelaksanaan penulisan tesis ini, sekian terima kasih.

Nur Maisarah binti Razali  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
2024

**KANDUNGAN****HALAMAN**

<b>PENGESAHAN TESIS</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>II</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>III</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>VIII</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>IX</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>XI</b>

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Persoalan Kajian	15
1.4.1 Apakah konsep didik hibur yang terdapat di dalam buku pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> ?	15
1.4.2 Apakah teori keindahan braginsky yang dapat dikesan di dalam buku pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> ?	
1.4.3 Sejauhmanakah didik hibur yang terdapat di dalam buku pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> yang dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat umum?	
1.5 Objektif Kajian	
1.5.1 Menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat dalam pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> .	16
1.5.2 Mengenalpasti pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> .	
1.5.3 Menilai keberkesanan teori Keindahan braginsky bagi menyelidik nilai estetika pantun dalam buku pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> .	
1.6 Skop Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.7.1 Negara	15

1.7.2	Masyarakat	16
1.7.3	Individu	17
1.8	Kesimpulan	23
 <b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1	Pendahuluan	24
2.2	Kajian Lepas Mengenai Pantun Melayu	26
2.2.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	27
2.2.2	Tesis Ijazah Sarjana	28
2.2.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	29
2.2.4	Artikel Jurnal	30
2.2.5	Buku	35
2.3	Kajian Lepas Mengenai Didik Hibur	38
2.3.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	38
2.3.2	Tesis Ijazah Sarjana	39
2.3.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	39
2.3.4	Artikel Jurnal	41
2.3.5	Buku	47
2.4	Kajian Lepas Mengenai Teori Keindahan	48
2.4.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	48
2.4.2	Tesis Ijazah Sarjana	49
2.4.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	49
2.4.4	Artikel Jurnal	50
2.4.5	Buku	51
2.5	Kesimpulan	52
 <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pendahuluan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	54
3.2.1.1	Kaedah Analisis Teks	57
3.3	Cara Pengumpulan Data	59
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	60

3.3.2	Kaedah Internet	61
3.4	Kaedah Penerapan Teori	62
3.4.1	Teori Keindahan Braginsky	63
3.4.2	Pendekatan Keindahan Dalam	65
3.4.3	Pendekatan Keindahan Luaran	68
3.4.4	Kerangka Teori	
3.5	Kesimpulan	69
<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>		
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Konsep didik hibur dalam buku <i>pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> .	72
4.2.1	Konsep Didik Hibur Dalam Tema Patriotisme	76
4.2.2	Konsep Didik Hibur Dalam Tema Kasih Sayang	80
4.2.3	Konsep Didik Hibur Dalam Tema Nasihat Dan Pesanan	83
4.2.4	Konsep Didik Hibur Dalam Tema Pemikiran	86
4.2.5	Konsep Didik Hibur Dalam Tema Moral	90
4.3	Pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i>	95
4.3.1	Ciri-ciri Didik Hibur	98
4.3.2	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	101
4.3.3	Pendekatan Keindahan Dalam	103
4.3.3.1	Gaya Bahasa	103
4.3.3.2	Pembayang dan Makna pantun Pak Nazel dari Perspektif Ekologi	114
4.3.4	Kosmologi Alam Flora (Tumbuh-Tumbuhan)	116
4.4	Menilai keberkesanan teori keindahan braginsky bagi menyerahkan Nilai estetika pantun dalam buku <i>Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu</i> .	122
4.4.1	Keindahan Luaran	124
4.4.2	Keindahan Diksi	127
4.4.3	Keindahan Rima dan Unsur Bunyi dalam Pantun Melayu	130
4.5	Kesimpulan	133

<b>BAB 5 RUMUSAN</b>	134
5.1 Pendahuluan	134
5.2 Rumusan Kajian	135
5.3 Implikasi Kajian	142
5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat	142
5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Bidang Pendidikan dan Bidang Kesusasteraan	143
5.4 Cadangan	144
5.4.1 Cadangan Kepada Pengkaji Hadapan	145
5.4.2 Cadangan Kepada Pihak Sekolah	146
5.5 Kesimpulan	148
Rujukan	149

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>HALAMAN</b>
4.2 Pantun-pantun yang Dikaji	73
4.3.2 Bahan Bantu Mengajar	101
5.2 Tema Pantun yang Dikaji	141

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
3.4.3 Kerangka Teori Kajian	68
4.3.2.1 Ciri-ciri Didik Hibur	99

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Konsep Didik Hibur Dalam Pantun *Pak Hazel: Indahnya Pantun Melayu* Melalui  
Teori Keindahan Braginsky**

**ABSTRSK**

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memperlihatkan keberkesanan penerapan didik hibur dalam pantun Melayu menerusi pantun *Pak Hazel: Indahnya Pantun Melayu Melayu* yang diterbitkan pada tahun 2022. Berdasarkan puisi tradisional ini, memuatkan 208 rangkap pantun empat kerat dan barisnya memiliki tiga patah perkataan dan hanya lima tema sahaja yang dikeluarkan dalam buku pantun tersebut. Dalam konteks ini, penyelidikan ini memilih kaedah kualitatif dan juga kajian kepustakaan menerusi pengumpulan data daripada analisis dokumen iaitu teks *Pak Hazel: Indahnya Pantun Melayu*. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini akan memperlihatkan pengenalpastian terhadap konsep didik hibur dalam buku pantun Pak Hazel: Indahnya Pantun Melayu, malah membincangkan pengaplikasian konsep didik hibur serta menilai keberkesanan Teori Keindahan Braginsky bagi menyerlahkan Nilai Estetika Pantun dengan menggunakan dua pendekatan sahaja dalam teori ini iaitu pendekatan dalaman dan luaran. Oleh itu, maka jelaslah bahawa penelitian ini dapat menilai pendekatan didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran mahupun suasana penyampaian pantun Melayu yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang.

**Kata Kunci:** Pantun Melayu, didik hibur, estetika, Teori Keindahan Braginsky

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## The Concept of Didik Hibur in Pak Nazel's Poems: The Beauty of Malay Poems Through Braginsky's Theory of Beauty

### ABSTRACT

This study was carried out with the aim of showing the effectiveness of the application of didik hibur in Malay poems through the poems of Pak Nazel: Indhannya Melayu Malay Poems published in 2022. Based on this traditional poem, it contains 208 stanzas of four stanzas and the lines have three words and only five themes. which is issued in the book of poems. In this context, this research chooses a qualitative method and also a bibliographic study through the collection of data from document analysis which is the text of Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. In relation to that, this research will show the identification of the concept of didik hibur in Pak Nazel's book of poems: Indhannya Pantun Melayu, and even discuss the application of the concept of didik hibur as well as evaluate the effectiveness of Braginsky's Theory of Beauty to highlight the Aesthetic Value of Poems by using only two approaches in this theory, namely the approach inside and outside. Therefore, it is clear that this research can evaluate the didik hibur approach in the teaching and learning process as well as the atmosphere of delivering Malay poems that emphasize a fun learning environment in a planned manner.

**Keywords:** Malay poetry, Didik hibur, Aesthetics, Braginsky's Theory of Beauty

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Berdasarkan bahagian bab 1 ini, pengkaji akan menjelaskan serba sedikit mengenai tentang perkara penting yang berhubung rapat dengan penyelidikan yang dijalankan, iaitu mengenai latar belakang kajian konsep didik hibur dalam pantun Pak Nazel: *Indahnya Pantun Melayu* melalui penggunaan teori keindahan Braginsky. Latar belakang kajian ini terdiri daripada konsep pantun, ciri-ciri pantun, konsep didik hibur, dan juga teori keindahan. Sehubungan itu, menerusi bab ini akan membahaskan mengenai permasalahan kajian yang merupakan perkara asas kajian ini dijalankan. Selanjutnya, perkara-perkara lain yang turut dibincangkan menerusi bab ini antaranya iaitu persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian. Dengan demikian, kajian ini dilaksanakan adalah berkaitan dengan pantun Melayu dengan tajuk yang dipilih iaitu Konsep Didik Hibur dalam Pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* melalui Teori Keindahan Braginsky.

Dalam pada itu, kesusasteraan adalah perkara yang harus diketengahkan dalam keperluan harian untuk memupuk sifat perpaduan dan juga ketamadunan kemasyarakatan setempat. Hal ini dikatakan bahawa, bidang kesusasteraan merupakan sebuah bidang pada masa kini yang dianggap masih relevan bagi


menghubungkan suatu ideologi ke dalam keperibadian masyarakat Melayu tanpa mewujudkan perbezaan di antara agama, bangsa, kaum dan negara. Sehubungan itu, pemikiran yang unggul dapat dibentuk melalui secara lisan maupun tulisan, kerana dalam pembentukan pemikiran ia dipantulkan atau dicetuskan oleh pengarang yang digambarkan berdasarkan pengkaryaan yang dihasilkan serta menerusi aspek-aspek yang dicetuskan oleh golongan sesebuah bangsa tersebut. Dengan demikian itu, pengkaryaan sastera memiliki manfaatnya tersendiri menerusi nilai estetika yang wujud, berhubung dan juga siratan bahasa yang kukuh.

Rentetan itu, kesusasteraan merupakan suatu elemen yang mempunyai medium pemuliharaan peradaban yang ditunjukkan penggunaannya masih digunakan masa kini hingga masa hadapan kelak. Sehubungan itu, setiap pengkaryaan yang dicipta adalah merupakan khazanah ilmuan yang bernilai dan mempunyai keunggulannya yang tersendiri serta ia tidak mampu ditandingi oleh apa sahaja yang wujud di dalam masyarakat Melayu. Justeru itu, pengkaryaan sastera yang dihasilkan tidak dinafikan ia mempunyai beberapa perkara yang penting antaranya, unsur norma, perilaku dan sifat positif yang dapat diterap ke dalam diri seseorang individu tersebut serta diperluaskan lagi oleh generasi muda sekarang dan dikembangkan oleh generasi seterusnya agar dapat meluaskan lagi perkembangannya. Oleh demikian itu, kesusasteraan ditubuhkan untuk dijadikan sebagai dorongan teguh yang perlu ditonjolkan dalam mendidik maupun membimbing akhlak dan pendirian seseorang individu tersebut dengan memasukkan pelbagai nilai murni yang dapat diguna pakai melalui penghasilan karya sastera yang unggul pada masa sekarang.

Menurut Kamus Dewan (2005), sejenis pantun tradisional yang dipanggil pantun mempunyai empat baris dalam setiap rangkapnya.. Pantun digunakan sebagai alat komunikasi yang berkesan ketika zaman dahulu hingga kini yang diguna pakai oleh pelbagai golongan mahupun lapisan masyarakat. Sehubungan itu, pantun memiliki tema dan kegunaan pelbagai, tamsilnya ia diguna pakai ketika majlis perasmian seperti upacara beradat iaitu ketika pelantikan raja, tradisi pinang meminang, pernikahan, peristiwa, tradisi, perayaan dan seumpamanya. Hal ini dikatakan bahawa, pantun amat penting dalam kehidupan masyarakat yang berkait rapat dengan sesautu pemikiran idea dan tanggapan, perasaan, persepsi, perlambangan, simbolik dan sebagainya. Namun, idea dan pemikiran yang diungkapkan dalam pengkaryaan pantun mempunyai maksud yang sangat tersirat, bermakna dan kukuh yang digayakan, dilenggok dan juga diucapkan menerusi bentuk yang santai, mudah difahami serta sarat dengan kiasan, nasihat, sindiran dan perlambangan, ia memaparkan masyarakat Melayu mementingkan amalan budi bahasa, hemah, berbudi pekerti dan tidak bersifat. Tanpa penelitian dan fahaman yang mendalam mengenai pemaknaan pantun menyebabkan tidak lengkap sesebuah pemikiran dan juga pengetahuan seseorang individu tersebut (Daillie, 1988). Dengan itu, pantun Melayu memancarkan peranannya dan melahirkan pemikiran, emosi, pengalaman, perasaan, perlambangan dan persepsi bagi melangsungkan kehidupan masyarakat Melayu.

Didik hibur adalah sebuah kaedah yang mengguna pakai pelbagai unsur seni di dalamnya serta kaedah pembelajaran secara santai dan menyeronokan (Wan Norliza Wan Mustapha, 2011). Didik hibur juga merupakan kaedah Pedagogii Dalam

Pendidikan (PdP) yang wujud di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada sekitar tahun 2013 hingga 2025, ia merupakan kaedah mudah difahami, menyeronokkan, santai dan damai. Hal ini demikian kerana, para pelajar diberi peluang untuk merasai suasana pembelajaran yang santai dan juga menyeronokkan bagi memupuk minat mereka akan mendalami ilmu dengan tekun serta ia turut memberi peluang kepada para pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Perkara ini dapat memperkuatkan mental pelajar dan menyokong mereka untuk terus mencari ilmu dengan adanya pendekatan kreatif dan positif yang digunakan bagi memfokuskan persekitaran pengajaran yang terancang dan menyeronokan.



UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan Melayu Malaysia mengalami kemajuan dan kemunduran. Ini kononnya ditunjukkan oleh sasterawan negara yang memperjuangkan kesusasteraan Melayu dan mencipta pelbagai gaya sastera yang luar biasa.. Perkara ini meletakkan kedudukan bidang kesusasteraan di peringkat yang lebih tinggi. Tumpuan utama tokoh-tokoh tanah air bukan hanya tertumpu pada penghasilan karya-karya sastera antaranya seperti sajak, prosa sama ada dari aspek tradisional ataupun kemodenan serta cerpen dan sebagainya, tetapi bagi mencapai kemajuan dalam penghasilan teori-teori sastera yang berideologi, demikian memperlihatkan penghasilan teori tersebut berlandaskan aspek kemelayuan. Oleh itu, kewujudan tokoh-tokoh kesusasteraan seperti Ab. Rahman Napiah ataupun lebih mesra digelar sebagai Mana Sikana, Shahnon Ahmad, Abdullah Hussain dan ramai lagi yang ada telah memainkan peranan yang penting dalam membawa perkembangan yang baru seperti kesusasteraan Melayu tidak dirintangi lagi dengan kesusasteraan daripada Barat yang pernah wujud di tanah Melayu. Dengan demikian, dapat dilihat kejayaan Mana Sikana yang berjaya mewujudkan perubahan dalam menukar wajah baharu kesusasteraan di Malaysia dengan adanya teori-teori bercirikan independen.

Rentetan itu, menerusi sejarah dahulu kala telah membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu dahulu kala amat kaya dengan pelafalan atau pengajaran secara lisan yang kini masih digunakan oleh masyarakat Melayu sekarang dengan penggunaan yang tersendiri dan unik serta keistimewaannya. Hal ini demikian kerana melalui pengalaman hidup, ilmu pengetahuan mahupun kemahiran yang sedia ada akan terpahat dalam keperibadian masyarakat Melayu yang telah

memperlihatkan pelbagai pengungkapan pantun yang indah didengarkan beserta ia kaya dengan nilai keindahannya tersendiri. Pantun merupakan sejenis puisi lama tradisi yang kepunyaan masyarakat Melayu ketika dahulu lagi (Pantun Melayu, 1957). Sehubungan itu, pantun dikatakan salah suatu genre yang penting dalam puisi Melayu tradisional yang telah diturun-temurunkan oleh masyarakat Nusantara ataupun khususnya dunia Melayu yang disangka bermula daripada zaman prasejarah lagi. Subjek ini didakwa telah diketahui dan juga diabadikan melalui minda dan kehidupan masyarakat Melayu, yang menjajah wilayah yang cukup besar, termasuk Sabah dan Sarawak, Brunei, sebahagian daripada kepulauan Indonesia, malah semenanjung Tanah Melayu.

Kemudian, pantun Melayu yang sering diguna pakai oleh masyarakat Melayu ketika dahulu kala lagi, ia merangkumi beberapa jenis pantun yang wujud ketika itu, antaranya seperti pantun adat, nasihat, teka-teki, budi, dan jenaka. Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu menganggap pantun ataupun puisi tersebut merupakan cara mereka berinteraksi ataupun komunikasi antara satu sama lain yang digunakan di kawasan tertentu sahaja, dalam pengucapan atau percakapan yang tertentu akan sering diselit beberapa kiasan mahupun sindiran. Pemanfaatan pantun dalam kalangan masyarakat Melayu adalah untuk menyampaikan kiasan mahupun sindiran terhadap khalayak agar yang disindir ataupun diberikan nasihat tidak terguris hati dan tidak marah akan perkara yang ditegur,tamsilnya ia sebaliknya memberi kesedaran dan pengajaran kepada orang yang disindir. Dalam masa yang sama mempunyai keazaman untuk memperbaiki perilakunya, perbuatan dan juga perangai yang tidak digemari oleh masyarakat sekeliling.

Lanjutan daripada itu, setiap pantun yang disampaikan oleh seseorang individu itu dinasihatkan untuk meneliti secara terperinci mengenai isi dan makna pantun yang disampaikan. Hal ini dikatakan bahawa, wujudnya kejadian pantun yang diucapkan menjadi sebagai perbincangan melalui pendeklamasiyan isi-isi pantun. Sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian oleh seseorang individu yang mengutarakan pantun tersebut, dikhawatirkan akan timbulnya kesalahpahaman antara audiens mahupun pendengar terutamanya pantun yang dilontarkan berkait rapat dengan kiasan, pengajaran dan pesanan. Bukan sahaja itu malah, ketika mengucapkan pantun adat, budi dan juga jenaka. Disamping itu, cara penyampaian pantun haruslah diteliti agar setiap makna ataupun tujuan sesuatu pantun itu dapat disampaikan kepada khalayak untuk menghayati dan memahami isi pantun yang ingin disampaikan oleh seseorang individu tersebut. Oleh itu, penciptaan pantun Melayu ketika itu sepenuhnya dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu kala yang mempunyai kegunaan dan fungsinya.

Menurut Aripin Said (1994), telah mendeklarasikan bahawa pantun merupakan puisi Melayu lama yang memerihalkan tentang keindahan berbudi dan keprihatinan masyarakat Melayu ketika kejadian alam dan ruang lingkup kebudayaan. Sehubungan itu, ruang lingkup budaya masyarakat Melayu lama bukan hanya berpusar dalam diri seseorang individu itu seperti suram, sedih, amarah, malah berkaitan dengan persoalan-persoalan persindiran, kiasan, kasih sayang, cinta akan negara, ekonomi, pelabuhan dan sebagainya. Perkara tersebut disimpulkan menjadi suatu pemikiran yang disusun rapi yang dijelmakan dalam perungkapan yang unggul menerusi rangkap-rangkap pantun. Pantun Melayu bukan hanya memiliki makna

yang tersirat malahan penyampaian pantun itu sendiri memainkan peranan dengan penggunaan baris ayat dan pilihan kata-kata yang menarik. Oleh demikian itu, corak sesebuah pemikiran itu akan memaparkan makna tersendiri dan sekaligus menunjukkan paparan alam yang akrab dengan kehidupan masyarakat Melayu lama.

Selanjutnya, pengkaji memilih buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu sebagai kajian konsep didik hibur dalam buku pantun kanak-kanak yang dipilih melalui teori keindahan braginsky. Didik hibur merupakan suatu cara atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pelbagai kaedah seperti mendengar, bertutur, dan juga menulis. Sehubungan itu, didik hibur juga boleh dirumuskan sebagai sesuatu pendekatan yang dijalakan ketika pengajaran dan pembelajaran secara santai dan berhibur dalam satu masa dilaksanakan, antaranya adalah seperti bernyanyi, bercerita, berlakon, dan sebagainya. Dua kaedah utama dalam Teori Kecantikan Braginsky ialah kecantikan dalaman, yang mempertimbangkan asal-usul kecantikan, dan pendekatan kedua, yang mempertimbangkan kedua-dua kualiti imanen kecantikan dan faktor psikologi yang mempengaruhi bagaimana kecantikan dilihat.

Pak Nazel diberi nama Hashim Mohamad merupakan seorang pendidik yang tidak mengenal erti berputus asa dalam menghasilkan karya sastera dan beliau juga gigih untuk memartabatkan bidang kesusasteraan. Hashim Mohamad lebih gemar dikenali sebagai Pak Nazel ketika bergerak aktif dalam bidang kesusasteraan, kecemerlangan dan keunggulan karya beliau serta penciptaan karya sastera bukan hanya terbatas dalam kesusasteraan moden sahaja malah ia turut bergerak aktif dalam menghasilkan karya sastera tradisional. Sehubungan itu, kecenderungan beliau dalam

menciptakan karya-karya adalah berlandaskan gerak hatinya sebagai seorang pendidik yang tidak mengenal erti penat lelah dan menjalankan tanggungjawab untuk mendidik golongan yang memerlukan pendidikan agar golongan tersebut mempunyai ilmu mengenai pendidikan awal tentang alam kedewasaan yang akan ditempuhi dan perlu menerokai lagi ilmu untuk masa depan yang cerah.

Seterusnya, Pak Nazel amat menitikberatkan tanggungjawab yang digalas olehnya dalam mendidik kerana, dunia kini sedia maklum bahawa pendidik tugasnya hanya mendidik agar ilmu yang diajar kepada anak muridnya memberi manfaat pada masa hadapan kelak. Namun begitu, pendidikan dapat dicanai menerusi pelbagai gaya, kaedah dan cabang serta cara pembelajaran yang dilaksanakan. Oleh demikian itu, Hashim Mohamad atau lebih mesra digelar sebagai Pak Nazel tidak melepaskan peluang untuk membuka ruang seluasnya dengan menggunakan cabang dan juga gaya untuk mendidik masyarakat terutama dalam kalangan remaja dengan hasil didikan diri beliau sendiri. Permulaan beliau bermula dalam dunia kanak-kanak dengan menghasilkan karya sastera berunsurkan nasihat, pengajaran, pesanan dan pengetahuan am. Perkara ini bersesuaian dengan kerjayanya yang bermula mengajar pendidikan awal kanak-kanak di peringkat sekolah kebangsaan. Menerusi pengalaman hidupnya, beliau gemar menerokai pelbagai tempat yang berlainan telah mengilhamkan beliau menghasilkan karya-karya kreatif terdiri daripada puisi tradisional, novel, cerpen, pantun, dan drama. Beliau sangat suka menghasilkan puisi tradisional Melayu dengan menyisipkan beberapa pantun agar kelihatan unik dan menarik untuk didendangkan terhadap khalayak.

Dalam cadangan kajian ini, pengkaji akan menerangkan konsep didik hibur dan teori keindahan daripada Braginsky yang terdapat dalam buku pantun kanak-kanak iaitu *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* secara jelas bagi memahami konsep didik hibur dan teori keindahan. Di dalam bidang kesusasteraan Melayu iaitu teori keindahan daripada Braginsky memfokuskan masyarakat Melayu pada abad pertengahan dalam menikmati serta melihat hikmah sastera Melayu menerusi dua aspek, antaranya keindahan dan manfaatnya. Sehubungan itu, kefahaman daripada masyarakat Melayu mengenai estetika dan kaedah yang tertentu dalam melahirkan unsur estetika dalam penghasilan karya sastera. Oleh itu, dengan penggunaan teori keindahan daripada Braginsky dalam kajian ini dapat mengenalpasti unsur keindahan dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*.

Secara keseluruhannya, Braginsky menyimpulkan bahawa keindahan merupakan perkara yang berbagai ragam, beraneka macam, berjenis-jenis pula berdasarkan Braginsky menyatakan suatu yang teratur dan keharmonian. Keanekamacam ini berkait rapat dengan keganjilan atau keanehannya. Justeru itu, keaneka macam memaparkan sesuatu perkara indah sangat mempesona dan menakjubkan kejadiannya. Sehubungan itu, Braginsky mengakui bahawa ciri-ciri keindahan yang diperolehi berdasarkan pemaknaan semantik iaitu `indah`, makna `indah` yang bersifat immanen dan beraneka ragam itulah yang dijadikan sebagai akar maknawi keunggulan dalam kesusasteraan Melayu tradisi. Dalam pada itu, pentakrifan estetika dalam tradisi Melayu yang disimpulkan ini sepenuhnya bersesuaian dengan pengertiannya yang terdapat dalam dunia Islam secaranya amnya. Dalam menjaminkan pendapatnya, Braginsky mendedahkan tokoh-tokoh pemikir

Islam yang turut membahas mengenai keindahan di dalam karyanya antaranya al Ghazalii, Ibnu Khaldun dan Abd. al Karim al jilii. Dengan itu, Braginsky memperlihatkan taktif konsep keindahan kesusasteraan Melayu lama berdasarkan pemaknaan semantik dan iimmanen ‘indah’ dan bergantung sepenuhnya terhadap deskripsi-deskripsi yang wujud dalam teks penulisan mencitrakan sifat estetika tersebut.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Menerusi bahagian ini, permasalahan kajian merujuk kepada sebahagian proses yang melibatkan penerangan mengenai permasalahan yang dialami sepanjang pelaksanaan kajian yang dijalankan. Hal ini demikian kerana, pengkaji memperlihatkan keberadaanya dalam membuat penyediaan untuk mempertahankan isu yang diketengahkan dalam kajian yang dijalankan sebagai suatu aspek perbincangan secara terperinci. Dengan demikian itu, menerusi bahagian ini adalah memperihalkan terhadap penelitian tek penulisan ataupun dokumen berterusan dan juga kajian sokongan bagi memperolehi pelbagai maklumat yang dapat menepati setiap objektif kajian penyelidikan ini.

Rentetan itu, menerusi bidang kesusasteraan Melayu di Malaysia menghadapi kemunduran dan kemajuan. Hal ini dikatakan bahawa, tidak semua masyarakat mengetahui dan mempelajari bidang kesusasteraan. Wujudnya masyarakat yang kurang ilmu pengetahuan tentang mengenai kesusasteraan yang akan menjurus terhadap ketidakfahaman dan ketidakjelasan akan pemaknaan sesebuah pantun yang diungkapkan mahupun menerusi makna tersirat dan tersurat. Hal ini demikian kerana, penyelidikan mengenai pantun Melayu didapati belum meluas dan ia mengakibatkan masyarakat, khususnya dalam golongan muda tidak dapat menelaah dan mendalaminya dengan jelas. Dengan demikian itu, pengajaran dan pembelajaran mengenai pantun Melayu hanya dipelajari ketika para pelajar memasuki peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja manakala dalam kalangan pelajar Universiti sangat terhad.

Seterusnya, permasalahan kajian yang dihadapi oleh pengkaji adalah kekurangan penyelidikan terhadap pantun Melayu dalam bidang kesusasteraan turut mengakibatkan ia dilupakan dalam kalangan generasi akan datang. Bangsa khususnya Malaysia akan kehilangan sejarah kesusasteraan yang berkembang menjadi khazanah skolastik kepada bangsa sekiranya masyarakat tidak lagi mengenali dan memahami tujuan puisi Melayu.. Dengan demikian itu, penyelidikan ini dilaksanakan adalah bertujuan menerangkan dengan terperinci mengenai pantun Melayu yang menggunakan pengaplikasian didik hibur didalamnya serta menilai keberkesanan teori keindahan braginsky bagi menyerlahkan nilai estetika pantun dalam buku *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Dengan menggunakan pengaplikasian didik hibur, masyarakat terutamanya dalam kalangan kanak-kanak akan merasai keseronakkan dan memupuk minat mereka untuk mempelajari karya kreatif ini iaitu pantun Melayu. Di samping itu, penggunaan Teori Keindahan Braginsky, Bagi menunjukkan kepada umum bahawa keindahan tidak berubah oleh maksud tersurat atau tersirat dalam pantun Melayu, pengkaji akan meneroka ciri-ciri keindahan yang terikat dengan interaksi semula jadi antara makhluk dengan Tuhan.

Kemajuan teknologi dan kewujudan media massa, tamsilnya *Instagram*, *Facebook*, *WhatsApp*, *Twitter* dan seumpamanya dapat menyebabkan estetika pantun Melayu terancam dengan kewujudan bahasa yang tidak relevan ataupun tidak memaparkan kesantunan berbahasa (Siti Hajar Che Man, 2013). Tamsilnya, *Pulau kabau so far ke tengah, Gunung mangkuk bercabang triple: Benda mungar together kita tegah, Dosa maksiat jangan ambil simple* yang menunjukkan penggunaan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris menjadikan ia tidak mempunyai keindahan dan

didaktik terhadap khalayak dan tidak mencapai tujuan sebenar yang diperlukan di dalam pantun Melayu. Hal ini diperkatakan bahawa kewujudan sebenar asal usul pantun Melayu adalah bertujuan memberi pengajaran, nasihat, didikan, kesedaran terhadap kesemua masyarakat. Namun, penggunaan bahasa yang bercampuran aduk dan tidak senonoh serta tidak memilki maksud yang baik telah menyebabkan keaslian pantun Melayu tercemar, hilang dan lenyap seiringi dengan peredaran zaman dan masa. Dengan itu, penggunaan bahasa yang unggul, tersusun dan mantap dalam penghasilan pantun jelas menunjukkan kebijaksanaan generasi muda dalam menggunakan bahasa sastera yang relevan dengan baik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini merujuk terhadap objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Antaranya adalah seperti berikut iaitu:

- 1.4.1** Apakah konsep didik hibur yang terdapat di dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*?
- 1.4.2** Apakah teori keindahan braginsky yang dapat dikesan di dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*?
- 1.4.3** Sejauhmanakah didik hibur yang terdapat di dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* yang dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat umum?

## 1.5 Objektif Kajian

Penelitian yang dilakukan terhadap kajian ini akan memperlihatkan tujuan utama kajian, antaranya ialah:

- 1.5.1 Menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu.*
- 1.5.2 Mengenal pasti pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu.*
- 1.5.3 Menilai keberkesanan teori keindahan braginsky bagi menyerlahkan nilai estetika pantun dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu.*

## 1.6 Skop Kajian

Menerusi skop kajian merupakan suatu batasan kepada penelitian atau pemerhatian terhadap sesuatu penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Sehubungan itu, kajian ini terbatas kepada konsep didik hibur dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* dengan menitikberatkan penggunaan teori keindahan braginsky sebagai landasan ataupun panduan bagi menjalankan penyelidikan. Sehubungan itu, bahan dan sumber penyelidikan yang akan digunakan dalam penyelidikan ini ialah sesebuah buku pantun yang dihasilkan oleh Hashim Mohamad ataupun gemar dikenali sebagai Pak Nazel yang bertajuk *Pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* diterbit oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2022 dan dicetak oleh Legasi Press Sdn. Bhd.

Pemilihan buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* ini adalah berdasarkan pantun Melayu serta memfokuskan isi dan mesej yang ingin disampaikan dalam buku pantun tersebut. Teks ini merangkumi 208 rangkap baris yang terdiri daripada tema nasihat dan pesanan, berbuat baik sesama manusia, keadilan dan pengetahuan am. Pantun yang dihimpun di dalam buku tersebut bersesuaian sebagai pantun yang unggul, baik, yang indah dan berkesan serta ia juga sesuai dengan konsep estetika dan etika puisi Melayu yang berlandaskan kepada tiga aspek penting iaitu struktur, teman, dan fungsinya. Dari segi struktur, pantun yang terdapat di dalam buku *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* terdiri daripada rangkap ataupun larik yang berpasangan dua. Setiap larik dihasilkan terdiri daripada tiga perkataan sahaja

dengan memiliki suku kata antara lapan hingga sebelas, dan terdapat juga rima dalaman.

Sehubungan itu, kajian ini membataskan kepada pantun yang dihimpun di dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* berdasarkan unsur nasihat dan pesanan, berbuat baik, sesame manusia, keadilan, cintan terhadap negara, dan pengetahuan am. Buku tersebut memuatkan 208 rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya mempunyai tiga patah perkataan akan diteliti untuk melihat konsep didik hibur di dalam pantun tersebut. Pantun tersebut dikhaskan untuk pelbagai peringkat umur terutamanya golongan kanak-kanak. Dengan demikian itu, pantun-pantun tersebut akan dianalisis menggunakan teori keindahan daripada Braginsky.Tiga aspek kecantikan akan dikaji dalam kajian ini: asal-usul kecantikan, kualiti kecantikan yang kekal, dan psikologi persepsi kecantikan.Hal ini kerana, ketiga-tiga aspek ini bersifat universal dan stereotaip kerana selain dinyatakan dengan jelas dalam pengkaryaan, ia juga hadir dalam setiap hasil persuratan Melayu, baik dalam bentuk prosa maupun puisi. Pembatasan kepada tiga aspek ini membolehkan kajian mendalam dilakukan terhadap pantun untuk memperlihatkan konsep didik hibur dalam *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* serta memperlihatkan keindahan pantun.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini memiliki beberapa kepentingan. Antaranya ialah dapat membantu masyarakat Melayu terutamanya generasi kini untuk menghayati dan memahami nilai estetika yang wujud dalam sesebuah pantun dari segi isi dan maknanya, khususnya menerusi buku Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Sehubungan itu, buku tersebut memuatkan sebanyak 208 rangkap pantun empat kerat dan setiap baris ayatnya terdiri daripada tiga patah perkataan. Hal ini dapat memudahkan pembaca menghayati setiap makna atau maksud tersirat mahupun tersurat yang terdapat pada setiap pantun di dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu kerana setiap rangkap pantun yang dihasilkan adalah ringkas dan mudah untuk difahami. Justeru itu, pantun-pantun yang dipaparkan di dalam buku pantun tersebut kebanyakannya berunsurkan nasihat, pengajaran dan pesanan, panduan berbuat baik sesama manusia, kasih saying, cinta terhadap alam dan negara, mencapai keadilan dan juga pengetahuan am. Oleh demikian itu, pembaca terutamanya kanak-kanak pastinya akan tertarik untuk mempelajari pengkaryaan kreatif ini dengan lebih lanjut.

### 1.7.1 Negara

Menerusi kepentingan kajian menerusi perspektif negara memaparkan hasrat kerajaan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) telah memperkenalkan suatu kaedah yang akan digunakan oleh para pelajar dalam pembelajaran iaitu pendekatan didik hibur yang membawa maksud pembelajaran yang berunsurkan

seni dan mudah difahami, menyeronokkan, santai dan damai. Ia bertujuan bagi mencapai hasrat perubahan kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) di dalam bilik darjah dengan menggunakan pendekatan baharu. Pendekatan didik hibur yang perkenalkan terhadap sistem pendidikan akan mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan para pelajar. Keberhasilannya, pembelajaran yang disampaikan oleh pendidik akan mudah dihayati dan difahami dengan mendalam oleh pelajar. Pendekatan didik hibur ini bersifat santai ataupun damai dan menyeronokkan, malah ia turut terkawal dan terancang dengan memberikan penekanan terhadap cara pelaksanaannya kepada empat komponen antaranya nyanyian, penceritaan, lakonan dan berpuisi (Aminudin Ahmad, 2017).

### **1.7.2 Masyarakat**

Menerusi penyelidikan ini, telah mewujudkan peluang kepada masyarakat, khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja agar memahami konsep didik hibur yang telah diterapkan di dalam buku *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* dengan lebih mendalam sambil memperlihatkan unsur keindahan disebalik rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya yang memiliki tiga patah perkataan serta ia berunsurkan nasihat dan pesanan, berbuat baik sesama manusia, kasih sayang dan sebagainya. Ekoran itu, Kewujudan teknologi kini makin lama semakin canggih, selari dengan arus kemodenan dunia sekarang. Hal ini menyebabkan wujudnya pelbagai cabang ilmu dan maklumat serta bahan

ilmiah yang disampaikan melalui penggunaan media massa. Kepelbagaiannya aktiviti hiburan turut diadakan dari segi alam maya maupun secara realiti yang melibatkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Dalam pada itu, teknologi kini khususnya penghasilan gadget-gadget yang canggih dan permainan video yang makin lama makin canggih kualitinya membuatkan golongan kanak-kanak maupun remaja yang leka melayarinya sehingga banyak mengabaikan aktiviti kehidupan seharian. Dengan keadaan sedemikian, wujudnya implikasi yang buruk terhadap mereka sekiranya gejala tidak sihat ini diamalkan tanpa menyedari bahawa buruk padahnya apabila terlalu terdedah dengan perkara tersebut. Oleh demikian itu, dengan menjelaskan konsep didik hibur ini kepada golongan memerlukan terutama golongan kanak-kanak maupun remaja tentang kebaikan dan kepentingan didik hibur ini dalam keperluan seharian ajar dapat membentuk jati diri dalam diri mereka semua.

### 1.7.3 Individu

Kepentingan kajian yang boleh diambil kira dalam penyelidikan ini adalah dari perspektif individu mengenai citra keindahan karya sastera Melayu melalui buku pantun kanak-kanak iaitu pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* dengan membuat penelitian terhadap gaya bahasa dalam buku pantun tersebut. Hal ini memaparkan keseluruhan pantun dalam buku pantun ini dihasilkan dengan menggunakan kepelbagaiannya kosa kata dan juga penggunaan bahasa puitis dalam penulisan teksnya menjadikan ia suatu karya yang kreatif. Keindahan merupakan

suatu daya tarikan yang dapat mendorong pembaca jatuh cinta akan kepadanya. Menurut Muhammad Hj. Salleh bahawa keindahan ini wujud ketika adanya sifat positif dan unggul untuk pengarang dan khalayak serta menolong manusia lebih aman dan nyaman serta membentuk manusiawi. Dalam pada itu, menerusi tradisi kesusasteraan Melayu telah memperlihatkan makna kesusasteraan itu sendiri yang mencerminkan sifat indah yang ada pada sesebuah karya tersebut. Tamsilnya, permulaan sus yang terdiri daripada perkataan kesusasteraan itu sendiri membawa maksud elok dan indah. Dengan itu, keindahan merupakan unsur terpenting dalam sesebuah karya kesusasteraan, malahan menjadi penunjuk arah ataupun panduan. Dengan itu, mendalami dan menelaah secara mendalam bagi menambahkan ilmu pengetahuan terhadap setiap individu tentang mengenai keindahan menerusi pengaplikasian didik hibur yang digunakan dalam *pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, menerusi konteks ini dapat disimpulkan bahawa proses bagi mengenalpasti sesebuah pelaksanaan kajian dengan meneliti segala aspek keberadaannya dalam mencapai matlamat kajian yang ditetapkan. Dalam hubungan itu, kemudahan dalam menganalisis objektif kajian untuk menjadikannya lebih mudah dilaksanakan kerana, ia dapat diketahui kepentingan dan juga tahap keterbatasannya agar penghasilan dapatan kajian yang diperoleh akan menepati setiap keperluan kajian tersebut. Oleh demikian itu, pendekatan yang bersesuaian adalah berpandukan kaedah kualitatif yang merangkumi dua kaedah yang akan dilaksanakan untuk menjalankan kajian iaitu antaranya ialah kaedah kepustakaan dan menganalisis dokumen ataupun kandungan sebagai rujukan utama kajian. Disamping itu, berdasarkan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu berdasarkan Braginsky merupakan seorang sarjana luar yang sering membahaskan mengenai estetika dan keindahan dalam penghasilan karya sastera Melayu tradisional serta turut menyatakan bahawa keindahan adalah merupakan pengertian utama dalam struktur estetika dalam bidang kesusasteraan Melayu. Keadaan ini menerangkan, istilah perkataan indah dalam sastera Melayu tradisional dari segi pemaknaan semantiknya tersendiri bukan hanya sahaja tertakluk kepada istilah `indah`, malahan ia turut berpaut kepada beberapa istilah lain yang membawa maksud yang sama dengan pengertian indah, tamsilnya ialah ajaib, memesona, bahari, cantik dan menawan. Berdasarkan Braginsky lagi, pemakaian istilah `indah` dalam pengkaryaan kesusasteraan tradisional lebih menitikberatkan perspektif luaran, malah `elok` memfokuskan perspektif dalaman yang mendasar dan terselubung ghaib.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pendahuluan

Berdasarkan bab 2 ini, pengkaji menyentuh tentang penyelidikan atau kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji tempatan mahupun luar yang mengkaji puisi tradisional iaitu pantun Melayu. Sehubungan itu, pengkaji akan menyertakan atau mengembangkan beberapa kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para pengkaji lain mengikut tema iaitu pantun Melayu, didik hibur dan Teori Keindahan Braginsky. Perbincangan ini berkait rapat dengan kajian awal yang telah dilaksanakan, iaitu antaranya penulisan, teks, buku, kajian akademik dan juga pandangan tokoh tentang kajian pantun Melayu. Ekoran itu, perbincangan kajian lepas adalah mengenai bahan kajian yang dikaji iaitu buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Seterusnya, dibahaskan juga mengenai kajian literatur yang berhubung kait dengan nilai estetika dengan penggunaan teori yang dipilih untuk menjalankan kajian ini iaitu Teori Keindahan daripada Braginsky. Justeru itu, perbincangan mengenai kajian-kajian ini akan merangkumi dengan kajian-kajian relevan sahaja dan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan iaitu seperti Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Tesis Ijazah Sarjana, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Artikel Jurnal dan naskhah Buku.

Rentetan itu, sorotan kajian lepas dikatakan amat penting kegunaannya dalam menjalankan sesebuah penyelidikan. Dalam pada itu, tujuan penyelidikan lepas yang telah dilaksanakan adalah untuk mengukur kemampuan kefahaman pengkaji lepas yang telah melaksanakan penyelidikan itu terlebih dahulu. Seterusnya, Kajian lepas berfungsi sebagai memberi gambaran penyelidikan itu dijalankan, dengan itu kajian lepas merupakan maklumat bagi para pengkaji yang ingin mengkaji kajian tersebut. Dengan demikian, setiap kajian lepas yang akan disenaraikan oleh pengkaji akan memudahkan ia untuk dibuat perbezaan setiap kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas yang berlainan. Oleh itu, menerusi kajian lepas yang akan disenarai mengikut bahagian yang telah dipecahkan, pengkaji akan melihat secara terperinci sekiranya ia bersesuaian dan relevan untuk dimasukkan ke dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## 2.2 Kajian Lepas Mengenai Pantun Melayu

Pantun Melayu merupakan suatu bentuk puisi tradisional yang berasal daripada tradisional dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Pantun terkenal dengan corak empat baris, yang biasanya digunakan dalam pelbagai konteks seperti perayaan, upacara ataupun komunikasi harian. Namun, kajian pantun Melayu boleh merangkumi pelbagai aspek, antaranya sejarah, struktur, gaya bahasa dan juga fungsi sosial.

### 2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Berdasarkan penyelidikan ini, pengkaji telah mengenal pasti dan menganalisis penulisan teks tentang pantun didalam buku *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) terbitan daripada Yayasan Karyawan, yang telah diselenggarakan oleh Harun Mat Piah. Kajian ini dilaksanakan oleh Eizah Binti Mat Hussain (2016) tentang kajian yang berjudul *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata* yang menyatakan pantun dikategorikan sebagai genre puisi tradisional yang di turun-temurun kepada masyarakat Nusantara ataupun dunia Melayu. Sehubungan itu, pantun ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu dihasilkan oleh Muhd. Salleh dengan menitikberatkan satu prinsip sahaja khususnya Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu. Ekoran itu, analisis yang dijalankan telah menggunakan tiga sub-prinsip yang hanya terkandung dalam prinsip Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu iaitu memerihalkan

dunia yang luas telah dipadatkan, kiasan dan saranan serta dunia berjodoh yang menggambarkan suatu keindahan sesebuah penghasilan pantun. Hal ini kerana, setiap rangkap terjadi ataupun terbentuk daripada baris-baris yang sejajar dan juga berpasangan antara 2,4,6,8,10 dan seterusnya lagi, malahan yang paling umum dikenali hanya empat baris.

### **2.2.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Azyantee Binti Mohd Zawawi (2016) dalam kajiannya '*Lema dalam Pantun Melayu Minangkabau*' memperihalkan mengenai istilah yang digunakan oleh Levelt untuk leksikal. Menerusi leksikal, penutur memanfaatkan pengetahuan tentang perkataan tertentu yang dirimpun. Bahan yang dirimpun dan disimpan terdiri daripada pemaknaan perkataan dengan sifat sintaksis, antaranya golongan kata, ciri-ciri sub-kategori untuk menggunakan kata kerja dan juga kata nama yang berasaskan gender. Ekoran itu, pantun menerusi masyarakat Melayu merupakan salah satu bentuk puisi tradisional Melayu yang dahulu lagi diwarisi secara turun temurun kepada generasi kini tetapi tidak ketahui tarikh sebenar atau sahih mengenai kewujudannya. Pantun Melayu dikatakan telah wujud sejak zaman kerajaan Melaka dan juga catatan mengenainya terdapat dalam teks Sejarah Melayu.

Menurut Johari B. Yahaya (2015) membahaskan mengenai pantun Melayu adalah pantun lama yang terdiri daripada satu bahasa yang unik dan

keistimewaannya tersendiri kerana pantun mempunyai kekayaan bahasa kiasan yang unggul dan tinggi nilainya. Hal ini dikatakan bahawa masyarakat Melayu setempat dahulu amatlah dikenali dengan sikap yang sopan santun, lemah lembut, dan juga budi bahasa yang baik. Pantun juga memiliki pelbagai aspek yang berkaitan dengan norma hidup dan juga nilai sebagai wadah dalam bentuk nasihat, sindiran,gurauan dan luahan perasaan. Dengan itu, melalui pantun dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu tradisi mempunyai ketajaman pemikiran yang dapat mentafsir serta merentasi masa dan juga zaman malah didalamnya mempunyai nilai budaya Melayu yang padat dengan isi tersurat dan juga tersirat sebagai pedoman hidup.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nurul Ain .Alizuddin (2015) yang berjudul '*Pantun Melayu: Analisis ayat majmuk Bahasa Melayu*' menjelaskan bahawa korpus ataupun bahan kajian yang digunakan ialah berkaitan dengan pantun Melayu. Sehubungan itu, pantun merupakan warisan masyarakat Melayu yang dahulu kala lagi. Hal ini dikatakan keindahan kata bagi sesebuah pantun dapat dilihat menerusi daya cipta pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu tradisional yang unggul, multak, dan bernilai seni serta pantun juga merupakan hak milik Bersama masyarakat kerana ia tidak diketahui pengarang atau pencipta yang menghasilkannya. Dalam kajian ini, menggunakan pantun Melayu sepenuhnya untuk menjalankan penyelidikan menganalisis ayat majmuk. Pantun Melayu dikatakan ketika dicipta oleh masyarakat Melayu untuk menyampaikan perasaan hati seperti sedih, marah

dan gembira. Seterusnya, pantun juga bertujuan dalam membicarakan budi bahasa, kasih sayang, kemasyarakatan, perkahwinan, dan sebagainya.

Shuib Bin Dan (2005) dalam kajiannya bertajuk '*Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti*' memerihalkan tentang pantun yang mempunyai keistimewaan tersendiri yang merupakan cerminan kepada pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Sehubungan itu, keupayaan dan kelebihan pantun berperanan sebagai alat pengucapan agama dan juga akhlak yang dianggap sesuatu istimewa dan unik, kerana ia berfungsi sebagai alat komunikasi kemasyarakatan Nusantara dalam pelbagai kegiatan dan amalan mereka. Natijahnya, menerusi ajaran Islam dapat disampaikan secara halus dan indah melalui pemaknaan pantun yang dihasilkan.

### 2.2.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda

Kajian yang dijalankan oleh Amelia Farhana Zuraimi (2022), dalam kajiannya yang berjudul '*Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu: Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu*' menjelaskan mengenai pantun yang dijadikan sebagai perlambangan mahupun simbol kebijaksanaan bagi masyarakat Melayu terdahulu melalui pemikiran yang kreatif dan unggul dalam penghasilan sesebuah pantun. Wujudnya tafsiran masyarakat daripada penciptaan pantun yang menggambarkan alam persekitaran dijadikan sebagai ilham bagi menghasilkan dan menyampaikan

pantun. Dengan demikian, pemilihan daksi dan juga pembayang dalam sesuatu pantun yang kukuh dan tepat memperlihatkan unsur keindahan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dalam mengungkapkan tentang perasaan masyarakat tersebut dengan penggunaan empat baris pantun. Penggunaan bahasa turut mempengaruhi dalam mengesan unsur keindahan dalam pantun Melayu manakala, bagi kebijaksanaan masyarakat Melayu terdahulu pula dipengaruhi kearifan mereka sendiri dalam menggunakan bahasa yang indah dan tersusun rapi.

Rentetan itu, Fathin Izzati Binti Abd Hamid (2022), dalam kajiannya yang bertajuk '*Interpretasi Padi dalam Kehidupan Masyarakat Melayu melalui Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara*' menjelaskan mengenai pantun yang disampaikan memiliki pemaknaan dan pesanan yang diselitkan bagi memastikan masyarakat yang boleh dijadikan sebagai iktibar dan digunakan untuk berkomunikasi dengan cara yang berhemah dalam menyampaikan perasaan hari seseorang individu. Pantun juga berfungsi sebagai tradisi budaya Melayu kerana ia memiliki kebijaksanaan dalam daya kreativiti dan juga pemikiran yang unggul masyarakat Melayu dalam pengolahan ayat baik. Sehubungan itu, padi mempengaruhi pemikiran dan perlakuan masyarakat Melayu dan seterusnya ia memainkan peranan penting dalam membentuk tradisi yang unggul dan kukuh. Wujudnya intelektual dalam kemasyarakatan Melayu yang mampu dibentuk melalui unsur padi dengan pelbagai sudut serta ia menerusi lingkungan yang mempengaruhi padi tersebut.

#### 2.2.4 Artikel Jurnal

Azim Nr. Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi (2021), dalam penyelidikannya iaitu '*Nilai Patriotisme dalam Pantun Pak Nazel*' menerangkan tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam Pantun Pak Nazel dengan menitikberatkan ke atas nilai patriotisme. Kajian ini menerangkan patriotism merupakan konsep yang berkait rapat dengan kenegaraan. Hal ini kerana negara yang utuh akan dibentuk oleh suatu warisan dan wawasan yang berlandaskan liku-liku sejarah yang dilalui oleh rakyat ataupun masyarakat dalam sebuah pembentukan negara. Menerusi warisan, menunjukkan sebuah negara terbentuk atau terciptanya dari kehidupan rakyat yang diketuai oleh pemerintah yang memerintah rakyat untuk melepassi pelbagai liku sejarah sejak zaman dahulu kala lagi. Oleh itu, hubungan antara rakyat dengan negara dan juga pemimpin diikat oleh semangat patriotisme. Sehubungan itu, patriotism membawa maksud kecintaan seseorang individu terhadap tanah tumpah darahnya, negaranya dan turut merupakan semangat yang hadir dalam diri disebabkan sayang dan cinta akan tanah air. Oleh itu, semangat ini dikatakan lahir dari dalam diri tanpa paksaan ataupun tunjuk ajar daripada sesiapa serta ekspresi semangat patriotik ini muncul daripada jiwa luhur dan kasih kepada negara.

Kemudian, menerusi kajian daripada Fudzla Suraiyya Abdul Raup, Nasirah Ismail dan Muhammad Hatta Shafri (2020) yang bertajuk '*Strategi Penterjemahan Pantun Melayu-Arab dalam Siri Animasi Upin & Ipin*' memerihalkan mengenai siri animasi iaitu Upin & Ipin yang merupakan karya

bahasa Melayu terbitan daripada Les' Copaque Production yang telah ditayangkan di televisyen untuk mendidik golongan kanak-kanak dalam menghayati kehidupan masyarakat Melayu. Sehubungan itu, proses penterjemahan dialog siri animasi tersebut berkait rapat dengan pantun Melayu yang disangka sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Menerusi kajian ini juga menerangkan pantun adalah salah satu komponen puisi tradisional Melayu yang memiliki pembayang dan maksud. Natijahnya, pantun dapat dibahagikan kepada beberapa jenis yang menerusi daripada tiga aspek utama antaranya jumlah baris, teknik berkaitan dan juga rima dalam pantun.

Syahidatul Syahadah Yf. dan Muhd Norizam Jamian (2020) dalam kajiannya yang bertajuk '*Penaakulan Moral dalam Pantun Pak Nazel 101 Perkara*' menghuraikan bahawa pantun memiliki nilai estetika yang unggul dan tinggi, pantun juga berperanan dalam menyampaikan nasihat, pesanan, didikan dan juga pengajaran yang berunsurkan moral didalamnya. Menerusi penelitian yang dijalankan mendapati adanya unsur penaakulan moral yang terkandung dalam kelompok pantun tersebut yang dapat dilihat melalui empat elemen, antaranya pemikiran rasional, optimis, normaltif dan juga bijaksana. Oleh itu, pantun adalah warisan tradisi lisan yang dijadikan sebagai lambang kebijaksanaan masyarakat Melayu dan dijadikan wadah dalam menyampaikan pujian, nasihat, sindiran , kasih sayang, jenaka, dan hampir semua aspek yang merangkumi kehidupan termasuklah unsur moral kerana masyarakat Melayu terdahulu amatlah mementingkan nilai budi pekerti. Natijahnya, niali-nilai

moral dapat melahirkan seseorang individu yang unggul dan sempurna keperibadiannya.

M. Zikri Wiguna, Ramadhan Kusuma Yuna dan Indriyana Uli (2017), dalam penelitiannya yang bertajuk ‘*Analisis Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Pantun Melayu Sambas*’ memerihalkan mengenai budaya dalam pantun Melayu Sambas menunjukkan nilai yang merangkumi adat ataupun panduan orang-orang Melayu. Melalui penggunaan pantun menunjukkan ia mendidik masyarakat dalam pelbagai bentuk seperti pantun dakwah, pantun nasihat, pantun adat, pantun pengajaran, pantun pembakar semangat, berkasih sayang, sindiran dan sebagainya. Seterusnya, nilai pendidikan akhlak moral yang terdapat dalam pantun tersebut memberikan pengetahuan tentang tingkah laku seseorang individu yang positif dalam kehidupan seharian. Dengan demikian itu, pantun pula merupakan peranan yang amat penting dalam menyebarkan nilai-nilai asas Melayu serta ia merupakan khazanah budaya bernilai yang perlu dipertahankan. Oleh itu, melalui nilai-nilai pendidikan ini, membuktikan bahawa pengkaryaan sastera selalunya mengandungi nilai-nilai kehidupan yang dapat dijadikan tauladan dan pengajaran.

Menurut Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abd. Mutalib, Alizah Lambri, St. Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman dan Rosmah Derak (2017) dalam penelitiannya yang bertajuk ‘*Akal Budi dan Cermiinan Jati Diri Melayu dalam Pantun*’ menghuraikan mengenai nilai jati yang dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Melayu boleh diterapkan melalui nilai pengajaran yang wujud

dalam sastera Melayu tradisi. Hal ini dikatakan dalam bidang kesusasteraan Melayu tradisional, pantun adalah suatu wadah kesusasteraan yang disampaikan secara lisan dan ia diturun temurunkan daripada generasi kepada generasi seterusnya. Sastera rakyat terbahagi kepada dua jenis iaitu dikenali dalam bentuk cerita dan bukan cerita. Berdaarkan sastera lisan dalam kategori bukan cerita adanya genre iaitu pantun, teromba, peribahasa, mantera, gurindam, dan sebagainya. Sehubungan itu, keindahan pantun bukan hanya terletak pada kalimatnya yang berima, malah terdapat di dalamnya pemaknaan dan falsafah yang unggul dalam mewakili pemikiran masyarakat Melayu terdahulu serta pantun dikatakan diciptakan berunsurkan nasihat, pengajaran, tentang cara hidup beragama, kemasyarakatan dan kekeluargaan.

Kajian yang dilaksanakan oleh Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) dalam penelitiannya yang bertajuk '*Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu*' menyatakan bahawa bahasa merupakan cerminan suatu pemikiran dan kehidupan seseorang penutur. Hal ini kerana bahasa Melayu dengan jelasnya menunjukkan cerminan sesuatu pemikiran dan corak kehidupan orang Melayu. Tamsilnya, bahasa Melayu adalah kaya dengan pepatah petitih dan juga pantun, kedua-duanya dengan telitinya memperlihatkan perenggu minda orang Melayu. Dengan itu, pemikiran Melayu amatlah dipengaruhi oleh alam sekeliling iaitu alam flora dan fauna yang berlatarkan kehiduapan masyarakat Melayu. Dalam pantun yang dikaji mempunyai pelbagai metafora yang memperlihatkan perenggu

minda masyarakat Melayu mengenai kasih sayang, kiasan, nasihat, jenaka, peribahasa, agama, budi, kepahlawanan dan sebagainya.

Disamping itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Siti Hajar Che Man (2013), menyatakan bahawa pantun itu merupakan hasilan kreatif daripada manusia ataupun masyarakat Melayu tradisi dahulu kala. Hal ini dikatakan, pantun merupakan salah satu genre asli dalam bidang kesusasteraan yang dijadikan sebagai wahana bagi pengucapan dalam pelbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat terdahulu. Sehubungan itu, pantun turut dijadikan sebagai khazanah yang berharga dan bernilai serta dijadikan perlambangan kepintaran masyarakat Melayu. Keunikan dan keistimewaan pantun adalah merakam corak kehidupan dan aktiviti kehidupan yang digambarkan dengan mengeksplorasi unsur-unsur alam yang melatari dan merangkumi persekitaran kawasan tersebut.

Zahir Ahmad (2005) dalam kajiannya yang bertajuk '*Pantun Melayu sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu*' menjelaskan pantun merupakan suatu pengucapan secara lisan yang digunakan oleh masyarakat Melayu sejak zaman berzaman dahulu kala lagi. Tamsilnya, dikatakan hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu terungkap satu persatu melalui pantun. Ekoran itu, terdapat pantun-pantun yang memaparkan aspek pendidikan yang tuju secara khas untuk kanak-kanak, remaja, dan orang dewasa. Sementara itu, luasnya ruang cakup yang diliputi oleh pantun yang menyebabkan kajian-kajian yang dilakukan ke atasnya terlihat belum sampai ke penghujungnya.

### 2.2.5 Buku

Berdasarkan buku yang berjudul *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* yang diterbitkan daripada Yayasan Karyawan dan tahun terbitan pada 2007 serta dihasilkan oleh Harun Mat Piah menerangkan mengenai pantun adalah suatu genre yang terdiri daripada puisi tradisional yang dikenali oleh masyarakat terdahulu khususnya, Dunia Melayu ketika itu. Buku ini menghimpunkan lebih 4000 rangkap pantun Melayu didalamnya yang merupakan puisi istimewa ciptaan masyarakat Melayu. Seterusnya, Harun Mat Piah menyatakan lagi bahawa penghasilan pantun di Sri Lanka mempunyai campuran bahasa yang digunakan iaitu bahasa Melayu serta di kawasan Sinhala dan juga Tamil memanggil pantun sebagai *phantong*. Walau bagaimana sekalipun, identiti pantun masih dikekalkan dengan keunikannya dari segi struktur, corak bentuk dan rima dan juga makna serta pembayang yang digunakan. Malahan, pemikiran masyarakat Melayu ketika itu dapat ditonjolkan menerusi penggunaan pantun yang menggambarkan hubungan keakraban mereka dengan kehidupan alam sekitar. Disamping itu, ciri-ciri yang ditekankan dalam pantun bukan hanya dilihat sifat estetikanya sahaja tetapi ciri-ciri dalamnya yang kukuh dan tepat iaitu mengandungi pengertian yang jelas, pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam setiap rangkap pantun dihasilkan. Dengan itu, keperibadian, kenilaian dan minda masyarakat Melayu dapat dilihat menerusi pantun.

Selain itu, menerusi buku kajian iaitu buku pantun *Pak. Nazel: Indahnya Pantun Melayu* hasil karya daripada Nazel Hashim Mohd, (2022).

Buku pantun ini memuatkan sebanyak 208 rangkap yang terdiri daripada pantun empat kerat dan setiap baris ayatnya terdiri tiga patah perkataan sahaja. Sehubungan itu, setiap rangkap ayat pantun tersebut adalah ringkas dan mudah untuk difahami. Tambahan pula, pantun-pantun yang dipaparkan berunsurkan nasihat, dan juga pesanan, berbuat baik sesama manusia, kasih sayang, cinta terhadap negara dan alam, keadilan, dan pengetahuan am. Oleh itu, kanak-kanak pastinya akan menyukai buku pantun ini dan akan terdorong untuk meminatinya dan seterusnya mempelajari karya kreatif yang terdapat dalam buku ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.3 Kajian Lepas Mengenai Didik Hibur

“Dik Hibur” merupakan singkatan daripada “Didik Hibur” yang merupakan inisiatif yang diperkenalkan di Malaysia untuk mendekatkan pembelajaran dan hiburan dalam satu pendekatan. Inisiatif ini bertujuan untuk menyampaikan informasi mengenai pendidikan dengan cara yang menarik dan menghiburkan suasana, sehingga ia dapat memberi kesan efektif bagi menarik perhatian audiens, terutamanya generasi muda iaitu kanak-kanak dan remaja. Konsep ini sering digunakan dalam konteks program yang melibatkan pendidikan di televisyen, radio ataupun platform digital (Mazlan Ismail, 2016).

### 2.3.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Berdasarkan kajian oleh Siti Rohana Binti Salleh (2021) dalam penelitiannya yang berjudul *“Pembangunan Modul My KAPS Berasaskan Nyanyian secara Didik Hibur bagi Penerapan Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah”* menjelaskan mengenai pembangunan modul yang diterbitkan yang berasaskan nyanyian secara didik hibur dalam penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Selain itu, menerusi kajian ini memperlihatkan bahawa aktiviti nyanyian turut membantu para pendidik untuk memberi pendedahan tentang peraturan dan panduan baru, iaitu penerapan kepada nilai-nilai murni, sebagai amalan rutin bilik darjah, serta merancang pengajaran dan pembelajaran untuk Tunjang Keterampilan Diri.

Mariah Binti Muda (2007) dalam penelitiannya yang bertajuk “*Keterlibatan Audien Belia Awal dengan Genre Didik-Hibur di Televisyen*” menjelaskan mengenai permasalahan dalam memahami fenomena keterlibatan audien belia awal melalui pelbagai etnik dengan genre didik-hibur yang dikhususkan kepada iklan-iklan kemasyarakatan yang disiarkan menerusi televisyen di negara ini. Kajian ini bertujuan memahami sikap-sikap audien belia awal terhadap genre tersebut, audien belia awal terdiri dari etnik Melayu, Cina dan India. Mereka semua dipilih secara persampelan yang mempunyai tujuan, ia berpandukan pemilihan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

### **2.3.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Berdasarkan Owing Ji Seng (2020) dalam penelitiannya yang berjudul ‘*Perbezaan Tahap Pengetahuan dan Sikap Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*’ menerangkan bahawa pendekatan didik hibur merupakan pendekatan pengajaran yang dilaksanakan di bilik darjah secara santai dan seronok. Pengajaran yang diberikan oleh guru akan menjadi lebih mesra pelajar kerana mereka dapat menerima pengajaran guru tanpa terasa tertekan ketika belajar. Sehubungan itu, sistem pendidikan yang wujud di Malaysia masih menerima proses transformasi dalam penambahbaikan dan juga meningkatkan tahap kecemerlangan dalam aspek pendidikan negara ke tahap antarabangsa. Kualiti dan kecemerlangan bagi pendidikan awal berhubung kait dengan proses pengajaran pendidik. Seterusnya, untuk merealisasikan hasrat

generasi muda pada hari ini yang akan menjadi pemimpin negara kelak, maka para pendidik perlulah mengambil inisiatif yang proaktif untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai pedagogi dan juga kandungan sesuatu subjek yang diajar di dalam bilik darjah

Nur Aliah Izzaty Binti Hisamudin (2019) dalam kajiannya yang bertajuk '*Penggunaan Kaedah Didik Hibur untuk Pembelajaran Matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampaii*' yang memerihalkan tentang didik hibur yang merupakan pedagogi dalam pendidikan yang terbaru untuk dilaksanakan di dalam sesi pembelajaran di sekolah dengan menumpukan pada penggunaan dan pemahaman serta penyerapan sekeliling pelajar. Sehubungan itu, matematik adalah sebuah mata pelajaran yang akan mempelajari topik-topik yang berkaitan dengan pengiraan, struktur bentuk, ruang, ataupun dikenali sebagai pembelajaran yang bersifatkan nombor dan juga kemahiran berfikir yang memerlukan daya penaakulan yang mendalam ataupun tinggi. Dengan itu, bagi mencapai matlamat kajian ini, pedagogi mahupun dikenali kaedah pengajaran haruslah efektif dan juga kreatif yang dapat menarik perhatian para pelajar untuk mempelajari sesebuah mata pelajaran. Menerusi penerapan unsur yang dikenali sebagai 'Didik Hibur' adalah merupakan kaedah yang senang ataupun santai serta menyeronokan. Oleh itu, para pelajar diberi peluang untuk merasai persekitaran pembelajaran yang menyeronokan dan santai serta ia dapat memperkuuhkan minat dan motivasi dalam keperibadian masing-masing. Oleh itu, ia dapat memperkuatkan dan menyokong keptusan murid untuk belajar menggunakan pendekatan yang disediakan.

### 2.3.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda

Penyelidikan yang dicari iaitu Didik Hibur bagi Tesis Ijazah Sarjana Muda tidak berjaya ditemui. Pengkaji telah mencari daripada pelbagai platform seperti *Google Scholar*, *MyThesis*, *Myto* dan sebagainya. Namun begitu, pengkaji tetap tidak menjumpai kajian Didik Hibur daripada Tesis Ijazah Sarjana Muda.

### 2.3.4 Artikel Jurnal

Salimiah @ Sazariinah Jamili dan Zamrii Mahamod (2022), dalam kajiannya '*Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur secara Bersemuka dan dalam Talian berdasarkan Jantina dan Pengalaman Mengajar Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*' menjelaskan mengenai pendidikan telah melalui persekitaran norma baharu, menerusi kaedah yang dikenali sebagai (PdPR) iaitu merupakan pengajaran dan juga pembelajaran dari rumah yang menggunakan kaedah pengajaran di atas talian. Walau bagaimanapun, pelbagai rintangan yang dihadapi para pendidik haruslah menyampaikan pelajaran kerana ia ditukarkan secara drastik daripada wabak corona. Para pendidik terpaksa menggunakan kaedah pengajaran dalam talian dengan penggunaan kepelbagai medium dalam talian yang telah disarankan oleh KPM. Situasi ini menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan pelajar kerana mereka tidak mahir dengan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta tidak memiliki komputer dan juga mempunyai capaian rangkaian Internet yang bermasalah. Keadaan ini mengakibatkan proses

pembelajaran terjejas dan mendatangkan impak kepada keterlibatan para pelajar dalam proses PdP. Dengan adanya kepelbagaian kaedah yang diperkenalkan sekarang memudahkan para guru memikirkan jalan penyelesaian dalam menangani masalah ini. Oleh itu, satu pendekatan telah digunakan yang merupakan pendekatan terbaik dalam PdP yang harus diterapkan melalui aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan keseronakan ketika belajar iaitu pendekatan kaedah didik hibur.

Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Marzni Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawaw dan Zullaili Hason (2021) menerusi kajiannya '*Pengaruh Didik Hibur dalam Meningkatkan Kesediaan Belajar Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimum*' memerihalkan mengenai didik hibur adalah kaedah pengajaran yang bersifat santai dan juga menyeronokan bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Kajian ini bertujuan meninjau permasalahan membaca dalam kalangan murid sebelum menguasai tahap pencapaian minimum dan juga pengaruh didik hibur dalam meningkatkan persediaan belajar kemahiran dalam membaca bahasa Melayu.

Melvina Chung Hui Ching (2021) dalam kajiannya '*Penilaian terhadap Permainan Interaktif Didik Hibur dalam Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Sekolah Rendah*' menghuraikan mengenai pendekatan permainan yang dimasukkan ke dalam didik hibur yang bertujuan memvariasikan kaedah pengajaran dan juga pembelajaran yang bersesuaian dengan peringkat umur murid sekolah rendah. Sehubungan itu, wujudnya implikasi daripada pendekatan

permainan terutama pelbagai permainan interaktif yang bersifatkan pendidikan yang memudahkan untuk menarik minat dan juga menyampaikan motivasi terhadap para murid ketika belajar serta lebih fokus semasa proses pembelajaran dijalankan. Tamsilnya, melalui kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid dapat memberi dorongan kepada murid untuk bergerak aktif, berdiskaraii serta berproduktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Mohd Rosmadi Mohd Salleh dan Hafizhah Zulkifli (2020) dalam penelitiannya yang bertajuk '*Penggunaan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan*' yang menjelaskan mengenai didik hibur yang merupakan kaedah pengajaran yang telah diketengahkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) supaya para pelajar memperoleh suasana pembelajaran yang tenang, santai dan menyeronokkan. Sementara itu, didik hibur juga dilaksanakan secara penyerapan menerusi pengajaran sesuatu subjek yang memfokuskan kepada aktiviti yang mengguna dan juga memahami penyerapan sesebuah situasi. Rentetan itu, didik hibur di Malaysia melibatkan pengajaran yang bersifatkan secara santai dan seronok dengan menghubung kaitkan dengan unsur kelakar, kecindan, estetik, muzik, menari, lakonan supaya ia dapat menarik minat pelajar untuk tidak berasa bosan ketika belajar. Pendekatan yang menghiburkan ini berpotensi mengurangkan tahap kebimbangan dan tekanan emosi daripada kalangan murid terhadap guru mereka. Aktiviti yang berkait rapat dengan pendekatan didik hibur menumpukan cara penyelesaian masalah dengan penglibatan secara aktif dalam kalangan semua murid di dalam bilik darjah. Dengan itu, para pelajar memiliki hak bersuara untuk memberikan apa sahaja

pandangan dan bebas untuk bergerak mencari sebarang maklumat tetapi hanya terbatas pada keadaan tertentu sahaja.

Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman (2020) dalam penyelidikannya yang bertajuk '*Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*' menyatakan bahawa kemahiran membaca merupakan suatu asas yang penting seharusnya ada dalam diri setiap individu. Asas membaca juga memudahkan setiap individu memperoleh ilmu pengetahuan dan pemahaman tentang proses pembelajaran. Dalam pada itu, kaedah didik hibur menumpukan kepada persekitaran pembelajaran mendamaikan, menyeronokkan, dan santai secara terancang. Disamping itu, para pendidik juga perlulah mempunyai bimbingan yang berkaitan mengenai elemen penilaian yang menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran secara menyeluruh dari sudut kecukupan dan juga kecukupan secara konsisten. Oleh itu, pembentukan keperibadian yang unggul dalam kalangan pendidik mampu mendatangkan impak yang tinggi secara kritis dan kreatif yang harus diperkembangkan supaya ia meningkatkan keberkesanan pendidik dan juga kemenjadian jati diri murid secara berkesan.

Owing Ji Seng, Azhar Md. Sabil dan Shamsudin Othman (2018) dalam penelitiannya yang berjudul '*Tahap Pengetahuan dan Sikap Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran Bahasa Melayu*' yang menjelaskan tentang pendekatan didik hibur yang dijadikan sebagai alternatif dalam pembelajaran dan pengajaran murid oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini demikian kerana, kebanyakan guru sekarang masih selesa dan

gemar menggunakan pendekatan pengajaran tradisional ketika sesi pembelajaran dijalankan. Sementara itu, guru bahasa Melayu amat memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran murid agar menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Namun disebabkan kurang keterlibatan para pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan juga pembelajaran telah mewujudkan suasana pembelajaran yang membosan dan tidak menarik perhatian murid untuk mengikutinya. Oleh itu, Kementerian Malaysia haruslah menyediakan bengkel ataupun kem motivasi mahupun kursus berkaitan dengan pendekatan didik hibur dalam memantapkan dan mencemerlangkan lagi tahap pengetahuan dan sikap para pendidik.

Abd. Rasid Jamian, N. Nadiah Razali dan Shamsudin Oth. (2016), dalam kajiannya yang bertajuk '*Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meninggalkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu*' menerangkan mengenai pembelajaran tentang penulisan karangan di dalam bilik darjah yang seharusnya dapat menarik minat pelajar untuk mendapatkan idea, pandangan, ulasan dan sebagainya. Sehubungan itu, didik hibur merupakan suatu pembaharuan yang telah diperkenalkan kepada setiap pelajar sebagai kaedah alternatif ketika proses pengajaran Bahasa Melayu dijalankan. Proses ini bertujuan agar sesi pembelajaran Bahasa Melayu menjadi seronok dan menarik untuk diikuti oleh setiap pelajar. Keadah ini dilaksanakan untuk memfokuskan tahap penguasaan kemahiran asas Bahasa Melayu dengan penggunaan didik hibur dan juga apresiasi bahasa. Tambahan pula, penghayatan dan apresiasi juga akan diberikan kepada bidang Kesusastraan Melayu untuk pelajar sekolah Menengah dalam

pembelajaran dan pengajaran mereka. Seterusnya, didik hibur ataupun dikenali *fun learning* telah diperkenalkan seiringi dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang dilancarkan pada tahun 2010.

### 2.3.5 Buku

Pengkaji menggunakan buku Pengajaran Bahasa Melayu Didik Hibur dan Seni Bahasa yang hasilkan oleh Mazlan Ismail, (2016). Buku Didik Hibur dan Seni Bahasa diterbitkan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Buku ini memberi penekanan terhadap didik hibur yang berpusatkan murid atau pelajar dalam pelaksanaan KSSR diharapkan dapat menimbulkan mahupun menwujudkan keseronakan, seterusnya meningkatkan motivasi dalaman murid bagi meningkatkan kemahiran interpersonal yang baik, keprihatinan guru terhadap masalah murid dan rasa tanggungjawab dan peranan yang tinggi terhadap tugas yang digalas. Tambahan pula, pengetahuan pedagogi yang boleh melahirkan situasi pembelajaran yang menyeronokan di dalam bilik darjah amat dituntut. Hal ini kerana, keseronakan pembelajaran itu bukanlah hadir secara terancang atau dirancang, malah ianya wujud melalui strategi guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Tamsilnya, keseronakan di dalam bilik darjah dikaitkan dengan perbuatan atau kata-kata yang menggelikan hati, membangkitkan ketawa, lucu, perbuatan atau kata-kata yang dilontarkan yang dapat membuat orang ketawa serta

mengurangkan tekanan melalui unsur-unsur kecindan yang dapat menarik minat serta dapat memikat murid untuk terus belajar.

Menerusi Kamus Dewan (2000), mentakrifkan pengertian didik hibur adalah mendidik sambil menghibur, dan seterusnya istilah didik merupakan perkara dipelihara, berhati-hati dan mengajar manakala istilah ajar pula membawa maksud perkara yang menyenangkan ataupun menggirangkan hati. Secara rumusnya, penggunaan didik hibur merupakan suatu pendekatan dalam proses pengajaran dan juga pembelajaran yang bersifat dalam keadaan santai ataupun keadaan yang dapat menghiburkan suasana dengan memberi penekanan dengan pelaksanaaananya terhadap empat komponen sastera yang dikategorikan iaitu antaranya nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Oleh demikian itu, menerusi pendekatan didik hibur adalah suatu pembaharuan yang diketengahkan kepada khalayak sebagai kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Keindahan

Berdasarkan Teori Keindahan yang dikemukakan oleh Braginsky, terdapat tiga aspek keindahan dalam Sastera Melayu tradisional. Ketiga-tiga aspek ini bersifat universal dan stereotaip kerana selain dinyatakan dengan jelas dalam pengkaryaan, ianya juga hadir dalam setiap hasil persuratan Melayu, baik dalam bentuk prosa maupun puisi. Tiga aspek keindahan tersebut ialah asal usul keindahan, sifat-sifat immanen keindahan, dan psikologi persepsi keindahan. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori keindahan Braginsky. Malah akan menggunakan dua pendekatan sahaja dalam teori ini iaitu pendekatan dalaman dan luaran.

### 2.4.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Berdasarkan penelitian pengkaji sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini, pengkaji tidak menjumpai sebarang bahan maupun sumber kajian lepas yang telah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu dalam bahagian tesis Ijazah Doktor Falsafah yang berkaitan dengan tema kajian iaitu Teori Keindahan Braginsky.

### 2.4.2 Tesis Ijazah Sarjana

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Dina Rizka Faidhani, Rakhmat Soleh, S.S dan M.Hum (2018) dalam kajiannya yang bertajuk '*Keindahan dalam Hikayat Syah Mandewa: Kajian Estetika Melayu Braginsky*'. Keindahan menurut oleh

Braginsky (1994), merujuk kepada keindahan dalaman yang dilihat dengan menggunakan mata dan keindahan luaran yang tidak dapat dilihat oleh mata. Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat keindahan-keindahan dominan yang wujud di dalam teks Hikayat Syah Mandewa tersebut yang dapat memberi hiburan dan keseronakkan kepada hati yang sedang berduka. Kajian estetika Braginsky memerihalkan tentang keindahan yang bersesuaian agar dapat digunakan dalam menganalisis teks Hikayat tersebut melalui konsep keindahan yang telah dikemukakan oleh Braginsky sendiri. Dalam pada itu, keindahan yang terkandung di dalam teks Hikayat Syah Mandewa telah dikenal pasti secara mendalam dan terperinci dari segi keindahan yang wujud secara tersirat mahupun tersurat. Disamping itu, pemerolehan data kajian tersebut adalah menerusi daripada data coretan terhadap teks Hikayat Syah Mandewa yang dianggap sebagai keindahan untuk dikelaskan dengan mengikut dua kategori keindahan iaitu keindahan luaran yang terdiri daripada keindahan peristiwa dan unsur estetika terlahirlah, manakala tiga kategori keindahan dalaman pula ialah terdiri daripada doktrin yang berkaitrapat dengan hubungan antara manusia dengan PenciptaNya.

#### **2.4.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Menurut daripada Aisyah Humaira' Mustapha Faidzul (2022) dalam kajiannya '*Keindahan Perlambangan Alam Dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky*' menghuraikan mengenai peribahasa merupakan suatu khazanah dalam genre kesusastraan tradisional yang dianggap amat bernilai dalam

kemasyarakatan Melayu. Sehubungan itu, intelektualan dalam pemikiran masyarakat Melayu yang gemar menghayati keindahan alam sekeliling telah melahirkan pelbagai ungkapan peribahasa antaranya, pepatah, bidalan, perumpamaan, simpulan bahasa, dan sebagainya. Masyarakat terdahulu memanifestasikan alam sebagai suatu perlambangaan ataupun simbol kepada sesautu perkara, objek, mahupun keperibadian manusia melalui penyampaian peribahasa secara halus dan indah bahasanya. Disamping itu, perlambangan alam sekeliling yang diguna pakai dalam peribahasa mengandungi keindahannya tersendiri, malah ia harus dicungkil pemaknaan keindahan yang terdapat di dalamnya.

#### 2.4.4 Artikel Jurnal

Abdul Halim Ali (2011) dalam penelitiannya yang bertajuk “*Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*” menjelaskan mengenai konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional yang berasaskan daripada gagasan estetika yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh dan idea estetika oleh I.V Braginsky. Menerusi konsep keindahan menurut Braginsky yang merupakan sarjana asing yang banyak membahaskan aspek keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Perkataan yang diutarakan seperti perkataan elok dan indah mempunyai perbezaan pemaknaannya sendiri. Hal ini menerangkan,

konsep indah di dalam kesusasteraan Melayu tradisional dari segi pemaknaan semantiknya bukan hanya bergantungan dengan istilah ‘indah’ sahaja, malah memiliki istilah lain yang semakna dengan istilah indah, seperti elok, bagus, baik, dan menarik. Menerusi penjelasan Braginsky lagi, penggunaan istilah ‘indah’ di dalam pengkaryaan kesusasteraan tradisi lebih menumpukan aspek luarannya, malah ‘elok’ pula menekankan aspek dalaman yang bersembunyi. Disimpulkan, keindahan yang membawa pengertian ‘indah’ dan juga ‘elok’ membawa penerangan bahawa, keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional berpunca daripada potensi secara kreatif Ilahi atas Kudrat-Nya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab dua ini membincangkan mengenai tentang kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan Pantun Melayu. Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, pengkaji mendapatkan bahawa kajian mengenai Pantun Melayu sering kali dilakukan oleh pengkaji tanpa rasa jemu untuk mengkajinya, tetapi masih terdapat banyak lagi aspek lain yang belum dikaji. Di samping itu, aspek keindahan dalam pantun Melayu akan dikaji oleh pengkaji dalam mencungkil makna keindahan melalui konsep didik hibur dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pendahuluan

Berdasarkan bab ini, pengkaji akan menerangkan mengenai tentang kaedah-kaedah yang akan diguna pakai oleh pengkaji bagi menjalankan penyelidikan. Metodologi kajian amatlah penting kegunaannya dalam pelaksanaan sebuah penyelidikan bagi memperolehi pelbagai sumber maklumat yang berhubung kait dengan tajuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji sambil mengetahui reka bentuk dan kaedah kajian yang bersesuaian untuk digunakan, serta teknik pengumpulan sesebuah data penyelidikan dan juga cara untuk bagaimana menjalankan proses penganalisisan data kajian yang dilakukan. Sehubungan itu, setiap permasalahan yang dialami oleh pengkaji dan juga pemerolehan sesuatu maklumat dalam menjalankan penyelidikan ini akan diselesaikan menerusi kaedah serta reka bentuk kajian yang dilaksanakan dan termasuk proses pengumpulan data dan seterusnya penganalisisan data. Dalam bab ini, iaitu metodologi kajian memaparkan tujuan adalah memudahkan pengkaji memahami dan dapat menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kajian melalui proses-proses yang terdapat dalam bab ini.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Menerusi bahagian ini, akan mengaplikasikan satu pendekatan yang dipilih dan bersesuaian dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan iaitu pendekatan kualitatif yang dijadikan sebagai bentuk pengumpulan data dalam meneliti dan menjalankan proses penganalisisan data kajian yang akan diketengahkan. Rentetan itu, pengkaji juga mengaplikasian pendekatan kualitatif dengan menerangkan penggunaan cara penyelidikan ini akan dijalankan menerusi konteks penyelidikan yang akan memaparkan interaksi yang dijadikan sebagai strategik pemerhatian dan juga kaedah kajian serta dijadikan panduan bagi mencapai target objektif-objektif yang akan dikemukakan pada permulaan bab ini dengan jayanya, di samping menjawab semua persoalan kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang berbentuk kualitatif digunakan dalam pelaksanaan kajian ini bagi memenuhi objektif penyelidikan yang telah dikemukakan.

#### 3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan ini, pengkaji telah memilih untuk memfokuskan kaedah kualitatif menerusi tinjauan secara literatur dalam proses pelaksanaan kajian. Sehubungan itu, tinjauan secara kajian lepas amat penting bagi memudahkan proses pemerolehan dan juga proses analisis data bagi mengelakkan berlakunya persamaan tajuk kajian yang telah dijalankan dengan kajian-kajian terdahulu oleh sarjana-sarjana lain. Penyelidikan kualitatif diertikan sebagai proses pemahaman yang berlandaskan kaedah menganalisis dokumen dan cara pengumpulan data. Oleh itu, reka bentuk

kajian kualitatif akan ditentukan oleh pengkaji adalah menerusi kepada objektif-objektif yang telah dikemukakan dalam penyelidikan ini. Seterusnya, pengkaji menggunakan kualitatif dalam penyelidikan ini untuk memahami dengan teliti suatu konsep, idea ataupun pemikiran dan juga pengalaman dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Dengan demikian, pengkaji menggunakan pakaikan kaedah kualitatif ini dalam menganalisis data yang berbentuk tekstual mahupun dokumen yang dijadikan sebagai sokongan dalam menjayakan kajian yang dilakukan.

### **3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks**

Penyelidikan ini dianggap berunsurkan kualitatif ini telah dipilih untuk digunakan dan juga memilih kaedah analisis teks penulisan dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Hal ini dikatakan bahawa kaedah analisis teks yang dijalankan adalah untuk dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan pengkaji untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Seterusnya, kaedah ini amat penting bagi memperoleh data dan maklumat untuk dimasukkan ke dalam bahagian dapatan kajian. Menerusi judul dan objektif kajian yang dikemukakan, pengkaji telah mendapati bahawa kaedah analisis teks ini adalah merupakan suatu kaedah yang bersesuaian dalam menjalankan proses mengenal pasti dan juga menganalisis kajian. Menerusi kaedah analisis teks penulisan ini, pembacaan yang sangat terperinci dan mendalam perlu dilakukan bagi memperolehkan maklumat dan data berkaitan dengan

penyelidikan yang dilaksanakan. Oleh itu, terdapat teks penulisan yang akan digunakan oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam penyelidikan. Antara teks yang digunakan oleh pengkaji adalah Buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu (2022) dan juga Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara (2016).

### i). Buku Pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu

Berdasarkan kaedah analisis teks penulisan melalui buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* (2022) yang dihasilkan oleh Nazel Hashim Mohamad digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Hal ini demikian kerana, buku pantun ini memuatkan sebanyak 208 rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya mempunyai tiga patah perkataan. Selain itu, setiap rangkap pantun tersebut adalah ringkas dan mudah difahami oleh khalayak yang membacanya. Dengan itu, ia dapat memudahkan sesiapa sahaja yang ingin untuk mengetahui dan juga memahami pantun-pantun yang disampaikan dalam buku pantun tersebut, khususnya kepada pembaca yang memfokuskan dalam kalangan kanak-kanak ataupun tidak mengira peringkat umur. Menerusi buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* ini juga, telah memaparkan pantun-pantun yang berunsurkan nasihat dan pesanan, berbuat baik sesama manusia, kasih sayang, cinta

akan negara, keadilan dan juga pengetahuan am. Justeru itu, pembaca, khususnya kanak-kanak pastinya akan terdorong untuk meminati dan seterusnya akan mempelajari karya kreatif yang dihasilkan ini. Oleh demikian itu, pengkaji akan memfokuskan pantun yang dapat memaparkan unsur didik hibur yang selari dengan penetapan objektif kajian yang dijalankan ini. Daripada 208 jumlah pantun yang dimuatkan dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu ini, pengkaji akan mengumpulkan pantun yang hanya berkaitan dengan didik hibur sahaja. Seterusnya, menerusi pantun Melayu yang akan dikumpulkan itu, akan disenaraikan oleh pengkaji menerusi buku pantun ini untuk dianalisis pada bahagian analisis kajian.

## **ii). Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara**

Menerusi kaedah analisis teks penulisan melalui buku *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara* (2016) yang merupakan karya daripada Fadzilah Amzah yang diterbitkan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur turut digunakan oleh pengkaji dalam merealisasikan objektif kajian yang akan dikemukakan oleh pengkaji yang merupakan objektif berkaitan dengan penggunaan teori dalam penyelidikan. Buku ini menjelaskan mengenai ciri-ciri dalaman dan luaran yang membina genre ini pada awal buku ini. Perbincangan ini berfokus untuk memperlihatkan keistimewaan roman Melayu ini

dari sudut puitika (penciptaan) dan estetikanya (keindahan). Selain itu, bab berikutnya adalah merupakan bab yang memberikan penjelasan mengenai konsep keindahan dalam sastera Melayu tradisional. Bab ini akan memerihalkan Teori Keindahan dan juga Teori Sfera Fungsional yang disarangkan oleh Prof. Dr. V.I. Braginsky. Menerusi buku ini, pengkaji telah menggunakan Teori Keindahan Braginsky yang dijadikan sebagai alat atau panduan dalam melaksanakan kajian ini. Selain itu, proses penganalisisan pantun Melayu menerusi aspek didik hibur turut dimuatkan dalam buku ini dengan menggunakan Teori Keindahan Braginsky. Pengarang membahagikan buku ini mengikut beberapa bab yang tertentu. Bagi pengkaji, buku ini amatlah bersesuaian untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi pengkaji mengetahui dan memahami tentang konsep keindahan dalam sastera Melayu tradisional dengan lebih jelas.

UNIVERSITI  
KELANTAN

### 3.3 Cara Pengumpulan Data

#### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Tajuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji berkaitan konsep didik hibur dalam sajak Pak Nazel ialah: Keindahan puisi Melayu melalui teori keindahan Braginsky. Penyelidikan ini akan menggunakan penyelidikan yang bersumberkan maklumat yang diperoleh daripada teks dokumen yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Hasilnya, selain menggunakan teks bertulis, tesis, jurnal, artikel, dan laman web lain sebagai rujukan, penyelidik juga akan menggunakan sumber dan bahan lain untuk menghasilkan kajian yang teratur dan kemas. Pengkaji juga menggunakan sumber perpustakaan untuk memperoleh bahan tambahan bagi mendalami analisis dan perbincangan penyelidikan yang dijalankan.

Rentetan itu, Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang amat penting dalam sesbuah penyelidikan bagi mendapatkan sebarang rujukan, data dan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang berbentuk teks penulisan. (Siti Sarah, 2015). Sehubungan itu, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kualitatif, maka kaedah kepustakaan amat membantu dalam menjayakan kajian yang dilakukan. Selain itu, mendapatkan semula semua maklumat dalam bentuk dokumentasi, teknik perpustakaan juga digunakan.. Tamsilnya, tujuan pengumpulan data dilaksanakan adalah merupakan kaedah yang memudahkan pengkaji memperoleh data-data yang berbentuk fakta ataupun asli yang berkait rapat

dengan penyelidikan secara lebih mendalam dan terperinci. Justeru itu, sebelum melakukan sesuatu kajian, pengkaji akan mendapatkan data dan maklumat melalui bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku ilmiah, jurnal, tesis dan sebagainya yang telah dilaksanakan oleh pengkaji ataupun sarjana terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan di perpustakaan agar data yang diperoleh adalah maklumat yang berasas. Dengan itu, pengkaji memperolehi kesemua bahan-bahan rujukan dan data maklumat seperti yang dinyatakan di atas sebagai maklumat dalam penyelidikan di beberapa perpustakaan yang berdekatan yang telah pengkaji kunjungi iaitu Perpustakaan Awam Kelantan dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

### **3.3.2 Kaedah Internet**

Pengkaji menggunakan beberapa teknik untuk menjayakan penyelidikan ini termasuk kaedah Internet. Pengkaji menggunakan internet sebagai sumber untuk mengumpul data dan maklumat lain yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan bagi memudahkan penyelidikan dapat disiapkan dengan jayanya. Maklumat yang dikumpul kemudiannya akan digunakan untuk menyokong penyelidikan yang telah dijalankan. Selain itu, pengkaji telah melayari beberapa laman web yang berkaitan untuk mengumpul maklumat bagi penyelidikan yang sedang dijalankan.. Google Scholar, My Thesis Online (MyTo), Academia.edu, Umk Repository (DiSCol), artikel

jurnal dalam talian, Scientific Blogger, akhbar dalam talian dan tapak web lain yang berkaitan dengan topik penyelidikan adalah antara yang digunakan. Oleh kerana ia banyak membantu penyelidik dalam elemen pengukuhan data dan maklumat dalam dapatan penyelidikan yang akan dijalankan, teknik Internet sangat penting untuk digunakan oleh penyelidik dalam penghasilan penulisan penyelidikan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.4 Kaedah Penerapan Teori

Menerusi sesebuah penyelidikan akan menggunakan teori sebagai panduan dalam menjalankan kajian secara mendalam dan terperinci serta mengukuhkan lagi analisis data kajian yang akan dilakukan. Perkara ini didakwa berlaku memandangkan teori yang digunakan oleh penyelidik untuk menganalisis data bertujuan untuk mengukuhkan analisis yang dilakukan semasa penyiasatan. Bagi menganalisis komponen keindahan dalam puisi Melayu, kajian ini mengikuti Teori Kecantikan Braginsky sebagai kerangka. Secara umumnya, yang difahamkan pantun Melayu adalah merupakan salah satu tradisi kesusastraan lisan bagi masyarakat Melayu dari dahulu lagi yang merangkumi kepelbagaiannya keindahan yang tersirat mahupun tersurat di sebalik rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya yang mempunyai tiga patah perkataan, perlu diteliti dengan teliti agar dapat menyampaikan keindahan kepada khalayak khususnya masyarakat Melayu. Oleh itu, menerusi penerapan Teori Keindahan Braginsky yang digunakan dan diterapkan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini adalah bertujuan mengukuhkan lagi sesebuah penjelasan dan penghujahan bagi menjawab kesemua objektif kajian serta persoalan kajian yang perlu disertakan dengan fakta-fakta dalam Teori Keindahan Braginsky.

#### 3.4.1 Teori Keindahan Braginsky

Teori Keindahan Braginsky telah dikemukakan oleh Prof. V/I Braginsky pada sekitar tahun 1994 yang merupakan sarjana yang ulung dalam kesusasteraan Melayu Klasik. Hal ini benar kerana teori keindahan ini membincangkan

kepentingan keindahan yang terdapat secara tersirat atau terang-terangan dalam sesebuah karya sastera, baik secara lisan maupun tulisan. Menerusi penyelidikan keindahan hasil tradisi kesusasteraan lisan, memaparkan Teori Keindahan Braginsky dilihat amat bersesuaian bagi menerapkan dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Justeru, kesusastraan lisan tradisional yang dicipta oleh masyarakat Melayu terdahulu antaranya seperti pantun Melayu amat sarat dengan nilai-nilai keindahan dan ia amat berhubung rapat dengan keindahan masyarakat Melayu ketika itu. Hal ini dikatakan bahawa keindahan ini perlu diselidik dan dihuraikan secara terperinci kerana masyarakat Melayu abad pertengahan mempunyai fahaman dan pemahaman serta tanggapan yang tersendiri mengenai erti keindahan dalam sesebuah penghasilan karya sastera, dan juga penggunaannya dalam teks penulisan Melayu, bukan hanya bersifat hiasan semata-mata, malah ia mempunyai kewajaran dan kepentingannya yang tersendiri (Fadzilah Amzah, 2016). Oleh itu, menerusi Braginsky (1994) melalui teorinya ini telah mengemukakan tentang konsep keindahan kepada dua bahagian iaitu pendekatan keindahan dalaman melalui aspek asal usul keindahan dan juga pendekatan luaran melalui aspek sifat-sifat immanen keindahan serta psikologi persepsi keindahan. Ekran itu, aspek keindahan, sama ada keindahan dalaman ataupun luaran, inilah yang mendedahkan kekayaan dan kedalaman makna kesusasteraan Melayu abad pertengahan ketika itu.

### 3.4.2 Pendekatan Keindahan Dalaman

Berdasarkan pandangan salah seorang ilmuwan Islam iaitu Imam Ghazali yang menyatakan bahawa keindahan dalaman adalah merupakan *mujarrad* yang membawa erti kepada keindahan tersembunyi iaitu keindahan yang tidak dapat dipamerkan ataupun dirasakan kehadiranya tetapi hanya dapat dilihat oleh akal mahupun dicerap melalui pemikiran, khususnya akal (Braginsky, 1994). Selain itu, keindahan dalaman bertindak sebagai keindahan yang memberi pengajaran ataupun istilah lainnya ialah merupakan keindahan didaktik. Oleh demikian itu, menerusi unsur keindahan, sama ada keindahan dalaman mahupun luaran, perkara ini dapat mendedahkan keunggulan, kekayaan dan juga kedalaman pemaknaan karya kesusastraan Melayu pada abad pertengahan. Rentetan itu, keindahan ini perlulah diselidik dan juga diterangkan secara mendalam kerana masyarakat Melayu mempunyai pemahaman yang tersendiri mengenai erti atau istilah keindahan dalam pengkaryaan sastera dan fungsinya dalam karangan-karangan Melayu, bukan hanya bersifat hiasan sahaja malah memiliki kewajaran tersendiri.

#### i). Aspek Asal Usul Keindahan

Asal usul keindahan merupakan terdiri daripada kaca mata masyarakat Melayu tradisional yang amat berhubung rapat dengan ontologikal yang menerangkan mengenai asal usul ataupun punca keindahan itu sendiri. Unsur keindahan turut dilihat sebagai manifestasi daripada

kekuasaan dan juga kekayaan Allah SWT dalam mewujudkan segala makhluknya yang ada di muka bumi ini termasuklah sekali alam semula jadi (Fadzilah Amzah, 2016). Menerusi aspek pertama ia berkait rapat dengan kemunculan Islam ke alam Melayu. Dengan demikian itu, proses Islamisasi ini terjadi sepanjang abad ke-14 sehingga ke-16 telah mengembangkan pengajaran teologi dan tasawuf Islam terhadap khalayak khususnya, masyarakat Melayu ketika itu. Kesannya, masyarakat Melayu pada zaman tersebut telah dipengaruhi dengan ajaran Islam mengakibatkan mereka menyedari bahawa pentingnya

### **3.4.3 Pendekatan Keindahan Luaran**

Keindahan luaran adalah merupakan estetika yang indah yang diperhatikan menerusi pancaindera (Braginsky, 1994). Pengertian keindahan luaran menurut daripada Imam Ghazalii, dikenali sebagai maujud yang membawa maksud kepada keindahan yang terdedah pada penglihatan mata kasar. Hal ini dikatakan bahawa keindahan luaran perlulah disampaikan terhadap khalayak pembaca khususnya masyarakat Melayu melalui karya sastera dari zaman dahulu lagi dengan penggunaanya tersendiri. Seterusnya, perkataan “Indah” digunakan secara menyeluruh dalam teks penulisan seperti dalam bentuk hikayat untuk menerangkan mengenai persekitaran sesuatu perkara yang nyata

dan wujud di pancaindera. Tamsilnya, menerusi pemandangan alam semesta, persekitaran taman bunga, istana, pakaian harian dan sebagainya yang dapat dilihat melalui pancaindera.

#### **I). Aspek menerusi Sifat-sifat Immanen Keindahan**

Konsep Keindahan didasari oleh sifat-sifat Immanen yang dimiliki oleh keindahan itu sendiri. Perkataan “indah” dalam dunia persuratan Melayu selalunya merujuk pada suatu yang luar biasa ataupun keajaiban. Sehubungan dengan itu, pergertian luar biasa ini kebiasaannya wujud dalam beberapa perkataan lain seperti keajaiban, kehairaan, keghariban, temasya dan seangkatan denganya. Dengan demikia itu, perkataan-perkataan ini digunakan secara timbal balik ketika ia memerikan perkara-perkara yang luar biasa. Malahan, perkataan bagi ajaib, gharib, hairan, dan seumpamanya itu, turut diguna pakai dalam memaparkan kesan ataupun rasa hati yang dialami apabila berhadapan dengan sesuatu perkara yang luar biasa.

#### **ii). Aspek Psikologi Persepsi Keindahan**


Psikologi adalah merupakan suatu pembentukan kajian yang berhubung rapat dengan mental, jiwa, emosi mahupun rohani bagi seseorang individu selain interaksi seseorang dengan keadaan di persekitarannya secara fikizal mahupun sosial (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Manakala, menerusi aspek

psikologi persepsi keindahan ini memerihalkan tentang cara sesuatu “keindahan” yang terkandung didalam sesebuah karya sastera yanng dikatakan dapat meninggalkan kesan ataupun jejak terhadap khalayak pembaca mahupun pendengar khususnya masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana sifat keindahan yang diterangkan dalam pelbagai bentuk telah memberikan dorongan kepada keharmonian pastinya akan memberi kesan terhadap jiwa khalayak yang mendengar, membaca dan mengamati unsur keindahan dalam sesebuah penghasilan sesebauh karya kesusasteraan. Walau bagaimanapun, wujudnya kesan keindahan menerusi aspek ini yang terbahagi kepada dua kesan keindahan iaitu yang bersifat luaran dan juga kesan kesan keindahan yang bersifat dalaman (Braginsky, 1994).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.4.3 Kerangka Teori

#### KERANGKA KAJIAN



Rajah 3.1: Kerangka Teori

### 3.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, menerusi konteks ini membincangkan mengenai metodologi kajian dan reka bentuk kajian yang diguna pakai secara keseluruhannya. Hal ini dikatakan bahawa pemilihan rekabentuk kajian dalam sesebuah penyelidikan amatlah penting dalam menentukan kaedah analisis yang akan digunakan oleh pengkaji sepanjang proses pelaksanaan kajian yang akan dijalankan. Seterusnya, dalam melihat keberhasilan sesebuah penyelidikan adalah dengan reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji yang bersesuaian dan tepat. Dengan demikian itu, pemilihan rekabentuk kajian adalah berlandaskan kepada objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Sebagai pengkaji yang menganalisis ataupun mengkaji mengenai hasil kesusasteraan tradisi lisan iaitu pantun Melayu, rekabentuk kajian bagi melaksanakan penyelidikan ini pendekatan kualitatif telah dipilih untuk digunakan dalam kajian yang akan dilaksanakan. Justeru itu, data-data diperoleh yang berkait rapat dengan didik hibur dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* akan dianalisis selepas bahagian metodologi yang merupakan bab 3 dalam penyelidikan ini akan dilaksanakan. Dengan demikian itu, Reka bentuk kajian yang dipilih memaparkan kekemasan, jelas dan teratur, ia akan mempengaruhi dapatan kajian dan juga hasil kualiti kajian yang dilaksanakan. Oleh demikian itu, pengumpulan data yang telah dikumpul dan diperoleh dalam rekabentuk kajian ini akan menghasilkan dapatan penyelidikan yang berhubung kait dengan pengaplikasian didik hibur dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Bahagian bab ini, akan menerangkan mengenai perbincangan analisis yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan. Menerusi topik kajian Konsep Didik Hibur dalam *Pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* melalui Teori Keindahan Braginsky, terdapat tiga objektif yang akan diterangkan di dalam bab ini secara terperinci. Sehubungan itu, objektif pertama akan menjelaskan mengenai konsep didik hibur yang terdapat di dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Didik hibur merupakan suatu pendekatan yang menggunakan pelbagai unsur seni di dalam pengajarannya serta ia turut merupakan pembelajaran secara santai dan menyeronokkan (Wan Norliza Wan Mustapha, 2011). Seterusnya, objektif kedua akan mengenalpasti pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Penggunaan pendekatan didik hibur dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* adalah bertujuan menarik minat khalayak untuk membaca aneka pantun Melayu yang terdapat dalam buku tersebut. Ia juga sangat penting bagi menghasilkan pembacaan dan suasana yang menyenорокан secara tidak langsung dapat menggerakkan minda pembaca terutamanya daripada kalangan kanak-kanak dalam menghasilkan pemikiran yang ceria dan cergas serta mengetahui lebih lanjut akan makna rangkap-rangkap pantun yang dipaparkan. Disamping itu, objektif

ketiga pula menilai keberkesanan teori keindahan braginsky bagi menyerlahkan nilai estetika pantun dalam buku *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Estetika atau keindahan tidak dapat dipisahkan dalam genre kesusasteraan. Hal ini demikian kerana, estetika memainkan peranan penting dalam pengkaryaan sastera tradisional kerana tanpanya suatu keindahan dalam penghasilan karya sastera hanyalah penulisan yang tidak bernyawa dan kosong. Oleh itu, pantun Melayu dicipta oleh masyarakat dahulu yang disajikan dengan penggunaan bahasa yang indah dan tersusun rapi serta dijadikan bahasa kiasa ketika itu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2 Konsep didik hibur dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman yang berjudul *Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu*, ada dinyatakan bahawa didik hibur merupakan suatu pendekatan baharu yang telah diperkenalkan kepada murid sebagai kaedah alternatif dalam proses pembelajarannya. Bertujuan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi seronok dan tanpa rasa bosan untuk diikuti oleh pelajar. Sehubungan itu, berkaitrapat dengan penerapan didik hibur dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* agar dapat menarik minat pembaca khususnya dalam kalangan kanak-kanak ataupun remaja untuk meluangkan masa lapangnya dengan membaca buku pantun Melayu yang disajikan dengan 208 rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya memiliki tiga patah perkataan. Buku pantun ini dipaparkan dalam bentuk ringkas dan mudah difahami. Menerusi penggunaan didik hibur dapat memudahkan para pembaca meneroka pembayang dan makna yang disampaikan dalam setiap rangkap pantun dipaparkan, malah mengaktifkan imaginasi mereka sendiri. Dengan demikian, penerapan didik hibur ataupun *fun learning* menyediakan para pembaca untuk mengintegrasikan, berekspresi dan mewujudkan suasana yang ceria dan seronok serta bermakna.

**Jadual 4.1** Pantun-Pantun Yang Dikaji

Bil.	Tema	Pengertian	Contoh Teks
1.	Patriotisme	<p>Patriotisme turut ditafsirkan sebagai perilaku, sikap, semangat, dan perlakuan yang menjurus kepada pembentukan gagasan dan usaha dalam mengawal kepentingan, maruah, harga diri sebagai patriot dan kedaulatan negara dan kemasyarakatan dalam pelbagai bidang yang wujud seperti ekonomi, politik, sosial, agama, hal ehwal negara, undang-undang dan sebagainya</p>	<p>Kutip siput kerang, Sampai tinggi hari; Jika negara diserang, Kita bersiap sedia.</p> <p>Pergi Pekan Behrang, Naik kereta api; Bangsa kena serang, Jangan duduk sepi.</p> <p>Lantai ibu sapu, Kemudian kemas laci; Jangan belajar menipu, Berdosa Allah benci.</p>
2.	Kasih Sayang	<p>Pantun yang terdiri daripada tema kasih sayang memaparkan perasaan, harapan, pengalaman dan pergolakan jiwa antara lelaki dengan</p>	<p>Cuti hari Rabu, Boleh suka-suka; Sayang pada ibu, Jangan buat derhaka.</p> <p>Beli air tebu, Minum tepi titi; Dengar cakap ibu, Dengan ikhlas hati.</p>

		perempuan yang sedang dilamun cinta.	
3.	Nasihat dan Pesanan	<p>Nasihat mahupun pesanan turut merupakan pengungkapan kata yang berterus terang, malahan dengan menggunakan nada yang lembut dan halus sahaja. Justeru itu, nasihat juga diguna pakai sebagai kiasan yang beradab untuk menegur seseorang itu yang sedang melakukan kesalahan</p>	<p>Anyam sarung ketupat, Jangan tergesa-gesa; Orang suka mengumput, Buat tambah dosa.</p>
4.	Pemikiran	<p>Pemikiran ataupun ideologi sesuatu perkara merupakan jalan pintas untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak.</p>	<p>Berjalan rapat-rapat, Pergi sini sana; Kata biar tepat, Baru ada makna.</p> <p>Jerat musang jebat, Terkena musang pandan; Hendak jadi hebat, Ilmu biar sepadan.</p>
5.	Moral	Moral yang baik adalah dengan segala tingkah laku yang	<p>Petik pucuk paku, Pungut buah keranji; Berhemah tingkah laku, Tentu orang puji.</p>

		<p>terdiri daripada nilai dan juga aspirasi yang telah diterima pakai oleh sesautu masyarakat.</p>	<p>Celah-celah kayu, Ternampak anak lipan; Kita orang Melayu, Ada adab sopan.</p> <p>Goreng kacang kelisa, Gulai ikan toman; Orang bebudi bahasa Tanda diri beriman.</p>
--	--	--	--

#### 4.2.1 Konsep Didik Hibur dalam Tema Patriotisme

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), menyatakan bahawa istilah didik merujuk kepada proses mendidik ataupun memberi didikan kepada khalayak, manakala istilah hibur pula membawa maksud kepada situasi yang menyeronokkan, menggembirakan dan menarik minat dalam proses penyampaian sesuatu kaedah pengajaran ataupun pembelajaran. Berdasarkan *Kamus Besar Bahasa Melayu* (Utusan, 2002) membahasakan mengenai istilah didik merupakan tunjuk ajar mahupun bimbing, manakala istilah hibur pula menjurus kepada emosi yang gembira ataupun girang. Dengan demikian itu, gabungan kedua-dua perkataan tersebut dapat membentuk frasa, iaitu didik hibur. Tambahan pula, menurut Kamus Dewan, 2000 menyatakan bahawa istilah didik ditakrifkan juga sebagai pelihara, penjagaan, dengan hati-hati dan ajar, manakala hibur pula membawa maksud perkara yang menyenangkan ataupun menggirangkan hati seseorang individu tersebut.

Patriotisme menurut Kamus Dewan Edisi Keempat membawa istilah sebagai perasaan cinta akan sesuatu yang kuat terhadap tanah air ataupun sebuah kerajaan. Ia juga dirujuk sebagai perwatakan seseorang yang memiliki perasaan cinta, sentiasa menyokong dan mempertahankan sesebuah negara sendiri secara berterusan dan berpanjangan. Perkataan *isme* membawa erti kepada semangat, pengertian ataupun perasaan yang hadir dalam diri seseorang individu itu. Sebagai contoh, individu yang mencintai dan setia memperjuang serta mempertahankan kebebasan atau kedaulatan tanah airnya ataupun pembela negara dalam konsep ini akan digelar sebagai patriot. Manakala, istilah patriotik pula adalah sesuatu tindakan ataupun perlakuan yang tegas menegakkan keadilan yang berani. Tambahan pula, seseorang individu yang digelar patriot memiliki rasa kasih dan sayang yang tinggi dan istimewa akan negaranya, sifat prihatin terhadap kemajuan tanah air dan juga sanggup berkorban demi perkembangan negara (Nathanson, 2007).

Rentetan itu, patriotisme turut ditafsirkan sebagai perilaku, sikap, semangat, dan perlakuan yang menjurus kepada pembentukkan gagasan dan usaha dalam mengawal kepentingan, maruah, harga diri sebagai patriot dan kedaulatan negara dan kemasyarakatan dalam pelbagai bidang yang wujud seperti ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, kedaulatan, kebudayaan, warisan, agama, keselamatan, kemasyarakatan, hal ehwal negara, undnag-undang dan sebagainya. Berdasarkan pemilihan pantun dalam buku *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* dapat diperlihatkan unsur cinta akan negara yang dipaparkan dalam buku tersebut dalam menanam perasaan cinta

pada negara dan bangsa sendiri ataupun pergerakan yang membebaskan negara mahupun ekonomi daripada cengkaman kuasa asing yang kian berleluasa.

Kutip siput kerang,  
Sampai tinggi hari;  
Jika negara diserang,  
Kita bersiap diri.

(*Pak Nazel Indahnya Pantun Melayu*, 2022: 24)

Setiap pantun Melayu memiliki pembayang dan maksud yang ingin disampaikan. Jika dilihat pantun di atas, baris satu dan kedua merupakan pembayang manakala baris tiga dan keempat merupakan maksud yang ingin dipaparkan kepada pembaca khususnya masyarakat Melayu. Sehubungan itu, pembayang yang digunakan merupakan unsur alam fauna iaitu penggunaan binatang seperti siput kerang di bahagian pembayang diperlihatkan sebagai watak yang tidak memiliki perkaitan dengan maksud pada pantun Melayu yang dipaparkan. Tema yang dipaparkan dalam pantun diatas ialah tema patriotisme yang bertajuk *Jika Negara Diserang*. Baris ketiga dan keempat iaitu ‘Jika negara diserang, kita bersiap diri’ menunjukkan keteguhan dalam memperjuangkan tanah air daripada jajahan kuasa asing, pada masa yang sama memperlihatkan perilaku ataupun tindak-tanduk yang menjurus kepada usaha menyiapkan dirinya pada bila-bila masa sahaja untuk berjuang bagi mempertahankan negara tercinta dengan teguh dan kental serta tanpa perasaan takut untuk terus berjuang. Menerusi tema

yang digambarkan diatas memaparkan perjuangan memerlukan pengorbanan tenaga mahupun nyawa. Nazel Hashim Mohamad atau mesra dikenali sebagai Pak Nazel tidak ketinggalan meniupkan semangat patriotik dalam buku pantunnya agar dengan penerapan didik hibur dalam buku pantun tersebut dapat memperkenalkan pantun sebagai warisan puisi Melayu yang menarik dan menyenорokkan untuk dibaca dalam kalangan pembaca khususnya kanak-kanak untuk dinikmati dan dihayati. Oleh demikian itu, perjuangan yang memerlukan sesebuah pergorbanan akan sentiasa diingati selalu dan dikenang selamanya oleh seluruh rakyat yang bernaung di bawah panji-panji negara tertentu.

Pergi Pekan Behrang,  
Naik kereta api;  
Bangsa kena serang,  
Jangan duduk sepi.

Lantai ibu sapu,  
Kemudian kemas laci,  
Jangan belajar menipu,  
Berdosa Allah benci.

(*Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu*, 2022: 30,35)

Menerusi rangkap pantun diatas yang bertajuk “Kota Musuh Gempur” dan rangkap dibawah bertajuk “Negara Kita Merdeka ” menggambarkan hidup yang berlandaskan agama dituntut dalam kehidupan masyarakat sekarang. Pantun Pak Nazel membahaskan mengenai tentang agama dan bangsa. Kesetiaan yang ditunjukkan oleh seseorang individu mahupun masyarakat Melayu pada negara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur

patriotisme yang dianggap penting dalam kemajuan dan kedamaian negara. Justeru itu, unsur ini haruslah dipupuk dan ditanam dalam diri kalangan generasi muda terutamanya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Malah, nilai-nilai patriotisme seperti keberanian bertempur, rela berkorban, kesukarelaan, cinta akan negara hendaklah dipertingkatkan bagi membentuk jati diri rakyat Malaysia yang bersifat patriotik dan memiliki rasa bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

Ekoran itu, maksud bagi pantun bertajuk *Kota Musuh Gempur* iaitu ‘Bangsa kena serang, jangan duduk sepi’ dan juga bagi pantun bertajuk *Negara Kita Merdeka* iaitu ‘Jangan belajar menipu, berdosa Allah benci’ memperlihatkan unsur patriotik yang tertanam dalam diri yang pamerkan cinta akan negara dan bangsa seiringi sayangkan agama. Hal ini dikatakan bahawa kedua-dua elemen ini bergerak seiringi bersama-sama agar tidak berlakunya kecinciran dalam kehidupan yang memerlukan agama, bangsa dan tanah air tercinta. Bagi maksud pantun “*Negara Kita Merdeka*” iaitu ‘Jangan belajar menipu, berdosa Allah benci’ menunjukkan tiadanya garis pemisah dalam membentuk keberkatan dalam kehidupan. Elemen ini dapat memantapkan dan meningkatkan kualiti jati diri dan juga semangat patriotik supaya terus mekar dalam jiwa rakyat Malaysia. Oleh itu, Pak Nazel tidak lupa meinggalkan pesanan bahawa jiwa generasi muda perlulah diisi dengan sifat patriotik demi mengetahui asal-usul dan tanam cinta akan negara tempat bernaung.

#### 4.2.2 Konsep Didik Hibur dalam Tema Kasih Sayang

Menurut *Kamus Oxford Fajar* (2000), menjelaskan bahawa pendekatan didik hibur juga dapat dikaitkan dengan humor. Sehubungan itu, humor menjurus kepada kualiti ataupun suatu jenaka sesuatu persekitaran atau kebolehan menjadikan sesuatu itu terhibur. Misalnya, dalam Kamus Dewan (1994), istilah humor merujuk keadaan hati yang bergembira, amarah, senang, dan juga kebolehan mengatakan sesuatu yang menggelikan hati. Hal ini diperkatakan bahawa unsur humor merupakan suatu perbuatan ataupun kata-kata yang dapat menimbulkan kelucuan hati, membangkitkan gelak tawa, ketawa, lucu yang dapat membuatkan orang sekeliling ketawa serta ia dapat mengurangkan tekanan (Abdul Rahman, 2008). Dengan demikian itu, pendekatan didik hibur dan unsur humor menitikberatkan keseronokan melalui unsur-unsur kecindan yang dapat menarik minat serta dalam masa yang sama dapat memikat minat pembaca.

Masyarakat Melayu tradisi terdahulu terkenal dengan sifat sederhana, berbudi bicara, dan sentiasa berkiasan dalam menyampaikan sesuatu. Hal ini demikian kerana hasrat cinta dan berkasih sayang antara jejaka dan jelita iaitu lelaki dan perempuan dalam masyarakat Melayu dahulu kala. Secara dasarnya, wanita Melayu terkenal dengan sifat pemaluinya dan sopan santun. Bagi masyarakat dahulu tidak mudah memperlihatkan sesuatu perkara terang-terangan apatah lagi sesuatu perasaan yang tersimpan di lubuk hati seseorang itu, yang mana sekirannya diluahkan secara langsung ataupun terbuka akan dianggap sebagai seseorang yang tidak sopan dan melanggar tatususila

masyarakat Melayu dahulu. Sehubungan itu, dengan jejaka yang terpikat kepada seseorang jelita atau gadis, sering memendam rasa gelora dijiwanya dan sangat sukar untuk menyuarakan perasaannya secara terus terang. Perkara ini disebabkan kerisauan dan bimbang jika tersilap langkah diatur ketika menyuarakan perasaannya secara terang-terangan ataupun bimbang cintanya tidak terbalas. Oleh demikian itu, pantun Melayu memainkan peranan yang penting sebagai medium untuk menzahirkan segala persepsi ataupun hasrat batin yang terpendam di dalam jiwa seseorang individu itu.

Menurut Harun Mat Piah, (1989) menyatakan bahawa tema telah ditetapkan dan dibahagikan dalam setiap pantun yang dihasilkan, contohnya pantun kanak-kanak, pantun telatah dan kehidupan masyarakat Melayu dan pantun naratif ataupun penceritaan. Di samping itu, tema kasih sayang menjurus kepada maksud pantun yang berkenalan antara satu sama lain dan usik mengusik, gelak ketawa, berkasih sayang, bersetia, kasih menumpang, cemburu dan bercerai serta kegagalan dan juga penyesalan sesuatu perkara. Menurut Kamus Dewan, 2005 memaparkan istilah ‘kasih’ membawa maksud kepada perasaan sayang terhadap seseorang individu atau sesuatu, rasa cinta akan seseorang serta berasa disayangi akan sesuatu perkara ataupun rasa dicintai mahupun mencintai sesuatu. Manakala istilah bagi ‘sayang’ pula merujuk kepada mengasihi, mencintai, berasa belas akan sesuatu, kasihi, cinta, kekasih, jantung hati dan juga terasa kesal.

Sehubungan itu, pantun yang terdiri daripada tema kasih sayang memaparkan perasaan, harapan, pengalaman dan pergolakan jiwa antara lelaki

dengan perempuan yang sedang dilamun cinta. Selain itu, perasaan benci yang hadir turut pantun yang bertemakan kasih sayang kerana disebabkan cinta tidak kesampaian, cemburu atas sebab adanya cinta, menanggung seksa kerana cinta. Dalam pada itu, pantun cinta ataupun kasih sayang yang dimaksudkan ini akan memperlihatkan cetusan emosi dan perasaan yang berkait dengan perasaan cinta, asyik, berahi, berkasih sayang, bersetia, rindu, merindui, cemburu dan banyak lagi perasaan yang berkaitrapat dengan cinta seseorang individu.

Cuti hari Rabu,  
Boleh suka-suka;  
Sayang pada ibu,  
Jangan buat derhaka.

Beli air tebu,  
Minum tepi titi;  
Dengar cakap ibu,  
Dengan ikhlas hati.

(*Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu*, 2022: 29)

Berdasarkan pantun di atas yang bertajuk “Kasihan Pada Ibu” membawa tema kasih sayang menerusi maksud pantun berkasih sayang, bersetia dan juga kepuasaan berkasih sayang. Rangkap pantun di atas memperlihatkan sifat dan halusnya bahasa yang disampaikan dan ia dilontarkan juga dalam bentuk digayakan, di lenggok dan juga ringan dan mudah difahami oleh pembaca. Menerusi perkataan ‘sayang’ daripada baris maksud pantun di atas menggambarkan kasihnya seorang anak kepada ibunya. Sehubungan itu, kasih sayang merupakan suatu perasaan yang dianggap

universal yang mengelimuni keseluruhan kehidupan setiap manusia dan juga binatang. Dengan implementasi kasih sayang dapat mengeratkan hubungan di antara manusia dengan manusia yang berlainan jantina, dan juga bersamaan dengan manusia dengan alam flora dan fauna. Hal ini dikatakan bahawa alam flora dan juga fauna dihubungkait sebagai perantaraan bagi mewujudkan perasaan untuk dikongsi dua pihak. Sehubungan itu, berdasarkan baris terakhir bagi rangkap pantun tersebut iaitu ‘Jangan buat derhaka’ memperlihatkan situasi dimana kewajipan menjaga dan berbuat baik terhadap kedua ibu bapa adalah kewajipan dan tanggungjawab anak-anak. Tambahan pula, seseorang insan yang sempat bersama ataupun berbakti kepada kedua ibu bapanya merupakan orang-orang yang sangat beruntung. Berdasarkan isi tersirat yang ingin disampaikan daripada baris maksud pantun tersebut adalah mentaati kedua ibu bapa dan tidak sesekali menderhakai mereka dan sentiasa berdoa untuk kesejahteraan mereka. Ini disebabkan doa seseorang anak yang soleh kepada ibu bapanya yang telah pergi mahupun masih hidup merupakan amalan yang tidak terputus.

#### **4.2.3 Konsep Didik Hibur dalam Tema Nasihat dan Pesanan**

Tema pantun merupakan pokok asasnya bagi persoalan yang utama disampaikan oleh seorang pemantun. Hal ini demikian kerana, perkara yang ingin disampaikan berhubungkait dengan kehidupan masyarakat sekitar.

Tamsilnya, unsur alam sering digunakan ketika penghasilan pantun dan ia juga menyampaikan bait-bait kata nasihat dan pesanan serta perkara tersirat yang ingin dituju kepada masyarakat ketika itu. Dengan demikian itu, dapat disimpulkan bahawa ketika penghasilan pengkaryaan sastera amatlah perlu menitikberatkan kehalusan budi bahasa dan juga ketinggian budaya hidup masyarakat Melayu tradisional. Tambahan pula, tema adalah sesuatu mesej ataupun pesanan utama yang terkandung dalam sebuah hasil karya sastera seperti terdiri daripada novel, cerpen, drama dan juga puisi. Ia turut merupakan pemerhatian, teguran, kritikan untuk menyatakan pendapat, pandangan mahupun sikap terhadap sesautu perkara serta telah mengenai suatu subjek (Kamus Dewan Edisi Keempat, 1989).

Rentetan itu, pantun nasihat yang baik membawa pemaknaan dari segi bait-bait kata yang dilakukan secara halus, lemah-lembut, tenang, boleh menyegarkan kepanasan hati seseorang individu itu, kata-kata yang tidak menyinggung perasaan dan ikhlas semasa memberi sesuatu nasihat. Sehubungan itu, nasihat mahupun pesanan turut merupakan pengungkapan kata yang berterus terang, malahan dengan menggunakan nada yang lembut dan halus sahaja. Ia turut dijadikan sebagai suatu penjelasan yang lembut dan juga mudah difahami. Justeru itu, nasihat juga diguna pakai sebagai kiasan yang beradab untuk menegur seseorang itu yang sedang melakukan kesalahan. Berdasarkan metodologi nasihat yang baik juga adalah metodologi yang bersesuaian bagi menerapkan pesanan awal bagi kanak-kanak dalam membentuk jati diri, jiwa dan kefahamannya mengenai dunia luar yang

dipenuhi rintangan. Oleh demikian itu, pengajaran mahupun nasihat memiliki kesan yang sangat besar dalam membuka pandangan dan mata anak-anak.

Anyam sarung ketupat,  
Jangan tergesa-gesa;  
Orang suka mengumpat,  
Buat tambah dosa.

(*Pak Nazel Indahnya Pantun Melayu*, 2022: 29)

Berdasarkan pantun di atas ini, ia merupakan pantun nasihat yang bertajuk “Orang suka mengumpat”, memperlihatkan nasihat yang diberi bertujuan berhati-hati dengan pertuturan. Hal ini dapat dilihat menerusi hubungan pencintaan juga boleh terjejas sekiranya memiliki pasangan yang mulut yang tidak berhati-hati dengan kata-kata. Secara dasarnya, seseorang tidak sepatutnya mengeluarkan kata sesedap hati sahaja ketika ingin berkata tanpa menimbang akhibanya ketika orang mendengar kata, bila lagi ia berkata-kata dengan orang yang sering mengharapkan kasih sayang. Menerusi baris rangkap bagi maksud pantun iaitu ‘Orang suka mengumpat, Buat tambah dosa’ memaparkan keburukan mengumpat mengenai perihal orang lain. Mengumpat merupakan menyebut-yebut perkara peribadi hal seseorang yang menimbulkan rasa benci mengetahuinya, Tamsilnya, memburukkan tentang kecacatan badan seseorang ataupun perangai mahupun perbuatannya, atau pertuturnya baik dalam urusan agamanya dan urusan duniaanya sehingga memburukkan pakaian yang dipakai, rumahnya, dan juga nama panggilan binatang yang diberikan. Dengan itu, melalui nasihat dan pesanan yang dihasilkan oleh Pak

Nazel memperlihatkan cerita yang mengandungi pengajaran dan petunjuk untuk menyampaikan kiasan – kiasan terhadap manusia.

#### **4.2.4 Konsep Didik Hibur dalam Tema Pemikiran**

Pemikiran ataupun ideologi sesuatu perkara merupakan jalan pintas untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak. Menurut David, (1979) menyatakan pemikiran adalah suatu peninjauan dan konsep, penggunaan simbol, perkataan dan imej. Pemikiran juga merupakan sesebuah metode yang menggunakan minda untuk mentafsir makna dan solusi dengan pelbagai inisiatif dan strategi. Pemikiran secara kreatif bagi masyarakat Melayu tradisi sudah lama tertanam dalam pendirian mereka semua agar dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka. Di samping itu, kehidupan masyarakat Melayu tradisional dilatari dengan persekitaran keindahan alam semulajadi di sekeliling mereka dan udara yang segar serta suasana yang aman damai, ia dapat memperkembangkan idea pemikiran mereka dalam menghasilkan ataupun mencuba perkara yang baru dalam kehidupan.

Sehubungan itu, pemikiran dan keindahan tentang perasaan sememangnya wujud di dalam setiap rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya yang memiliki tiga patah perkataan sahaja, setiap rangkap pantun dalam buku pantun *Pak Hazel: Indahnya Pantun Melayu* adalah ringkas dan mudah difahami. Tamsilnya, pantun-pantun yang dipaparkan dapat dijadikan sebagai tauladan dan juga ilmu baru kepada pembaca, khususnya pantun yang berunsurkan pengetahuan am yang dapat menyampaikan ilmu baharu kepada pembaca serta menyedari tindakan dan perlakuan yang dilakukan sama ada betul ataupun bercanggah dalam sesuatu perkata. Dengan

adanya penerapan didik hibur ketika penyampaian pantun dalam buku pantun tersebut dapat membentuk pemikiran yang tersusun dan memperlihatkan makna tertentu sekaligus, memaparkan unsur keindahan bahasa yang amat akrab dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu tradisional.

Ekoran daripada itu, wujudnya pemikiran normatif dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Istilah normatif yang membawa maksud norma. Ajaran, acuan, ataupun ketentuan mengenai baik buruk bagi sesuatu perkara. Kemudiannya, perkara norma memiliki hubungan yang berkaitarapat dengan akhlak, iaitu perbuatan yang wujud daripada kesedaran jiwa yang bersih dan dilakukan disebabkan kemahuan atau keinginana sendiri. Dengan demikian itu, akhlak merupakan antara intipati didalam agama Islam, maka dengan bahawanya keadaan norma juga sering dikaitkan dengan agama Islan yang diperlihatkan daripada perilaku seseorang individu itu.

Berjalan rapat-rapat,  
Pergi sini sana;  
Kata biar tepat,  
Baru ada makna.

(*Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu*, 2022: 44)

Berasaskan pantun di atas yang bertajuk “Sambut Tamu Datang”, memperlihatkan beberapa aspek dapat dirungkaikan. Tamsilnya, sesebuah pantun Melayu tidak akan hanya tertumpu kepada perasaan dan pengalaman sahaja, tetapi juga ia dapat disimpulkan sebagai hujahan dan juga persoalan suatu pemikiran dalam empat baris yang direka oleh Pak Nazel. Hanya disebabkan sifat dan bentuk pantun

Melayu ini kecil dan padat, dengan itu tidak dapat dijadikan sebagai penceritaan yang panjang lebar. Menerusi rangkap pantun diatas iaitu baris kedua bagi pembayang ‘Pergi sana sini’, dapat dikenalpasti memaparkan cebisan kisah perjalanan hidup seseorang insan, bayangan perasaan, peristiwa yang dipaparkan. Bagi mendapatkan keunggulan sesebuah karya perlukan pemilihan yang rapi, padat, teliti, sinkat tetapi masih memperlihatkan keindahan karya tersebut. Dengan itu, terhasilnya keunggulan pencipta ataupun pengarang pantun, seseorang pencipta pantun dianggap seseorang yang pengukir yang hebat. Menerusi pantun Melayu Pak Nazel merupakan pantun yang ringkas, tersusun rapi dan menarik yang tercetus daripada pengalaman yang lama terjana dan bakat yang besar daripada anugerah dari-Nya.

Rentetan itu, dengan pembacaan yang tekun dan menghayati pantun tersebut, ia selalu akan wujud dan juga timbulnya rasa takjub mengenai pemikiran dan kepenuhan perasaan yang ingin disampaikan melalui bait-bait kata yang padat tetapi dalam masa yang sama halus dan indah alirannya. Sehubungan itu, tidak ketinggalan juga disabik pengisian dan pemaknaan pantun yang dipenuhi dengan nilai-nilai kepintaran, terciptanya unsur-unsur humor, jenaka, sindiran baris, makna, yang rapu menjadi cantik dan bermakna. Oleh itu, bait-bait perkataan yang mengandungi beban bunyi bising, konotasi, rima kesedapan, beriraman, dan juga pemikiran.

M  
A  
L  
A  
Y  
S  
I  
A  
  
K  
E  
L  
A  
N  
T  
A  
N  
U  
S  
  
Jerat musang jebat,  
Terkena musang pandan;  
Hendak jadi hebat,  
Ilmu biar sepadan.

*(Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu, 2022: 44)*

Dalam pantun di atas, tajuk yang sama iaitu “Sambut Tamu Datang” menunjukkan anjakan, anjuran dan tunjuk ajar agar pembaca tergerak hati untuk berusaha menuntut ilmu pengetahuan. Dalam masa yang sama, wujudnya pengungkapan sesuatu perlambangan dan pemaknaan yang indah, berirama dan kukuh, menyemai dan juga memupuk rasa keyakinan dalam diri serta percaya dalam jati diri masyarakat Melayu mengenai pemikiran kebenaran dan kemurnian budi bahasa yang indan dan kecerdasan akal. Sehubungan itu, sesebuah pantun Melayu membawa bersama-samanya keseluruhan perawakan iaitu perwatakan, tamadun Melayu silam termasukalah pemikiran pandang alam lain, adab ataupun adat dan seluruh rencah budaya leluhur yang indah dan halus serta tinggi nilainya. Hal ini memperlihatkan bahawa pantun merupakan suatu bentuk ucapan, pengungkapan bangsa, dan juga pertuturan.

Menerusi perkataan ‘ilmu’ dalam baris keempat menjurus kepada pemahaman yang bermaksud ataupun memiliki pemaknaan serta sesuatu yang memberikan makna kepada seseorang individu itu ketika datangnya sesuatu pembahagian maklumat yang dikatakan memiliki perkaitan dengan kajian memerlukan kefahaman. Sebagai masyarakat Melayu yang beragama Islam amatlah mementingkan ilmu pengetahuan bagi membentuk dan juga menyuburkan akal fikiran kelompoknya. Sehubungan itu, ilmu merupakan inti pati yang memainkan peranan penting dalam pembangunan insan. Dengan itu, masyarakat Melayu sering kali menghubungkaitkan orang yang beradab dengan orang tidak beradab melalui perlakuan atau perilaku yang ditonjolkan. Ilmu pengetahuan hendaklah dipelajari oleh setiap manusia kerana ilmu itu diibaratkan sebagai cahaya yang akan menerangi hidup di samping memfokuskan matlamat utama agar setiap manusia dapat membezakan di antara kebenaran dengan

kebatilan. Oleh demikian itu, kepentingan ilmu pengetahuan yang perlulah dituntut sejak kecil lagi kerana dengan ilmu pengetahuan seseorang individu itu dapat menjadi seorang insan yang berguna dan memperoleh kesenangan hidup.

#### **4.2.5 Konsep Didik Hibur dalam Tema Moral**

Moral membawa maksud kepada perilaku atau kelakuan yang melibatkan pertimbangan dan juga penaakulan yang mematuhi norma sosial yang telah dikemaskini dan ditetapkan sebagai tingkah laku yang sebetulnya (Berkowitz, 1964). Sehubungan itu, moral yang baik adalah dengan segala tingkah laku yang terdiri daripada nilai dan juga aspirasi yang telah diterima pakai oleh sesautu masyarakat (Nurul Hudani & Baharudin, 2018). Dalam pada itu, istilah bagi perkataan moral bersinonim dengan akhlak, budi pekerti, kelakuan, tabiat watak dan perwatakan serta perangai yang merangkumi kesemua sifat luhur antaranya ialah baik hati, kejujuran, bertoleransi, keadilan dan juga semangat kemasyarakatan. Dengan demikian, masyarakat Melayu tradisional amatlah mementingkan nilai budi pekerti yang tinggi kerana dengan mempunyai nilai moral yang mantap merupakan amalan baik yang perlu ada pada setiap insan agar segala tindakan mereka tidak menyeleweng daripada norma-norma sosial yang dikehendaki dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, Pak Nazel telah menerapka nilai moral dan berbuat baik sesama manusia di dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* agar dapat melahirkan generasi muda yang unggul dan sempurna.

Petik pucuk paku,  
Pungut buah keranji;  
Berhemah tingkah laku,  
Tentu orang puji.

(*Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu*, 2022: 34)

Pantun di atas berjudul “Menghormati Orang Tua” memaparkan peringatan kepada khalayak pembaca bahawa setiap perlakuan atau tingkah laku seseorang individu itu bermula daripada akal fikirannya. Hal ini dapat dilihat melalui perlakuan manusia yang berakal dapat membentuk peribadi yang mulia seperti berhemah, bercakap dengan penuh hormat, bersopan santun dalam setiap perbuatan ketika berhadapan dengan orang lebih tua ataupun warga emas serta tidak memburukkan kekurangan seseorang. Menerusi baris maksud ‘Berhemah tingkah laku, tentu orang puji’ menggambarkan bahawa setiap insan yang memiliki nilai moral dan sikap yang mulia dan baik dalam dirinya mudah disenangi oleh orang lain. Hal ini demikian kerana, individu yang mempunyai tingkah laku yang baik dan mulia tidak akan pernah menyakiti pihak lain untuk kepentingan diri sendiri. Oleh demikian itu, penerapan didik hibur dalam penyampaian pantun Pak Nazel ini dapat memberi keberkesanan kepada pembaca untuk menghayati bait-bait rangkap yang diungkapkan, dalam masa yang sama ia dapat membentuk akhlak yang baik dalam kalangan pembaca.

Rentetan itu, Allah SWT menganugerahkan sebaik-baik akal untuk setiap manusia berfikir dengan baik tentang kebaikan dan keburukan yang ingin dilakukan.

Hal ini kerana setiap individu haruslah bijak menggunakan akal pemikiran untuk memiliki sifat dan tingkah laku yang mulia. Setiap perlakuan yang dilakukan akan mempunyai nilai moralnya tersendiri dan ia hadir melalui pemikiran yang waras. Dengan itu, menghormati orang yang lebih tua merupakan sifat yang mulia untuk membentuk nilai moral dalam diri setiap insan yang digelar sebagai manusia. Oleh itu, penghasilan pantun ini dapat memberi pengajaran kepada khalayak pembaca agar menjaga perilaku ketika berhadapan dengan orang yang lebih tua dan juga menggunakan akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT ke arah kebaikan supaya memberi kesan yang baik juga dapat diperoleh.

Di samping itu, setiap individu atau manusia yang berfikiran waras sering dikaitkan dengan budi bicara dan pencakapan yang santun. Hal ini dapat dilihat menerusi masyarakat Melayu sudah dikenali dengan tutur bicara yang sopan dan berbudi bahasa. Setiap bait-bait kata yang dilontarkan daripada mulut melambangkan keperibadian seseorang individu itu. Pemikiran seseorang yang waras akan dapat melahirkan bahasa dan pertuturan yang baik. Tamsilnya, umpama peribahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu iaitu “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya” yang menggambarkan situasi dimana pun keberadaan tutur kata haruslah dijaga dengan baik kerana setiap baris kata yang dikeluarkan daripada mulut akan dinilai oleh orang sekeliling. Sekiranya tersalah menyusun kata, perselisihan faham akan berlaku antara dua pihak mahupun lebih. Oleh itu, pantun yang dihasilkan oleh Pak Nazel dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* banyak dikaitkan dengan budi berbahasa dan dijadikan sebagai pengajaran kepada pembaca. Perkara ini disampaikan dalam dua rangkap pantun berikut:

Celah-celah kayu,  
Ternampak anak lipan;  
Kita orang Melayu,  
Ada adab sopan.

Goreng kacang kelisa,  
Gulai ikan toman;  
Orang berbudi bahasa,  
Tanda diri beriman.

(*Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu*, 2022: 18)

Menerusi rangkap pantun tersebut yang dipetik daripada pantun yang bertajuk “Jadi Hamba Allah” memberi peringatan kepada pembaca agar menggunakan akal pemikiran sebelum menyusun bicara ataupun ketika mahu memulakan pertuturan dengan dengan sesiapa sahaja. Hal ini dapat dilihat menerusi pertuturan yang diungkapkan tanpa menggunakan akal ibarat sebagai tin kosong kerana kata-kata yang kosong dan tidak memdatangkan faedah hanya kata-kata yang tidak dapat dimanfaatkan. Melalui percakapan juga dapat dilihat pembawaan adab dalam diri seseorang itu. Hal ini kerana hati budi Melayu yang disemai dari usia kanak-kanak lagi demi melahirkan generasi muda yang budiman dari segi handal, bijaksana dan tangkas dalam perbuatannya. Tamsilnya, berdasarkan masyarakat Melayu Islam dahulu insan-insan yang dianggap mempunyai nilai etika, moral, dan berakhhlak mulia dan tinggi akan dipandang baik oleh masyarakat yang digelar sebagai seorang yang budiman yang memiliki sifat budi bahasa atau budi bicara, pekerti dan beradab sopan santun yang mulia serta akal pemikiran dan hati kalbu dipenuhi dengan ilmu.

Lantaran itu, menerusi baris ayat bagi maksud pembayang rangkap kedua di atas iaitu ‘Orang berbudi bahasa, tanda diri beriman’ memperlihatkan bahawa manusia yang bijak akan dinilai melalui percakapan atau pertuturannya kerana setiap kata-kata yang dilontarkan dapat mempengaruhi orang lain dan hanya perkara yang berilmu dan bermanfaat sahaja yang diperkatakan. Disamping itu, masyarakat Melayu menganggap bahasa merupakan cerminan bangsa kerana bahasa amat memainkan peranan untuk menilai dan melihat identiti sesuatu bangsa. Tanpa bahasa, keturunan seseorang itu tidak akan dapat diketahui kerana tidak memiliki keupayaan untuk bertutur bahasa asal kaum itu sendiri. Oleh itu, akal pemikiran yang waras akan melahirkan budi bicara yang santun dan seterusnya masyarakat Melayu sering dikenali dengan tutur bicara yang sopan dan baik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.3 Pengaplikasian Konsep Didik Hibur dalam pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*

Menurut *Kamus Oxford Fajar* (2000), pendekatan didik hibur dapat dihubungkait dengan humor, malah turut memperlihatkan unsur humor yang menjurus suatu kualiti ataupun jenaka sesuatu persekitaran, keadaan mahupun kelebihan menjadikan sesuatu perkara itu terhibur. Manakala, dalam *Kamus Dewan* (1994), unsur humor merujuk kepada keadaan hati yang sedang gembira, marah, senang serta kebolehan mengatakan sesuatu yang menggelikan hati. Hal ini diperkatakan bahawa humor merupakan perbuatan ataupun bait-bait kata yang menggelikan hati, membangkitkan geli hati atau ketawa, lucu, perbualan ataupun mengurangkan tekanan (Abd Rahman, 2008). Dengan itu, pelaksanaan didik hibur dapat menekankan keseronokan melalui unsur-unsur kecindian yang dapat menarik minat serta memikat khalayak membaca pantun Melayu Pak Nazel.

Rentetan itu, istilah didik hibur ini merujuk pelaksanaan aktiviti dalam situasi persekitaran yang menyeronokkan dengan kepelbagaiannya kaedah dan strategi digunakan. Pelaksanaan pendekatan ini membantu memperkuuhkan pemahaman dan mendorong pembaca, khususnya kanak-kanak untuk terus membaca Pantun Melayu. Situasi yang aman dan damai serta menyeronokkan berupaya membolehkan pembaca memperoleh pelbagai perkara, seperti pengalaman baharu, memperkaya korpus bahasa, ilmu dan juga pengetahuan daripada pelbagai disiplin dalam membentuk jati diri dan memahami sosiobudaya penutur natif (Ali, 2008). Bagi melaksanakan aktiviti, pengkarya juga perlulah merancang aktiviti tersebut terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana, perancangan tersebut perlulah mengetahui serba sedikit sebanyak

latar belakang pembaca yang akan menjadi khalayak ketika penyampaian pantun Melayu dilontarkan. Dengan cara ini, memudahkan untuk membentuk aktiviti yang menjadikan pembaca dalam kalangan kanak-kanak mempunyai perasaan ingin tahu terhadap aktiviti yang akan dilaksanakan. Terdapat dua elemen bagi mewujudkan perasaan ingin tahu. Antaranya yang pertama ialah perasaan ingin tahu deria, seterusnya kedua ialah perasaan ingin tahu kognitif.

Perasaan ingin tahu deria diwujudkan melalui teknik penggunaan bahan. Sekiranya bahan yang digunakan itu mampu menarik minat kanak-kanak untuk membaca pantun, daya pengekalan pembaca untuk terus fokus dan terlibat dalam proses pembacaan pantun Melayu amatlah baik. Misalnya, melatihkan seseorang individu untuk membacakan pantun Melayu Pak Nazel dengan menunjukkan grafik dan gambar yang berurutan. Sebagai contoh, ketika keasyikan kanak-kanak mendengar cerita atau paparan bait-bait pantun mengikut gambar yang disediakan, tiba-tiba pemantun menghentikan tayangan gambar tersebut. Tentu sekali kanak-kanak tersebut ingin melihat dan ingin tahu isi atau pengajaran yang dapat daripada pantun Melayu tersebut. Menerusi keadaan ini, dapat mengetahui bahawa perasaan ingin tahu pembaca sehingga selesainya penyampaian pantun-pantun Melayu dalam buku *Pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*.

Kemudian, perasaan ingin tahu kognitif pula merujuk pembaca yang dirangsang agar pembaca khususnya kanak-kanak dapat menyedari kekurangan maklumat yang ada pada diri mereka. Kebanyakan pantun Melayu yang dipaparkan berunsurkan patriotik, moral, berbudi bahasa, keadilan, kasih sayang, nasihat dan pesanan serta

pengetahuan. Sebagai contoh, dalam tema pengetahuan ataupun pemikiran, pembaca digerakkan untuk terus mendapatkan ilmu tambahan. Tamsilnya, ketika kanak-kanak atau murid sekolah rendah ingin melintas jalan raya dengan selamat, ia perlulah mengamalkan lima cara melintas dengan selamat. Sekiranya tidak mengetahui lima langkah itu, maka individu itu perlu berusaha untuk mendapatkan maklumat tersebut. Inilah dikatakan perkaitan perasaan ingin tahu yang berhubungkait dengan kognitif. Oleh demikian itu, kebijaksanaan pemantun mengendalikan proses penyampaian dengan pemilihan bahan bantu yang bersesuaian dapat memberikan runag kepada murid untuk menimbulkan minat dan perasaan ingin tahu dalam diri mereka, dalam masa yang sama ia menimbulkan suasana yang menyeronokkan untuk pelajari ilmu baru memahami maksud tersurat dan tersirat pantun Melayu yang dipaparkan.


Rangkap pantun dibawah salah satu contoh tema pemikiran:

Ayah sambut tamu,  
Sambut penuh santun;  
Banyak dapat ilmu,  
Sewaktu membaca pantun.

(Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu, 2022: 45)

#### 4.3.1 Ciri-Ciri Didik Hibur

Berdasarkan definisi dan konsep yang dibahaskan, jelas menunjukkan penggunaan aspek didik hibur bukanlah hanya suatu benda yang dapat dilihat dalam bentuk objek, tamsilnya objek A ialah didik hibur dan objek B bukan didik hibur. Walau bagaimanapun, objek itu dapat diterapkan unsur-unsur didik hibur dalam penyampaian Pantun Melayu Pak Nazel. Bagi menerangkan maksud didik hibur, pengkaji perlu mewujudkan suasana penyampaian yang menggembirakan dan menyenangkan serta bebas daripada tekanan. Sehubungan itu, terdapat empat unsur utama yang perlu dilakukan bagi menjadikan proses penyampaian pantun menyenorokkan, iaitu adanya unsur cabaran, perasaan ingin tahu, kawalan dan fantasi. Manakala, aspek interpersonal pula menjurus adanya kerjasama, persaingan dan pengiktirafan. Oleh itu, kewujudan unsur didik hibur ini amatlah penting bagi melahirkan suasana yang menyeronokkan.



**Rajah 4.2 Ciri-ciri didik hibur.**

Sumber: Indrawati dan Wanwan Setiawan (2009)

Unsur fantasi merupakan salah satu pendorong kepada kanak-kanak yang membaca buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu dengan menggunakan penerapan didik hibur dalam penyampaian pantun. Dengan kata lain, aktiviti ini menggalakkan motivasi intrinsik melalui elemen fantasi mahupun imaginasi yang kreatif. Dalam memenuhi unsur fantasi, pembaca akan berusaha untuk memahami masalah dan maklumat baharu dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada yang dimiliki kanak-kanak tersebut. Bagi menimbulkan suasana tersebut menarik dan merangsang keinginan untuk terus membaca dan mendalami pantun Melayu, penggunaan imej mental ataupun kognitif yang dikaitkan dengan situasi sebenar amatlah perlu bagi mewujudkan tingkah laku yang dihasratkan. Dengan demikian itu, elemen kreativiti dan inovasi amat sesuai diselitkan dalam aktiviti yang melibatkan unsur fantasi ataupun imaginasi, yang akhirnya dijelmakan dalam keadaan yang realiti.

Rentetan itu, penerapan didik hibur amatlah memberangsangkan bagi mewujudkan suasana yang ceria, menarik dan menyeronokkan. Dengan demikian, penghargaan ataupun pengiktirafan merupakan unsur yang sangat bagus untuk menghargai pencapaian kanak-kanak, dalam masa yang sama ia turut dapat memberikan motivasi kepada pembaca khususnya kanak-kanak yang berjaya memahami yang dipelajarinya untuk mencapai sesuatu kejayaan.

Sehubungan itu, pengiktirafan dan penghargaan merupakan satu kepuasaan yang diterima atau diigini oleh pembaca atau seorang murid daripada hasil penglibatannya dalam sesuatu aktiviti. Tambahan pula, dengan pengiktirafan sosial ini, ia dapat mendorong kanak-kanak untuk terus berusaha dan terus kekal dalam pengajaran yang diikutinya bagi memenuhi proses penghayatan dan pemahaman dalam apa jua yang dipelajarinya. Pengiktirafan tersebut bukan hanya dalam bentuk material sahaja, bahkan secara pujian mahupun bilangan bintang yang diberikan sudah cukup memuaskan hati para pembaca dan murin-murid. Sekiranya kanak-kanak tersebut menyertai apa-apa sahaja program yang berkaitan dengan bahasa terutamanya pertandingan pantun, bersajak dan sebagainya, seterusnya memperoleh kemenangan atas usahanya sendiri ia akan diberikan penghargaan dan pengiktirafan kerana ketekunannya dalam mendalami pantun Melayu dan memiliki keberanian untuk bersaing dengan peserta lain. Oleh itu, kepentingan didik hibur dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu amatlah penting kerana ia mendatangkan pelbagai manfaat kepada kanak-kanak seperti mudah untuk memahami maksud yang ingin disampaikan malah ia turut penting dalam kehidupan manusia.

### 4.3.2 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar berfungsi untuk menjelaskan sesuatu maksud tersurat mahupun tersirat yang ingin disampaikan oleh pemantun. Sehubungan itu, bahan bantu mengajar berperanan sebagai bahan rangsangan ketika pelaksanaan sesuatu aktiviti. Justeru pemilihan bahan bantu mengajar hendaklah mengambil kira beberapa aspek, iaitu bahan maujud, grafik, objek, mahupun petikan ataupun berbentuk tulisan yang perlu diberikan perhatian oleh guru sebelum memilih atau menyediakan sesuatu bahan bantu mengajar. Sebelum pemilihan bahan tersebut, perlu memastikan keselamatan agar tidak berbahaya kepada kanak-kanak, khususnya bahan berbentuk maujud. Tamsilnya, pemantun memperkenalkan sifat pisau atau gunting yang dapat memotong sesuatu bahan kerana alat tersebut tajam. Semasa melaksanakan aktiviti tersebut, kanak-kanak tidak seharusnya membawa atau menggunakan pisau ataupun gunting, sebaliknya hanya orang dewasa sahaja yang menggunakankannya. Cara lain yang boleh dilakukan adalah menggunakan alat daripada kayu, plastik ataupun kertas yang tidak berbahaya.

**Jadual 4.2.2** Bahan bantu mengajar.

Bahan Bantu Mengajar	Kegunaan/ Fungsi	Kemahiran Bahasa
Radio	Memperdengarkan sebutan dan intonasi yang besar.	Proses mendengar dan proses menyebut.
Televisyen	Memperdengarkan ayat cerita rakyat	Proses mengecam dan mengajuk (menyebut)

	ataupun apa-apa sahaja berkaitan dengan bahasa dan pengucapan pantun Melayu.	apa-apa yang telah didengar.
Komputer	Mempelbagaikan perisian komputer yang boleh digunakan untuk memperdengarkan bunyi yang berbeza.	Bersetujuan dengan kemahiran mendengar dan menyebut semula.
Telefon bimbit	Memperdengarkan pelbagai bunyi telefon.	Sesuaikan bunyi tersebut dengan kemahiran yang dipilih.

Penggunaan bahan yang terdapat dalam pengetahuan sedia ada memudahkan lagi pembaca memahami apa-apa sahaja yang ditunjukkan sewaktu penyampaian mahupun pengajaran dijalankan. Sehubungan itu, paling penting ialah bahan bantu mengajar yang dapat menggambarkan kandungan ataupun isi mahupun paparan pantun Melayu yang hendak disampaikan. Dalam hal ini, bahan berbentuk grafik lebih banyak membantu kanak-kanak jika digunakan dalam proses pengajaran. Misalnya, teks bacaan yang menceritakan sesuatu kejadian banjir di sebuah perkampungan, maka ilustrasi yang dilukis perlu menggambarkan peristiwa tersebut. Kaedah ini dapat membantu pembaca lebih memahami teks tersebut dengan lebih mendalam. Malah, grafik juga mampu membentuk interaksi antara pembaca

khususnya kanak-kanak dengan grafik. Sebagai contoh, isi penceritaan mengisahkan kejadian memilukan atau sedih, tetapi grafik yang dibina menggambarkan kegembiraan ataupun keriangan. Sekiranya situasi begini wujud, maka pemantun yang berperanan untuk membetulkan situasi tersebut agar proses pengajaran mahupun penyampaian pantun berjalan dengan lancar.

#### **4.3.3 Pendekatan Keindahan Dalaman**

Wujudnya pandangan daripada salah seorang ilmuwan Islam iaitu Imam Ghazali yang menyatakan bahawa keindahan dalaman merupakan salah satu *mujarrad* yang membawa erti kepada unsur keindahan atau estetika tersembunyi iaitu keindahan yang tidak dapat dipamerkan ataupun dirasakan kehadiranya tetapi hanya dapat dilihat oleh akal mahupun dicerap melalui akal fikiran sahaja (Braginsky, 1994). Menurut Fadzilah Amzah, 2016 berpendapat yang sama bahawa keindahan dalaman tidak dapat dilihat dan dikesan oleh pancaindera, namun ia mampu untuk dilihat dan juga dirasai melalui akal sahaja. Keindahan dalaman berperanan dalam mewujudkan pengajaran yang indah ataupun istilah lainnya ialah merupakan keindahan didaktik. Sebagai contoh, menerusi aspek dalaman berkaitrapat dengan pengertian sesuatu kebaikan mahupun kebajikan. Justeru itu, perkataan daripada bahasa arab yang seerti pengertiannya dengan “indah” ialah merujuk kepada *husn* dan seterusnya yang seerti dengan perkataan “elok” ialah *jamal*.

Sehubungan itu, aspek keindahan dalam banyak memperlihatkan kekayaan dan kedalaman pemaknaan dalam bidang kesusasteraan Melayu pada abad pertengahan. Masyarakat Melayu zaman dahulu kala memiliki tanggapan dan dan kefahaman sendiri mengenai erti keindahan dalam karya sastera. Dengan demikian itu, setiap unsur keindahan haruslah diselidik dan dihuraikan dengan terperinci bagi memudahkan khalayak memahami pengertiannya. Tambahan pula, asal usul keindahan merupakan terdiri daripada kaca mata masyarakat Melayu tradisional yang amat berhubung rapat dengan ontologikal yang menerangkan mengenai asal usul ataupun punca keindahan itu sendiri. Unsur keindahan turut dilihat sebagai manifestasi daripada kekuasaan dan juga kekayaan Allah SWT dalam mewujudkan segala makhluknya yang ada di muka bumi ini termasuklah alam semula jadi (Fadzilah Amzah, 2016). Wujudnya proses Islamisasi yang berlaku pada abad ke-14 berlanjutan hingga abad ke-16. Keadaan ini telah menyemarakkan pengajaran teologi Islam dan mereka mula menyedari bahawa proses penciptaan dan matlamat penciptaan kesusasteraan yang berlandaskan ajaran tauhid. Oleh itu, kesedaran diri atau *self-consciousness* masyarakat Melayu pada abad pertengahan ini telah menjadikan mereka bangsa yang bersastera.

#### 4.3.3.1 Gaya Bahasa dalam Pantun Melayu

Gaya adalah suatu pemilihan dan juga penggunaan kata yang diistilahkan sebagai daksi, serta ia juga dikenali sebagai penyusunan kata berirama,

pengulangan dan sebagainya. Hal ini diperkatakan bahawa sebahagian daripada bait-bait kata tersebut memiliki sifat konotatif iaitu mempunyai pemaknaan dari sudut tersurat dan juga tersirat. Sehubungan itu, bahasa adalah suatu sistem penandaan dan juga lambang kepada sesebuah masyarakat dalam interaksi antara sesama manusia. Tambahan pula, bahasa juga dianggap sebagai sistem perlambangan bunyi yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk berinteraksi dan komunikasi antara satu sama lain dalam menyampaikan idea dan sebagainya (Halliday dan Ruqaiya). Sehubungan itu, gaya bahasa menjurus kepada ragam bahasa ataupun suatu cara digunakan secara khususnya dalam penulisan kreatif mahupun pengkaryaan sastera (Keris Mas, 1990). Dengan demikian itu, setiap penulisan kreatif yang dihasilkan memiliki gaya bahasa tersendiri yang digunakan oleh pengarang bagi mewujudkan identiti seseorang pengarang, malah turut menonjolkan ciri-ciri keperibadian seseorang pengarang tersebut.

Kemudian, gaya bahasa secara khususnya dapat dikesan penggunaannya di dalam karya penulisan kreatif mahupun tidak kreatif. Hal ini memperlihatkan bahawa terdapat lima jenis gaya bahasa yang wujud iaitu gaya bahasa perbandingan, penyirnaan, sindiiran, pertentangan dan juga pengulangan. Penggunaan gaya bahasa di dalam pantun memiliki rima yang sama iaitu ‘a, a’ atau ‘a, b, a, b’ dan juga pantun terbahagi kepada pembayang dan maksud. Perkara ini memperlihatkan bahawa prosa tradisional seperti pantun terikat dengan dari segi bentuk format yang signifikan dan mempunyai identitinya tersendiri. Rentetan itu, penggunaan gaya bahasa diistilah sebagai

suatu cara pemakaian bahasa, tamsilnya ia turut terdiri daripada pelbagai jenis gaya seperti metafora, personifikasi, simile, imejan, anafora dan sebagainya. Setiap jenis gaya bahawa yang wujud sering digunakan dalam penghasilan karya-karya sastera yang berbentuk sajak, novel dan lain-lain, ia kerana dianggap sebagai penyususan dan juga penggunaan sesuatu bahasa. (Robert P. Wareen, 1998).

### I). Gaya Bahasa Metafora

Gaya bahasa Metafora merupakan suatu gabungan konkret dan abstrak yang mewujudkan pemaknaan lain daripada makna tersurat yang terdapat dalam karya dikaji. Hal ini demikian kerana metofora menjurus kepada suatu kiasan yang dapat membandingkan sesebuah makna tersebut secara tersirat dua objek yang berlaianan menerusi daya imaginasi sehingga ia dapat menghasilkan konotasi yang indah dan baharu. Sehubungan itu, gaya bahasa metafora disampaikan secara ringkas, padat, kemas, dan tersusun dengan adanya unsur perbandingan dan analogi, malah turut tidak menggunakan kata seperti laksana, bagai, bak, seumpamaan, ibarat, serupa ataupun peneka serta ia merupakan gaya kiasan yang tidak terikat kepada makna dua lapis mahupun tidak mementingkan suatu pengutaraan perkara untuk dijadikan sebagai bandingan (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2005). Dengan

demikian itu, pengungkapan metafora memerlukan suatu penelitian yang mendalam bagi menakwilkan makna sebenar yang ingin dilontarkan.

Sehubungan dengan itu, gaya bahasa metafora yang dikesan dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu adalah menerusi pemikiran dan juga terbentuknya melalui proses pengalaman, renungan ataupun luahan hati daripada pengkarya tersebut. Unsur metafora sering dikaitkan dengan masyarakat zaman dahulu kala yang bijak dan juga pantas menggunakan akal fikirannya bagi mewujudkan penghasilan gaya bahasa metafora secara sedar mahupun tidak sedar. Dengan demikian itu, gaya bahasa metafora mewujudkan suatu ideologi kehidupan masyarakat melalui interaksi sosial dalam sesebuah kelompok masyarakat pada zaman dahulu dan sehingga kini yang menjadi tinggalan warisan. Aspek-aspek yang berhubungkait dengan gaya bahasa tersebut adalah dari perspektif konsep penyusunan, pemindahan, penggantian, analogi, perbandingan dan makna luaran. Walau bagaimana pun, takrifan yang dibahaskan dapat menyimpulkan bahawa gaya bahasa metafora memiliki sifat-sifat tertentu, antaranya suatu perbandingan yang dihasilkan melalui analogi dan makna tersirat yang ingin disampaikan. Oleh itu, gaya bahasa metafora dapat dilihat menerusi buku Pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu melalui rangkap baris pantun di bawah:

KELANTAN

Ketam **padi bunting**,  
Buat emping ringgi;  
Jangan cepat melenting,  
Terlewat bangun pagi.

(Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu, 2022: 31)

Berdasarkan rangkap pantun di atas, yang bertajuk “Lepas Baca Buku” memaparkan gaya bahasa metafora ataupun keindahan bahasa yang telah digunakan oleh pengkarya dengan mewujudkan keindahan dalam rangkap pantun tersebut. Gaya bahasa metafora dapat dilihat dalam baris pertama iaitu ‘*padi bunting*’. Perkataan padi membawa maksud kepada salah satu sumber ekonomi negara yang dijadikan sebagai makanan utama dalam masyarakat Melayu. Padi juga mempengaruhi akal fikiran dan perilaku serta tindak-balas, dalam masa yang sama memainkan peranan penting dalam membina ideologi tradisi yang kukuh dan teguh. Manakala istilah bunting membawa maksud mengenai mengandung yang biasanya istilah tersebut digunakan untuk binatang sahaja. Ia turut digunakan untuk tanaman padi seperti ‘batang padi tersebut menjadi bengkak kerana buahnya hendak keluar (Kamus Dewan, 1989). Tambahan lagi, unsur keindahan pantun Melayu yang dihasilkan oleh Pak Nazel terletak pada penggunaan metafora ataupun unsur estetis dalam baris pembayang. Hal ini kerana pembayang maksud sering menggunakan imej alam semulajadi ataupun unsur flora sebagai metafora ataupun perbandingan kata. Oleh itu, pantun Melayu merupakan puisi tradisional yang paling popular penciptaannya, yang kian hidup dan dicipta sehingga ke hari ini.

Penggunaan gaya bahasa metafora dalam sesebuah penghasilan karya sastera mampu mewujudkan imaginasi dan pemikiran pembaca. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan bahasa yang baik, tersusun rapi, memiliki keindahan pemaknaan yang tepat dan juga mampu menghasilkan pantun Melayu yang berkualiti dan unggul dari segi bahasa dan unsur estetikanya. Penggunaan unsur keindahan dalam pengkaryaan dianggap positif dan baik untuk pengarang dan khalayak yang giat dalam bidang kesusastraan kerana keindahan sastera menjadi unsur penting bagi sesebuah karya tersebut, malah menjadi pengukurnya. Dengan itu, unsur metafora yang digunakan adalah menekankan kemampuan pengarang itu sendiri untuk menggunakan kelebihan dalam menghasilkan karya yang kreatif yang unggul. Tambahan lagi, keharmonian dalam struktur dan isi atau makna dalam pantun Melayu memberikan kesan katarsis yang sangat kuat kepada khalayak. Tamsilnya, keharmonian juga dapat dilihat melalui kesesuaian pemilihan dan pemakaian bahasa yang digunakan bagi memerihalkan sesuatu objek ataupun suatu perkara. Objek, perbuatan, perkara dan benda yang selalunya serba elok dan sempurna sifatnya diperikan dengan bahasa serba puitis, indah dan berirama.

## II. Gaya Bahasa Personifikasi

Gaya bahasa personifikasi adalah gaya bahasa dianggap sebagai kiasan yang memaparkan sifat-sifat kemanusiaan terhadap perkara

yang tidak bernyawa, baik perilaku secara dalaman maupun perilaku luaran. Sehubungan itu, ia berjaya memperlihatkan kehalusan pernyataan perasaan dan akal fikiran, menyindir, memberi pesanan, teguran atau mewujudkan perasaan marah. Bagi menyerlahkan keberkesanannya adalah melihat melalui sifat-sifat manusia dengan dominan abstrak seperti perasaan, angin, hujan, ribut dan lain-lain (Nik Hassan Basrii, 2006). Dengan demikian itu, penggunaan gaya personifikasi memudahkan pemahaman isi dan mesej yang ingin disampaikan oleh pengkarya kepada khalayak. Personifikasi adalah gambaran objek-objek dan idea dengan memiliki sifat dan ciri seperti manusia (Rahman Shaari, 1993). Perkara ini dapat disimpulkan bahawa unsur personifikasi memudahkan pengkarya menyampaikan isi tersirat tanpa menimbulkan tanpa rasa segan kepada pembaca. Hal ini demikian kerana, setiap penghasilan karya bertujuan mengkritik, menyindir, menyoal, dan sebagainya. Oleh itu, dengan memanfaatkan unsur gaya personifikasi, khalayak pembaca dapat menyelami emosi pengkarya tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya sedang dikritik oleh pengkarya. Namun begitu, pembaca bebas untuk menginterpretasikan unsur personifikasi kerana penggunaannya secara melaus dan bebas tanpa terikat dengan apa-apa.

**Lukisan adik cantik,  
Letak atas meja;  
Pakai baju batik,  
Cantik senyum manja.**

(*Pak Nazel Indahnya Pantun Melayu*, 2022: 10)

Berdasarkan rangkap pantun Melayu di atas, dapat dikenalpasti keindahan gaya bahasa personifikasi iaitu penggunaan bahasa dari segi mewujudkan sifat manusia ke objek lain dalam sesebuah karya sastera iaitu dalam buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Misalnya, pengkarya atau penulis telah menggunakan perkataan ‘letak’ sebagai kata kerja manakala ‘lukisan’ sebagai unsur personifikasi bagi objek yang tidak hidup, walau bagaimanapun pengkarya atau Pak Nazel meletakkan unsur personifikasi untuk memperlihatkan lagi unsur keindahan bahasa yang wujud dalam Pantun Melayu tersebut. Oleh demikian itu, secara konteksnya dapat disimpulkan bahawa gaya memiliki keistimewaanya tersendiri, malah keelokan dan keindahan sesuatu itu diungkapkan dengan bahasa yang bersesuaian dan berpadanan serta bertetapan dengan sifatnya. Tambahan lagi, pemilihan perkataan dan bahasa yang tepat dengan segeranya dapat memetakan imej spontan dalam minda khalayak pembaca.

### III. Hiperbola

Menurut Safian Hussain (1988) menyatakan bahawa hiperbola adalah sejenis bahasa kiasan yang menyampaikan sesuatu secara berlebih-lebihan daripada maksud yang sebenar, malah bahasa kiasan ini digunakan dengan bertujuan memperlihatkan kesan pemaknaan atau menimbulkan unsur humor. Sehubungan itu, hiperbola sering dikaitkan dengan perkara ataupun digambarkan penggunaan gaya bahasa yang berlebih-lebihan terhadap sesuatu yang diperkatakan. Perkara ini disebabkan pengkarya bertujuan untuk memikat atau menarik minat para pembaca menghayati mesejnya dari segi tersurat maupun tersirat yang ingin disampaikan olehnya. Justeru itu, hiperbola tidak mementingkan kata bersesuaian dan berpadanan kata maupun gambaran dan hanya dicipta bukan bertujuan menarik perhatian orang mempercayai kata-katanya secara menyeluruh. Namun begitu, kata-kata hiperbola yang digunakan dapat membantu memudahkan pembaca memahami serba sedikit mesej yang ingin dilontarkan kerana hiperbola tidak menekankan pemaknaan kata-katanya.

Rentetan itu, gambaran yang dipaparkan dalam hiperbola tidak menepati alam realiti, tetapi ia mengandungi unsur estetika dan nilai keindahannya tersendiri, malah menerusi penggunaan hiperbola, pengkarya iaitu Pak Nazel dapat melontarkan pandangan, pemikiran dan perasaannya melalui mesej dan maksud yang

diperkatakan itu (Rahman Shaarii, 1993). Dengan demikian itu, hiperbola adalah sebuah gaya bahasa yang dilontarkan berlebih-lebih dengan menekankan unsur kiasan didalamnya dan juga bertujuan mewujudkan kesan penegasan ketara mengenai fakta dalam sesebuah situasi atau keadaan, dalam masa yang sama hiperbola mampu menimbulakan rasa terpukau dan juga terkesima serta terkesan dengan ayat-ayat hiperbola.

Manggis masak peram,  
Makan dengan Kak Nita;  
**Naik rasa geram,**  
**Ayam berak merata.**

Urap paku rawan,  
Jamu Puan Seri;  
Kalau kita berkawan,  
Jangan penting diri.

(*Pak Nazel Indahnya Pamtun Melayu*, 2022: 51)

Berdasarkan rangkap pantun Melayu di atas, jelas menunjukkan penggunaan unsur hiperbola dalam penghasilan pantun tersebut. Berpandukan kepada baris ayat ‘Naik rasa geram, Ayam berak merata’ merupakan penggunaan bahasa hiperbola yang berlebih-lebih untuk mengindahkan lagi rangkap pantun Melayu tersebut. Sehubungan itu, penggunaan ayat yang tidak masuk akal atau lebih dikenali dengan istilah tidak logik ini memperlihatkan lagi unsur keindahan bahasa dalam penghasilan pantun Pak Nazel. Oleh

itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa kepentingan keindahan bahasa dalam sesebuah pengkaryaan karya sastera bagi melambangkan keindahan kesusasteraan itu sendiri.

#### **4.3.3.2 Pembayang dan Maksud Pantun Pak Nazel dari Perspektif Ekologi**

Pantun Melayu memiliki ciri-ciri yang dapat dilihat menerusi dua aspek iaitu ciri-ciri luaran dan ciri-ciri dalaman. Hal ini demikian kerana, kedua-dua aspek ini memaparkan unsur keindahan dan estetika dalam sesebuah pantun Melayu. Sehubungan itu, aspek dalaman merupakan suatu perkara yang sangat sukar untuk dianalisis mahupun dikaji kerana ia amatlah subjektif. Tambahan pula, kesemua perkara yang difahami hanya bergantung sepenuhnya dengan pengalaman dan pemahaman pendengar itu sendiri. Dalam penghasilan sesebuah pantun, ia memerlukan pembinaan struktural yang kukuh. Tamsilnya, dengan menggunakan unsur alam dalam penciptaan pantun amatlah cukup untuk mengukuhkan struktural sesebuah pantun. Keperibadian Melayu dapat diperlihat menerusi pantun-pantun Melayu yang menghubungkaitkan pembayang dan maksud. Dengan demikian itu, wujudnya perbezaan antara pantun dengan puisi baharu dari segi bentuk, penyusunan, pemilihan diksi, irama, pemikiran dan emosi yang terjelma didalamnya. Oleh itu, struktur binaan pantun terdiri daripada ciri-ciri luaran pantun tersebut

yang dibahagi kepada dua bahagian utama iaitu pembayang dan maksud ataupun sampiran dan isi, kedua-dua memiliki hubungan secara langsung dan bersimbolik tersendiri.

Jiran Pak Dolah,

Asal dari baruh;

Pembayang/ Sampiran

Jadi hamba Allah,

Patuhi Dia Suruh.

Unit maksud/ Isi

(*Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*, 2022 : 18)

Penciptaan pantun Melayu merangkumi unsur-unusr keperibadian Melayu yang mengandungi pengalaman, akal fikiran atau pemikiran seseorang pengkarya itu sendiri, khususnya Pak Nazel dalam menghasilkan buku *Pantun Indahnya Pantun Melayu*. Setiap pantun yang dihasilkan memiliki sifat dan kehalusan bahasanya, ciptaan pantun merupakan salah satu bentuk sastera lisan yang masih kukuh kedudukannya dalam hati masyarakat Melayu sehingga kini. Hal ini diperkatakan bahawa kepelbagai bentuk puisi di semenanjung Malaysia dan kepulaaun Melayu, pengkaryaan pantun telah memaparkan kebijaksanaan dan kesempurnaan seni sastera bangsa-bangsa yang telah digolongkan sebagai kemelayuan dengan jelas (Muhammad Haji Salleh, 1999). Tamsilnya, terdapat pengakuan daripada

seseorang tokoh yang menyatakan bahawa “tak ada sesiapapun yang mampu mengagak keluasan suatu pemikiran orang Melayu tanpa memahami pantun yang dilontarkan” (Winstedt, 1999). Oleh demikian itu, pantun Melayu khususnya dijadikan suati wadah ciptaan terutamanya bagi masyarakat-masyarakat Melayu yang memiliki jiwa, rasa, perasaan, emosi, kebijaksanaan, keadilan dan juga budi bahasa Melayu.

Rentetan itu, pembayang untuk pantun Melayu membawa nilai keindahan ataupun estetika yang seumpamaan roh sementara yang merasuki sesuatu perkara manakala maksud bait-bait pantun pula seperti jasad. Menerusi buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* memperlihatkan adanya penggunaan unsur alam dalam pantun Melayu dalam buku tersebut yang menunjukkan masyarakat Melayu terdahulu amatlah menghargai kewujudan alam semesta dan semulajadi. Maksud ataupun isi bagi sesebuah pantun berada dalam bahagian kedua bait-bait rangkap pantun yang mengandungi isi tersurat dan tersiratnya untuk disampaikan dalam pantun kepada pembaca. Struktur pantun Melayu terdiri daripada rangkap-rangkap yang berasingan, malah setiap bait-bait rangkap memiliki baris-baris yang sejajar dan berpasang-pasangan dua, empat, enam, lapan, sepuluh dan dua belas, namun pantun yang umum sering dihasilkan oleh pengkarya adalah pantun empas baris. Pantun Melayu yang dihasilkan oleh Pak Nazel dalam bukunya memuatkan 208 rangkap pantun empat kerat dan setiap barisnya memiliki tiga patah perkataan sahaja. Setiap rangkap yang dicipta Pak Nazel adalah ringkas dan mudah difahami.

Ekoran daripada itu, setiap penciptaan pantun memiliki ‘pembayang’ yang akan menerangkan maksud pantun tersebut dengan lebih jelas. Setiap pasangan baris pertama pantun Melayu menjelaskan mengenai ‘pembayang maksud’ atau disebut sebagai ‘pendahulu sesuatu niat’. Manakala, dalam pasangan baris kedua pula menjelaskan tentang ‘maksud ataupun nita’. ‘Pembayang maksud’ atau dikenali juga sebagai sampiran menjurus kepada bahagian yang biasanya terdapat pada baris pertama dan juga kedua pantun berdasarkan pantun bahagian empat kerat. Dengan demikian, kedua-dua bahagian ini dilihat sebagai ‘pembayang maksud’ kerana terdiri daripada kiasan dalam menyampaikan maksud kepada khalayak. Bahasa kiasan merupakan bait-bait kata yang berlapik tetapi masih dalam nada sopan bagi menyampaikan maksud atau isi tersurat mahupun tersirat tanpa melontarkan secara terus maksud yang ingin disampaikan.

Sehubungan itu, pantun adalah sejenis pusi tradisional yang bersifat terikat dan terdiri daripada empat baris serangkap, secara umumnya pantun yang dicipta terdiri daripada tiga mahupun empat patah perkataan sahaja. Di dalam pantun Melayu Pak Nazel mengandungi antara lapan hingga dua belas suku kata dengan menggunakan pola rima a-b-a-b. Setiap pantun dihasilkan memiliki temanya tersendiri. Dengan demikian itu, pantun-pantun yang dipaparkan dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu berunsurkan nasihat dan pesanan, berbuat baik sesama manusia, kasih sayang, cinta terhadap negara, keadilan dan pengetahuan am. Tambahan

lagi, pantun Melayu merangkumi pelbagai ruang liingkup kehidupan harian masyarakat Melayu. Pantun merupakan puisi rakyat tertua dan memiliki keunikkan sebalik keringkasan penyampaiannya, ia mampu menggalas luahan hati si pemantunnya dengan penggunaan bahasa yang halus dan berirama, biarpun ianya berupa teguran, nasihat, pesanan, pengajaran mahupun sindiran kepada pembaca. Pembayang dalam pantun Melayu lazimnya diperoleh daripada persekitaran masyarakat sekeliling seperti alam flora dan fauna khususnya dan lain-lain.

#### **4.3.4 Kosmologi Alam Flora (Tumbuh-Tumbuhan)**

Tumbuh membawa maksud sesautu benda yang hidup menjurus kepada benih, pokok dan sebagainya, namun istilah tumbuh-tumbuhan pula bererti benda yang hidup yang memiliki akar, berbatang, berdahan, berdaun dan lain-lain (Kamus Dewan, 2017). Tumbuh-tumbuhan merangkumi keseluruhan pokok, buah-buahan, tanam-tanaman yang dapat dikesan di seluruh muka bumi ini. Sehubungan itu, perkara yang indah itu hanya disebabkan sifat-sifat indahnya, memiliki kesan yang mendalam ke atas struktur jiwa manusia, menjadikan unsur keindahan perkara yang mempesonakan, berahi, dan mudah terpikat (Amiinah, 2006). Tamsilnya, ciri botani merujuk kepada ciri dan sifat pada tumbuhan misalnya dari segi ketinggian, jenis akar, batang, rupa, bentuk daun dan bunga, warna, aroma, rasa, cara tumbuh misalnya menegak, berumpun dan seumpamanya. Penggunaan istilah tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu, menjelaskan bahawa pantun-pantun Melayu banyak menggunakan tumbuh-tumbuhan dari segi habitat, ciri botani, khasiat dan kegunaan sebagai sumber makanan, perubatan dan ekonomi masyarakat. Secara

konteksnya, dapat disimpulkan bahawa tumbuhan adalah salah satu dari alam sekitar yang perlu kita pelihara agar ia tidak terus lopus ditelan dengan perubahan zaman yang semakin berkembang dengan kepelbagaiannya kemajuan zaman seperti pembinaan atau pembangunan dan sebagainya (Kartiini Abdul Wahab, 2016).

Alam flora merupakan sebahagian daripada keberadaan alam benda hidup yang wujud di alam semesta yang luas ini (Katinii Abd Wahab, 2016). Sehubungan itu, kepelbagaiannya mahupun diversiti merupakan salah satu pengukuran dalam pendekatan ekolinguistik. Justeru, kepelbagaiannya leksikon digunakan dalam penghasilan pantun Pak Nazel, perkataan ‘leksikon’ yang berasal daripada Yunani yang membawa makna pertimbangan kata yang menganalisis bait-bait rangkap pantun dihasilkan. Sehubungan itu, tumbuh-tumbuhan merupakan salah satu unsur alam yang digunakan dalam penciptaan pantun Melayu. Sebagai contoh, pembayang di dalam pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu menggunakan leksikal buahan iaitu papaya yang menggambarkan cebisan kisah hidup manusia, bayangan perasaan, peristiwa yang dipadatkan dengan kesan yang cepat kerana pantun Melayu tidak hanya terbatas terhadap perasaan atau emosi dan pengalaman sahaja, namun juga dapat disimpulkan menerusi hujahan dan persoalan dalam empat baris pantun yang dicipta:

Minum air **papaya**,  
Di kedai pekan sehari;  
Kalau sudah kaya;  
Jangan lupa diri.

(Pak Nazel: *Indahnya Pantun Melayu*, 2022: 28)

Berdasarkan pantun di atas, memaparkan leksikal buah papaya telah digunakan pengkarya dalam menghasilkan rangkap pantun dalam buku Pak Nazel. Hal ini dapat dilihat menerusi kehidupan masyarakat Melayu yang menganggap pokok atau buah papaya mahupun betik sebagai tumbuhan yang dekat dengan persekitaran manusia kerana setiap anatomi pokok papaya itu sendiri memberi pelbagai kebaikan kepada khalayak. Wujudnya keharmonian yang dilihat menerusi bait-bait rangkap pantun di atas, disebabkan kesesuaian pemilihan dan pemakaian bahasa yang digunakan untuk memerihalkan maksud pembayang. Misalnya, buah papaya atau betik memaparkan sifat yang serba elok dan sempurna memudahkan ia diperikan dengan bahasa serba puitis, indah, dan berirama serta hubungan dengan persekitaran. Dengan kata lain, keelokan dan keindahan sesuatu istilah itu diungkapkan menerusi bahasa yang sesuai dan berpadanan.

Lantaran itu, buah papaya sering dikaitkan dengan perubatan tradisional khususnya bunga papaya tersebut dijadikan sebagai ubat untuk merawat beberapa jenis penyakit. Pengarang telah menggunakan air papaya pada deskripsi pantun ini. Tambahan pula, air papaya atau betik memiliki khasiatnya yang tinggi, jelas menggambarkan bahawa pengkarya ingin membahaskan kebaikan buah ini dalam pembayang pantun dalam baris pertama ‘Minum air papaya’ ia turut memaparkan keenakkannya air buah tersebut yang dapat melegakan dan menghilangkan rasa dahaga, malah ia mampu untuk merawat sesuatu penyakit. Oleh demikian itu, maksud tersirat pembayang yang dapat dikaitkan adalah tingkah laku individu yang ada kaitan dengan hati manusia. Jika hati manusia dirawat dengan sebaik mungkin pasti

tidak akan wujud perasaan riak atau lupa diri ketika memperoleh kejayaan dalam hidup serta pasti sukar untuk lakukan sesuatu perkara yang buruk.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Menilai keberkesanannya Teori Keindahan Braginsky bagi menyerlahkan Nilai Estetika Pantun dalam buku *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*.

Pantun Melayu adalah puisi tradisional Melayu yang unik, malah memiliki keistimewaan tersendiri dan ia juga tergolong dalam sastera lisan Melayu. Sehubungan itu, puisi tradisional ini juga dapat melambangkan simbol estetis atau artistik dalam kalangan masyarakat nusantara sejak zaman dahulu kala lagi dan sangat indah bait-bait kata yang dilontarkan dan memiliki maksud tersurat dan tersiratnya tersendiri. Pantun Melayu disampaikan dalam bentuk yang ringkas, padat, berkiasan mahupun romantis kerana keseluruhan pemikiran sesebuah pantun terdiri daripada inspirasi masyarakat Melayu tradisional terdahulu. Misalnya, penciptaan pantun dari segi baris dan rangkap yang dibentuk oleh pengarang dikaitkan dengan unsur kiasan bagi menyampaikan isi atau fikiran dan pengajaran mahupun bertujuan untuk menyindir, berjenaka dan memberikan nasihat kepada khalayak pembaca. Pantun terdiri daripada aspek dalaman dan luaran ataupun aspek struktur visualnya (Harun Mat Piah, 1989). Tambahan pula, aspek dalaman pantun Melayu merangkumi unsur keindahan dan estetika dan teman serta persoalan, malah ia memiliki nada iramanya tersendiri dalam memperlihatkan pemaknaan dari segi nilai intrinsik dan juga ekstrinsik. Oleh demikian itu, keindahan pantun Melayu dapat dilihat menerusi akal pemikiran, bentuk, struktur, bahasa, gaya, ilmu, alam, kemanusian, kemasyarakatan, budi, dan juga nilai moral serta pengajaran.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan bahawa istilah estetika berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘aesthesia’ yang menjurus kepada indah, kreatif, emosi ataupun sensitiviti sesuatu perkara. Ia turut terdiri daripada cabang

keilmuan yang membahaskan tentang falsafah seni dan suatu bidang yang sering merujuk kepada kemerduan bahasa yang indah serta cita rasa dan alun cerita yang memperlihatkan unsur keindahan dalamnya. Unsur estetika dahulu kala sering tidak diperikan dalam sebuah risalah yang canggih, tetapi masih wujud dalam pengkaryaan karya sastera Melayu yang memaparkan sifat usulnya, penyusunan bahasa yang baik dan juga penyampaian yang dianggap indah atau estetis. Nilai estetika terdiri daripada pemikiran kesenian manusia Melayu yang sering dikesan dalam hikayat, pantun mahupun syair. Sebagai contoh, bait-bait pemerian kata seperti keindahan suasana, keajaiban taman, pakaian yang cantik, burung-burung berterbangan dari kayangan, canda peti yang menyimpan sang puteri, ombak yang bergelora, pantai yang putih bersih dan istana yang megah pada zaman bahari yang segak dan juga gombang. Oleh itu, perkara indah itu dicari kerana keupayaannya membawa erti keindahan dan nikmat seni terhadap khalayak kepada suatu tahap yang lebih tinggi dan teguh, malah menjurus kepada bayangan pengalaman yang istimewa dan keunikannya tersendiri.

Menurut Braginsky (1994), menjelaskan bahawa istilah keindahan adalah merujuk kepada pokok atau kelompok dalam sistem estetika kesusasteraan Melayu. Menerusi hasil dapatan kajiannya, memperlihatkan perkataan ‘elok’ dan ‘indah’ memiliki perbezaan permaknaan yang luas. Hal ini demikian kerana, konsep ‘indah’ dalam kesusasteraan Melayu tradisional dari sudut pemaknaan semantik ia bukan hanya bergantung kepada istilah ‘indah’ sahaja, sebaliknya bergantung juga terhadap beberapa istilah lain yang memiliki pemaknaan yang serupa dengan pengertian indah antaranya seperti elok, baik, bagus, terpesona, dan juga menarik. Penggunaan istilah ‘indah’ dalam pengkaryaan kesusasteraan tradisional lebih menekankan aspek luaran,

sebaliknya ‘elok’ menitikberatkan aspek dalaman bersembunyi. Aspek dalaman berhubungkait dengan pengertian kebaikan mahupun kebajikan. Tambahan lagi, menerusi sifat-sifat immanen (berbagai-bagai ragam) makna keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional juga membawa pengertian luar biasa, ajaib dan temasya.

#### **4.4.1 Keindahan Luaran**

Keindahana luaran adalah suatu unsur keindahan yang dapat dilihat dan dirasai dengan hati naluri manusia, malah turut dilihat menerusi pancaindera manusia seperti melalui pendengaran, penglihatan, sentuhan, deria bau dan rasanya secara fizikal juga (Fadzilah Amzah, 2016). Keindahan luaran ini mampu mendedahkan kekayaan dan kedalaman makna kesusasteraan Melayu, misalnya khalayak pembaca ataupun pendengar dapat memahami dengan mendalam berkaitan dengan makna kandungan mahupun makna-makna tersirat atau tersurat yang ingin disampaikan oleh pengkarya dalam sesbuah pantun Melayu. Hal ini demikian kerana, keindahan luaran yang dikenali sebagai keindahan tersurat dapat diketahui oleh siapa-siapa sahaja, bahkan individu yang tidak mempercayai akan kewujudan Tuhan turut dapat memiliki perasaan dan pengalaman melalui pemaknaan secara tersurat yang terkandung dalam pengkaryaan pantun Melayu (Abdul Halim Ali, 2018). Manakala, berlainan dengan pemaknaan secara tersirat yang lebih menitikberatkan keindahan Ilahi sahaja, malah makna tersurat didalam pantun Melayu pula

dianggap sebagai keindahan luaran kerana ia lebih menekankan penggunaan aspek-aspek luaran yang indah seperti gaya bahasa yang digunakan oleh pengkarya atau penulis di samping struktur pembinaan ayat bagi setiap pengucapan pantun Melayu dalam buku pantun Pak Nazel. Di samping itu, nilai keindahan dalaman telah turut diperjelaskan oleh pengkaji kerana ia sebahagian daripada penilaian karya berpandukan teori keindahan braginsky.

Menurut Mana Sikana (2012), menyatakan bahawa sesuatu kesempurnaan dan keindahan bahasa dalam penghasilan sesebuah karya sastera bergantung kepada cara penulisan yang pengkarya tersebut cuba mengetengahkan. Antaranya ialah melalui penyusunan kata, pemilihan perkataan, membina dan mewujudkan pemaknaan yang tetap dan juga menggunakan unsur-unusr bahasa yang boleh memperkuat dan memperindahkan bahasa yang digunakan. Misalnya, unsur-unsur bahasa tersebut ialah penggunaan unsur metafora, kiasan, pengulangan, perbandingan, simile, personifikasi, aforisme dan sebagainya. Justeru itu, gaya bahasa sastera mengandungi nilai estetik, iaitu penggunaan nilai yang dapat mengharukan dan membangkitkan perasaan khlayak. Dengan demikian itu, gaya bahasa kesusasteraan juga tidak hanya menyampaikan idea pemikiran dan maklumat yang bersesuaian tetapi penyampaian idea dan maklumat itu menimbulkan rasa keharuan, di samping merangsang daya fikir dan akal pembaca (Keris Mas, 1988).

Kemudian, keindahan luaran diistilah juga suatu keindahan maujud oleh tokoh Islam iaitu Iman Ghazali yang membawa maksud kepada suatu

keindahan yang terbuka, malah dapat dilihat oleh daya penglihatan dan pancaindera (Fadzilah Amzah, 2016). Sehubungan itu, keindahan maujud menjurus kepada objek atau perkata yang memiliki sifat secara nyata atau fizikal yang disebut sebagai keindahan luaran yang dijadikan medium pengarang atau pengkarya dalam menjelaskan sesuatu keadaan mahupun memberikan perumpamaan terhadap sesuatu perkara dengan menggunakan gaya bahasa yang estetis, indah, tersusun dan harmoni melalui pengucapan pantun Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan gaya bahasa yang indah yang mampu mendedahkan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang secara terus kepada khalayak pembaca tanpa perlu mengeluarkan makna yang tersembunyi dengan akal fikiran (Braginsky, 1994). Dengan demikian itu, keindahan itu jika diserap oleh akal akan memberikan kesan yang lebih mendalam dan lebih bijaksana. Khalayak yang menggunakan kekuatan akal akan menanggapi sesuatu keindahan kerana ia akan kembali mengakui hakikat asal usul dan punca keindahan itu sendiri. Keindahan itu berpunca daripada kekuasaan dan kekayaan Allah SWT yang tidak bertepi. Justeru, kesan keindahan yang dicerap dengan akal akan memberikan rasa penuh takjub dan kagum terhadap kekayaan Tuhan terhadap makhlukNya.

#### 4.4.2 Keindahan Diksi

Konsep diksi menerusi Kamus Kesusastraan Dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud kepada pemilihan dan penyusunan serta penggunaan kata

oleh pengkarya dalam sesebuah karya sastera khususnya pantun Melayu. Sehubungan itu, penggunaan abstrak dan konkret juga tergolong dalam keindahan diksi yang dikaji dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Diksi dapat dilihat tafsirannya seperti mudah atau rumit, formal ataupun tidak formal, kasar ataupun halus, indah atau buruk dan sebagainya. Dengan penggunaan kata-kata secara bersesuaian dan tepat adalah bertujuan bagi mewakili pemikiran ataupun akal fikiran serta perasaan yang ingin dipaparkan, ia merupakan pengertian untuk pemilihan kata dalam sesebuah karya sastera (Enre, 1988). Menerusi penggunaan diksi dalam pantun adalah untuk mengesan ketepatan makna, kesesuaian situasi, dan isi dan pemikiran yang terdapat pada pembaca ataupun pemantun serta pendengar. Tambahan lagi, perlambangan sesuatu simbol atau lambang dapat mendukung pemaknaan kata dan diksi dalam pantun Melayu.

Kemudian, diksi diertikan sebagai kosa kata yang diterbataskan yang dimiliki seseorang individu dalam kehidupan hariannya yang menyulitkan dirinya mengungkapkan pemaknaannya terhadap orang lain. Namun, penggunaan kosa kata yang berlebihan dalam jangka masa yang lama, menyebabkan berlakunya kesulitan dalam memahami perkara atau isi yang mahu disampaikan oleh individu tersebut. Dengan demikian itu, bagi mengelakkan ia tidak berlaku seseorang individu itu harus mengetahui dan memahami penggunaan kosa kata yang sebetulnya agar ketepatan dalam pemakaian kata dalam komunikasi. Diksi mahupun dikenali sebagai pilihan kata adalah merupakan penggunaan perkataan atau kata secara bersesuaian

dan tetap bagi mewakili akal fikiran dan perasaan yang ingin dilontarkan dalam bentuk atau pola suatu kalimat ayat. Disamping itu, difahamkan bahawa pilihan kata yang mengandungi pengungkapan struktur dan gaya bahasa yang tepat dan tersusun serta penggunaan frasa dan perkataan yang nilai estetika yang mutu dan tinggi bertujuan bagi mewujudkan pemaknaan yang jelas dan berkesan.

Sehubungan itu, penggunaan unsur estetika dan keindahan dalam suatu proses penyusunan dan pemilihan kata yang bersesuaian dan ketepatan dapat menjadikan bahasa tersebut sebagai wahana suatu komunikasi yang berjaya dalam menyerlahkan nilai estetika pantun dalam buku *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*. Menerusi pemilihan pantun Melayu dalam buku pantun Pak Nazel dapat diperjelaskan dengan secara terperinci dan mudah difahami pemaknaan dalam keindahan diksi. Semua gambaran yang dipaparkan seperti haiwan atau binatang, tumbuh-tumbuhan ataupun alam semulajadi atau sekitar membawa keunggulan dalam nilai estetika dan keindahan dalam pantun Melayu.

Petik bunga seroja,  
Letak atas talam;  
Jangan duduk saja,  
Walau hari malam.

(*Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*, 2022: 11)

Berdasarkan pantun di atas, memaparkan unsur keindahan diksi dalam pantun Melayu iaitu penggunaan istilah bunga dalam bahagian pembayang pantun. Penggunaan simbol bunga dalam pantun Melayu di atas memperlihatkan bahawa pengkarya ingin mengaitkan sesuatu indah dan luar daripada maksud pembayang. Bunga seroja merupakan tanaman air yang berasal daripada India, malah bunga ini turut dijadikan sebagai lambang kepada negaranya. Bunga ini memiliki warna yang dapat menimbulkan harmoni dan ketenangan serta keindahan kepada pemerhati dan pembaca. Nama saintifik bunga seroja adalah *Nelumbo nucifera Gacrtm*, bunga ini turut dikenali sebagai bunga teratai *Nymphaea* walapun keduanya tidak hubungkait. Bunga seroja memiliki tangkai bunga yang tegak dan bunganya tidak terapung di atas permukaan air. Bunga melambangkan dan dikaitkan dengan perwatakan wanita kerana sifat bunga adalah memiliki kecantikan dan haruman yang wangi, ia merupakan simbolik kepada keperibadian seseorang wanita.

Rentetan itu, diksi ataupun pilihan kata yang bersesuaian dan tepat bagi mengambarkan imej ‘Bunga’ adalah dikaitkan dengan sifat seseorang wanita. Sehubungan itu, pantun Melayu tersebut membawa maksud perilaku seseorang wanita yang rajin melakukan pekerjaan biarpun di waktu malam hari. Keindahan bahasa diksi dalam pantun Melayu tidak dapat dinafikan unsur estetikanya kerana dalam penghasilan pantun tersebut menggunakan bahasa yang indah, tersusun, tepat dan berbentuk yang padat. Dalam pada itu, pemilihan kata atau diksi dalam penciptaan pantun sering mengaitkan unsur

perlambangan dan unsur keindahan bertujuan menghasilkan bahasa pantun Melayu menjadi lebih indah dan estetis serta sempurna untuk didengari dan dilontarkan pengungkapannya. Oleh demikian itu, keindahan bahasa atau diksi amatlah menitikberatkan unsur pemilihan kata dan bahasa yang indah agar ia sering dibaca tanpa rasa bosan dan jemu untuk membaca pantun Melayu.

#### **4.4.3 Keindahan Rima dan Unsur Bunyi dalam Pantun Melayu**

Unsur keindahan pantun Melayu sering dikaitkan dengan bunyi dan irama ditengah baris mahupun dihujung baris pantun tersebut. Menurut Kamus Kesusasteraan Dewan Bahasa dan Pustaka membawa pemaknaan unsur bunyi yang sama pada huruf yang digunakan pada akhir ayat dalam baris pantun pembayang dan maksud memaparkan suatu pola bunyi yang sangat jelas ketika dilontarkan pengungkapannya oleh pemantun. Rima merupakan seerti dengan bunyi yang sama pada huruf akhir ayat ataupun kata akhir dalam suatu rangkap pantun. Pantun merupakan sejenis puisi tradisional yang umum penciptaannya yang mengandungi empat baris satu rangkap, empat baris perkataan satu rangkap. Penggunaan gaya bahasa di dalam pantun memiliki rima yang sama iaitu ‘a, a’ atau ‘a, b, a, b’ dan juga pantun terbahagi kepada pembayang dan maksud. Perkara ini memperlihatkan bahawa prosa tradisional seperti pantun terikat dengan dari segi bentuk format yang signifikan dan mempunyai identitinya tersendiri (Harun Mat Piah, 1989).

Tamsilnya, unsur bunyi ataupun rima memiliki perulangan bunyi yang sama dalam pantun Melayu puisi tradisi yang digunakan untuk menyerlahkan keindahan puitis pantun Melayu tersebut. Rima juga berperanan dalam mewujudkan kesenangan organ indera para pembaca yang dapat menimbulkan damai, aman dan tenang dalam mengungkapkan bait-bait rangkap pantun tersebut. Bagi memperlihatkan pantun yang indah perlulah memiliki pengulangan bunyi atau rima yang sama atau hampir-hampir sama di awal, tengah atau akhir baris ayat.

Main layang-layang,  
Bentuk rama-rama;  
Hidup berkasih sayang,  
Juga suruhan agama.

(*Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu*, 2022: 14)

Berdasarkan pantun Melayu di atas, memaparkan suku kata yang sama dalam rima akhir yang memiliki persamaan pada baris hujung ayat. Hal ini memperlihatkan bahawa pantun empat kerat di atas merupakan rima silang dengan pola a-b-a-b pada akhir baris tersebut. Terdapat pelbagai jenis rima akhir yang dapat diketahui iaitu rima patah, rima terus, rima peluk dan rima silang. Menurut Kamus Kesusastraan Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), menyatakan bahawa rima silang merupakan rima yang wujud di bahagian tengah-tengah sesebuah puisi panjang dan memiliki persamaan dengan baris ayat puisi yang berikutnya. Secara khususnya, suatu penciptaan pantun Melayu dapat diteliti bahawa setiap baris pertama memiliki rima hujung atau akhir yang sama dengan baris ketiga manakala, rima baris kedua pembayang

sama dengan maksud baris keempat. Oleh itu, pentingnya hubungan antara bunyi rima dalam penciptaan pantun Melayu bagi menimbulkan harmonis dan sifat secara langsung, justeru hubungkait situasi ini memaparkan bentuk kawalan dalam penciptaan dan pembinaan pantun Melayu Pak Nazel.



#### 4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pada bahagian bab empat ini pengkaji membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan objektif kajian. Sehubungan itu, objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdapat tiga objektif sahaja. Objektif pertama adalah menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Selain itu, objektif kedua pula adalah mengenalpasti pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Disamping itu, objektif terakhir iaitu keriga adalah menilai keberkesanan teori keindahan braginsky bagi menyerlahkan nilai estetika pantun dalam buku Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pendahuluan

Berdasarkan perbincangan kajian yang telah dilaksanakan dalam bab empat, ia dapat disimpulkan bahawa konsep didik hibur merupakan suatu pendekatan yang menggunakan pelbagai unsur seni dalam pengajarannya, ianya merupakan suatu pembelajaran yang santai dan menyeronokkan. Sehubungan itu, bab lima merupakan bab yang terakhir akan dilaksanakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Oleh demikian itu, pengkaji akan merumuskan secara ringkas dan terperinci mengenai penganalisisan dan perbincangan yang telah dijalankan menerusi bab-bab sebelum ini. Kemudian, pengkaji akan memaparkan atau mengetengahkan beberapa cadangan atau implikasi yang berkualiti untuk membantu pengkaji-pengkaji lain melaksanakan mahupun mengisi kelomongan kajian ini pada masa hadapan kelak serta yang wajar dilakukan yang menjurus kepada perkembangan semasa dan juga mengikuti refleksi keseluruhan kajian yang dilaksanakan ini.

## 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis konsep didik hibur dalam pantun *Pak Nazel Indahnya: Pantun Melayu* berdasarkan teori keindahan braginsky. Secara rumusannya, konsep didik hibur merupakan sebuah pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengeluarkan pelbagai pandangan dan juga alternatif yang berkualiti agar dapat digunakan oleh pemantun dalam mewujudkan suasana yang seronok dan santai dalam menyampaikan pantun-pantun Melayu kepada khalayak, khususnya kalangan kanak-kanak. Puisi tradisional, khususnya pantun Melayu masih kekal wujud sehingga kini. Menerusi permulaan bab, pengkaji telah menerangkan tentang pengenalan bagi kajian yang dilaksanakan iaitu tentang konsep didik hibur dalam Pantun Melayu yang memfokuskan buku pantun *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* karya oleh Nazel Hashim Mohamad. Sehubungan itu, kajian yang dilaksanakan merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan skop atau batasan kajian. Kajian ini telah memilih pantun Melayu yang dalam kategori puisi Melayu tradisional dengan tajuk kajian iaitu Konsep Didik Hibur dalam Pantun Pak Nazel: Indahnya: Pantun Melayu melalui Toeri Keindahan Braginsky sebagai kajian akan dilaksanakan. Sepertimana yang telah dibahaskan dalam kajian ini, istilah didik merujuk kepada proses mendidik atau memberikan didikan kepada yang memerlukan , manakala istilah hibur pula menjurus kepada situasa atau suasana yang damai, santai ataupun menyeronokkan. Kebijaksanaan akal pemikiran masyarakat Melayu tradisi dalam mencipta pantun Melayu sememangnya tidak disangkal keistimewaannya, dalam masa yang sama penerapan didik hibur

dalam pantun Melayu menjadikan ia semakin menarik untuk disampaikan oleh pemantun.

Kemudian, wujudnya permasalahan dalam kajian yang dilaksanakan yang berkait rapat dengan tajuk kajian, ia menjurus kepada pendirian pengkaji untuk terus melaksanakan kajian ini. Permasalahan berbangkit tersebut adalah datang daripada kurangnya pendedahan dalam kalangan masyarakat tempatan, terutamanya generasi muda yang kurang mengenali pantun Melayu yang sering digunakan oleh masyarakat terdahulu. Hal ini dapat dilihat bahawa masyarakat yang kurangnya ilmu pengetahuan dalam bidang kesusastraan akan menyebabkan isu berbangkit mengenai ketidakjelasan tentang pemaknaan bagi sebuah pantun Melayu terdahulu serta ia turut disebabkan kurangnya penyelidikan yang berkaitan penerapan didik hibur dalam puisi Melayu tradisional pada masa ini. Bagi menyelesaikan masalah ini, pengkaji telah menyediakan langkah bagi menangani permasalahan tersebut dengan mengemukakan tiga objektif dalam penyelidikan ini iaitu bagi menjelaskan konsep didik hibur yang terdapat dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Selain itu, mengenal pasti pengaplikasian konsep didik hibur dalam pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Seterusnya, menilai keberkesanan teori keindahan braginsky bagi menyerlahkan nilai estetika pantun dalam buku pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Dengan demikian itu, objektif kajian yang dikemukakan ini bertujuan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah diterangkan pada bab keempat.

Rentetan itu, pengkaji turut menjelaskan definisi konsep didik hibur menerusi tajuk kajian yang dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, pengertian konsep

adalah bertujuan memberi pemahaman secara mendalam terhadap khalayak mengenai pemaknaan bagi setiap istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Kajian yang dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif dan memfokuskan satu teks sahaja iaitu pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu. Tambahan pula, kajian ini memilih Teori Keindahan yang dikemukakan oleh V.I Braginsky, 1994 untuk digunakan dalam proses penganalisisan kajian. Hal ini demikian kerana teori keindahan yang membincangkan tentang keindahan secara estetis dari aspek luaran ataupun dalaman. Kajian ini memainkan peranan yang penting dalam mendalami nilai keindahan, estetika dan kebijaksanaan masyarakat Melayu yang diperturunkan kepada generasi masa hadapan. Namun, pantun Melayu dapat dilihat keindahannya melalui penggunaan bahasa dan gaya serta struktur binaan pantun itu tersendiri. Justeru itu, pantun Melayu dijelmakan dalam bentuk suatu pemikiran yang tersusun rapi dalam pengungkapan estetis dan indah menerusi bait-bait rangkap pantun. Kebanyakkannya penciptaan pantun Melayu adalah secara spontan, ia menggambarkan masyarakat Melayu memiliki keistimewaan dan keunikkan tersendiri. Sehubungan itu, nilai-nilai keindahan dan estetika sesebuah puisi Melayu tradisional dapat dilihat menerusi kebijaksanaan masyarakat Melayu terdahulu dalam mengungkap dengan berkesan agar ia menusuk kalbu dan jiwa pembaca. Oleh demikian itu, kajian ini telah memberikan impak yang positif kepada masyarakat Melayu kini kepada bidang kesusasteraan dalam konteks puisi tradisional, khususnya pantun Melayu yang kian dilupakan bahasa, irama dan pemaknaannya kerana peredaran zaman.

Sehubungan dengan itu, bab dua membincangkan tentang kajian literatur atau sorotan kajian yang dipecahkan 4 bahagian menerusi tajuk kajian, ia bertujuan

mengisi kelompongan dengan mengkaji konsep didik hibur dalam pantun Melayu. Kajian literatur dilaksanakan bertujuan melihat sejauhmanakah kekurangan yang ada dalam kajian lepas bagi menambahbaikan kekurangan yang wujud. Lanjutan daripada itu, pengkaji telah melakukan tinjauan kajian berkaitan pantun Melayu banyak dijalankan oleh sarjana-sarjana lepas. Namun begitu, kajian berkaitan keindahan dalam pantun Melayu masih kurang dilaksanakan. Oleh demikian itu, kajian berkaitan keindahan perlu dijalankan dengan lebih banyak pada masa kini agar dapat menarik masyarakat untuk meminati dan mengetahui keistimewaan pantun Melayu. Pantun merupakan jiwa bangsa negara masyarakat dahulu kala dan perasaan akan sesuatu perlu diterapkan kepada generasi muda kelak. Walai bagaimanapun, banyak kajian yang kaitan telah dijalankan yang berkaitan pantun Melayu namun, kajian ini memiliki keistimewaannya kerana kajian ini membincangkan konsep didik hibur dan keindahan dalam pantun Melayu bagi sesebuah kajian penyelidikan.

Selanjutnya, bab yang ketiga adalah metodologi kajian ataupun kaedah kajian yang dapat dibincangkan secara terperinci dalam bab ini. Kajian ini tidak memerlukan maklum balas responden dan hanya menggunakan kaedah kualitatif dalam proses pengumpulan data yang berkaitan dengan bidang kajian. Kaedah pengumpulan data telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kaedah kepustakaan dan kajian teks manakaal, kaedah penganalisisan data dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu analisis secara tesktual, struktural dan juga teoritikal. Dengan demikian itu, pengkaji menggunakan teori keindahan braginsky dalam menganalisis konsep didik hibur dalam pantun Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu yang mengandungi dua pendekatan keindahan iaitu keindahan dalaman dan keindahan luaran. Justeru itu,

kajian ini menggunakan data sekunder iaitu dengan mengumpulkan segala maklumat iaitu melalui akhbar, artikel, jurnal, buku ilmiah dan tesis yang berkaitan dengan kajian bagi menjayakan kajian ini. Oleh demikian itu, segala data yang dikumpul dan diperoleh dalam bahagian ini, pengkaji akan menggunakan data tersebut dan dalam masa yang sama menghasilkan dapatan kajian yang berkaitan dengan keindahan pantun Melayu.

Di samping itu, pada bahagian bab empat ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian. Menerusi hasil daripada analisis kajian yang dijalankan, kajian ini dapat dirumuskan bahawa setiap pantun-pantun Melayu dapat diterapkan dengan pendekatan didik hibur agar ia dapat menaikkan suasana yang suram menjadi ceria, santai dan menyeronokkan untuk menyertainya. Kajian ini menggunakan buku pantun daripada Nazel Hashim Mohamad yang bertajuk *Pak Nazel: Indahnya Pantun Melayu* yang merangkumi 208 rangkap pantun yang berlainan tema dipaparkan. Daripada keseluruhan jumlah pantun Melayu yang terdapat dalam buku pantun tersebut, sebanyak 5 tema yang dikeluarkan yang akan diterapkan menggunakan pendekatan didik hibur iaitu antaranya ialah tema patriotisme, kasih sayang, nasihat dan pesanan, pemikiran dan juga moral. Sebagai penjelasan secara ringkas mengenai dapatan kajian objektif satu dapat dilihat menerusi jadual di bawah yang memperlihatkan pantun-pantun yang dikaji:

Bil.	Tema	Pengertian	Contoh Teks
1.	Patriotisme	Patriotisme turut ditafsirkan sebagai perilaku, sikap, semangat,	Kutip siput kerang, Sampai tinggi hari; Jika negara diserang, Kita bersiap sedia.

		<p>dan perlakuan yang menjurus kepada pembentukkan gagasan dan usaha dalam mengawal kepentingan, maruah, harga diri sebagai patriot dan kedaulatan negara dan kemasyarakatan dalam pelbagai bidang yang wujud seperti ekonomi, politik, sosial, agama, hal ehwal negara, undang-undang dan sebagainya</p>	<p>Pergi Pekan Behrang, Naik kereta api; Bangsa kena serang, Jangan duduk sepi.</p> <p>Lantai ibu sapu, Kemudian kemas laci; Jangan belajar menipu, Berdosa Allah benci.</p>
2.	Kasih Sayang	<p>Pantun yang terdiri daripada tema kasih sayang memaparkan perasaan, harapan, pengalaman dan pergolakan jiwa antara lelaki dengan perempuan yang sedang dilamun cinta.</p>	<p>Cuti hari Rabu, Boleh suka-suka; Sayang pada ibu, Jangan buat derhaka.</p> <p>Beli air tebu, Minum tepi titi; Dengar cakap ibu, Dengan ikhlas hati.</p>
3.	Nasihat dan Pesanan	<p>Nasihat mahupun pesanan turut merupakan pengungkapan kata yang berterus terang, malahan dengan menggunakan nada yang lembut dan halus sahaja. Justeru itu, nasihat juga diguna pakai</p>	<p>Anyam sarung ketupat, Jangan tergesa-gesa; Orangsuka mengumput, Buat tambah dosa.</p>

		sebagai kiasan yang beradab untuk menegur seseorang itu yang sedang melakukan kesalahan	
4.	Pemikiran	Pemikiran ataupun ideologi sesuatu perkara merupakan jalan pintas untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak.	Berjalan rapat-rapat, Pergi sini sana; Kata biar tepat, Baru ada makna.  Jerat musang jebat, Terkenamusangpandan; Hendak jadi hebat, Ilmu biar sepadan.
5.	Moral	Moral yang baik adalah dengan segala tingkah laku yang terdiri daripada nilai dan juga aspirasi yang telah diterima pakai oleh sesautu masyarakat.	Petik pucuk paku, Pungut buah keranji; Berhemah tingkah laku, Tentu orang puji.  Celah-celah kayu, Ternampak anak lipan; Kita orang Melayu, Ada adab sopan.  Goreng kacang kelisa, Gulai ikan toman; Orang bebudi bahasa Tanda diri beriman.

**Jadual 5.2:** Tema dan Pantun yang dikaji

(Sumber: Nur Maisarah, 2023)

### 5.3 Implikasi Kajian

Kajian keindahan dan penerapan pendekatan didik hibur dalam pantun Melayu banyak memberikan kepentingan kepada khalayak pembaca yang tidak mengira peringkat umur. Implikasi kajian dibahagikan kepada dua iaitu implikasi kajian kepada masyarakat dan juga implikasi kajian kepada bidang pendidikan serta bidang kesusasteraan.

#### 5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat

Berdasarkan kajian ini memberikan kesan kepada masyarakat bahawa kebijaksanaan yang diukur bukan diletakkan pada kemahiran bertutur sahaja tetapi kemahiran mereka dalam menggunakan bahasa yang bagus serta kebolehan mengadaptasikan unsur alam dalam kehidupan. Sehubungan itu, suatu pemikiran dalam pantun dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat pada zaman dahulu kala dan pada masa kini. Hal ini demikian kerana bait-bait rangkap yang terdapat dalam pantun melambangkan cara pemikiran penutur yang luas pengetahuan. Tamsilnya, pemikiran yang berhubung kait dengan kewujudan pantun Melayu melambangkan pemikiran mengenai manusia dengan keagamaan dan Sang Pencipta, dengan itu pentingnya selitkan unsur keindahan dalam penghasilan karya sastera. Kemudian, penggunaan tema yang dapat memberikan kesedaran kepada khalayak, khususnya tema keagaamn adalah bertujuan memberi teguran secara kiasan, menasihati, dan juga sindiran kepada masyarakat Melayu yang berkaitan dengan soal keagamaan dan kepercayaan. Oleh demikian itu, kajian ini amat

memberikan pencerahan kepada masyarakat bahawa pantun Melayu memiliki nilai keindahannya tersendiri dan sifat kebijaksanaan sangat bagus untuk diterapkan dalam diri setiap individu dalam mengharungi kehidupan harian.

### **5.3.2    Implikasi Kajian Kepada Bidang Pendidikan dan Bidang Kesusasteraan**

Kajian ini banyak menekankan soal keindahan dan penerapan didik hibur dalam pantun Melayu yang memfokuskan buku pantun Melayu Pak Nazel. Didik hibur berhubungkait dengan unsur humor yang merujuk kepada keadaan hati yang sedang gembira, marah, senang serta kebolehan mengatakan sesauto yang menggelikan hati. Hal ini diperkatakan bahawa humor merupakan perbuatan ataupun bait-bait kata yang menggelikan hati, membangkitkan geli hati atau ketawa, lucu, perbualan ataupun mengurangkan tekanan (Abd Rahman, 2008). Dengan itu, pelaksanaan didik hibur dapat menekankan keseronokan melalui unsur-unsur kecindian yang dapat menarik minat serta memikat khalayak membaca pantun Melayu Pak Nazel. Dengan itu, kajian ini membantu dalam mengubah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kesusasteraan. Oleh itu, pembelajaran pantun dalam bilik darjah bukan hanya melontarkan pantun mengikut rentak dan rimanya sahaja, tetapi ia perlulah diterapkan dengan unsur didik hibur agar dapat mewujudkan suasana yang santai dan menyeronokkan agar setiap makna-makna yang disampaikan difahami dan diterokai dengan lebih mendalam.

## 5.4 Cadangan

Berdasarkan hasil daripada penganalisisan dan dapatan kajian bagi kedua-kedua objektif yang telah dikemukakan dalam penyelidikan ini, pengharapan pengkaji kepada pihak-pihak yang terlibat amatlah tinggi dan besar bagi memastikan pengkaryaan kesusasteraan Melayu tradisional iaitu puisi Melayu tradisional iaitu pantun Melayu terus dianalisis dan diguna pakai oleh khalayak ramai tanpa mengira peringkat umur. Menurut pengkaji, pengaplikasian didik hibur masih baru diperkenalkan dan kurang kajian yang dijalankan dengan tajuk penerapan didik hibur dalam pantun Melayu. Pengkaji bercadang lakukan pemeliharaan puisi Melayu tradisional agar ia tidak dilupakan oleh zaman dan khalayak merupakan suatu langkah yang wajar dilakukan oleh semua pihak yang memiliki sifat prihatin dalam institusi kemasyarakatan mahupun pendidikan. Namun begitu, secara amnya khalayak haruslah mengetahui bahawa suatu pembelajaran adalah semuanya bermula daripada institusi pendidikan. Oleh yang demikian itu, terdapat beberapa cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji ianya kepada pihak pengkaji hadapan dan pihak sekolah bagi memastikan warisan bangsa ini terus dikaji, dipelajari dan dipelihara sepanjang zama dan tidak lapuk ditelan zaman.

### 5.4.1 Cadangan kepada Pengkaji Hadapan

Menerusi penelitian daripada tinjauan literatur yang telah dilaksanakan sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai tentang kesusasteraan tradisional iaitu pantun Melayu kurang

dilakukan oleh para pengkaji khususnya bagi mereka dalam bidang kesusteraan. Lanjutan daripada itu, pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak berkenaan iaitu para pengkaji hadapan yang ingin melakukan kajian berkaitan pantun Melayu untuk mengkaji atau mengenal pasti konsep dan pengaplikasian didik hibur dalam pantun-pantun Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi kajian keindahan yang dijalankan tentunya ianya akan dapat menimbulkan perasaan di jiwa khalayak pembaca mengenai estetika sesebuah pantun Melayu untuk terus menghargai nilai keindahan dari semua aspek yang terkandung dalam sesebuah pantun Melayu. Rentetan daripada itu, pengkaji hadapan boleh memberikan kerjasama dan fokus terhadap kajian mengenai penerapan didik hibur dalam mana-mana kajian yang melibatkan puisi tradisional dengan menggunakan Teori Keindahan oleh V.I Braginsky (1994) yang banyak membahaskan mengenai nilai estetis dan keindahan. Melalui kajian yang melibatkan pengaplikasian konsep didik hibur ini, pengkaji akan membincangkan penggunaan bahasa dalam membantu mengajar dan juga penggunaan pendekatan keindahan dalam yang merangkumi gaya bahasa dalam pantun Melayu seperti gaya bahasa metafora, personifikasi dan juga hiperbola. Malah, membahaskan aspek pembayang dan maksud dalam pantun Melayu Pak Nazel dari perspektif ekologi serta dari aspek kosmologi alam flora iaitu melibatkan tumbuh-tumbuhan. Tambahan pula, khalayak turut mengetahui suatu keindahan yang dapat dikaitkan dengan aspek Islam akan berhubungkait dengan penciptaan pantun Melayu dengan manusia dan Sang Pencipta kerana keindahan sesuatu karya itu dinilai dari keunggulan penulisannya. Oleh demikian itu,

cadangan ini dapat membuka mata hati khalayak untuk melihat keindahan pantun Melayu bukan hanya dari sudut ekstrinsik malahan dari sudut intrinsik juga yang dapat dikaitkan dengan keindahan Allah SWT dan keunggulan sesebuah karya penulisan.

#### **5.4.2 Cadangan kepada Pihak Sekolah**

Cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji kepada pihak sekolah adalah dengan menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan pantun-pantun Melayu kepada pelajar. Antara aktiviti yang dapat dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah dengan menganjurkan aktiviti mencari pemaknaan sesebuah pantun Melayu menerusi pelbagai tema, dalam masa yang sama ia dapat memberikan pengajaran, nasihat atau pesenan mahupun menyemangatkan semangat patriotik dalam diri seseorang individu itu. Selanjutnya, pihak sekolah, khususnya guru-guru boleh mempamerkan pelbagai jenis ungkapan atau rangkap pantun Melayu dengan menulis menggunakan cat air di dinding atau lorong laluan pelajar ataupun sudut-sudut tertentu yang sering menjadi tempat kesukaan pelajar meluangkan masa agar mereka semua dapat sentiasa melihat dan membaca sekali ungkapan atau rangkap pantun yang dipamerkan tersebut. Perihal ini secara tidak langsungnya membolehkan para pelajar untuk mengingati dan mengamalkan amalan membaca serta memupuk semangat membaca dalam kalangan pelajar kerana membaca itu amalan yang mulia. Dengan adanya aktiviti sebegini dan insiatif yang dilakukan oleh pihak sekolah, ia dapat memberikan

pengetahuan tambahan kepada para pelajar sekolah tentang pantun-pantun Melayu yang kian hampir dilupakan oleh generasi muda sekarang, sekaligus mengaplikasian konsep didik hibur dalam kaedah yang digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir pelajar pada masa kini didapati malas membaca kerana bahan bacaan yang dipamerkan kurang menarik dan tidak menyeronokkan, dengan itu kreativiti dalam menyampaikan bahan bacaan yang menarik adalah sangat penting dalam memupuk semangat atau amalam membaca dalam kalangan pelajar sekolah sehingga ia dapat diterapkan dalam diri hingga meningkat dewasa untuk memupuk minat minat membaca. Oleh demikian itu, cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji kepada pihak sekolah adalah suatu cadangan yang wajar diambil bagi memastikan kelestarian penggunaan pantun Melayu di masa hadapan kelak, kerana ia suatu pelajaran itu bermulanya dari sekolah.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan secara konteksnya bahawa segala yang telah diperkatakan dalam kajian ini, tentang penerapan konsep didik hibur dalam puisi tradisional, khususnya pantun Melayu berkiatrapat dengan unsur keindahan yang ingin dipaparkan. Sehubungan itu, pantun merupakan puisi tradisional yang sangat cukup indah pengayaan bahasanya yang memiliki makna tersirat mahupun tersurat. Tamsilnya, kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu kata tidak dapat dinafikan ia pandai menyimpan seribu satu falsafah dan idea pemikiran untuk membina atau mencipta sesbuah pantun yang menarik dan dapat memberikan manfaat dan pengajaran kepada khalayak pembaca. Kearifan masyarakat Melayu dahulu tentang alam dapat mengalahkan generasi muda sekarang, masyarakat yang hidup pada zaman moden dan kecanggihan teknologi kerana mereka hanya memfokuskan teknologi semata-mata sehingga melupakan warisan sastera yang harus diterapkan dalam diri masing-masing yang telah dibina oleh masyarakat Melayu dahulu kala. Justeru itu, peranan teknologi dapat membantu dalam memeliharaan keaslian pantun Melayu jika ia disampaikan dengan cara yang betul. Oleh itu, masyarakat Melayu masa kini hendaklah menyerapkan kebijaksanaan orang-orang Melayu terdahulu bagi keperluan kehidupan harian.

## Rujukan

- Abdul Razak, Abdul Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2015), Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu/ Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 26(1),1-28.
- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. Pendeta: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117.
- Nordiana Ab. Jabar (2022). Perlambangan Alam dalam Peribahasa Melayu melalui perspektif Teori keindahan Braginsky.
- Nur Aliah Izzaty, Hisamudin. (2019). Penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai. *Doctoral dissertation, University of Malaya*.
- Ahmad, Norlela, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Marzni Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi, & Zullaili Hason, (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam Meningkatkan Kesediaan Belajar Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimum [*The Influence Of Edutainment in Enhancing The Learning Readiness of Reading Skills in Malay Language of Low Achieve. Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57.
- Akmal, Akmal. (2015). Kebudayaan Melayu Riau (pantun, syair, gurindam). *Jurnal Dakwah Risalah*, 26(4), 159-165.
- Aripin. Said. (1994). Puisi Warisan. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balai Pustaka, (2002). Kamus Besar Bahasa Indonesia, Jakarta: Balai Pustaka
- Braginsky, I.V. (1994). Erti Keindahan Dan Keindahan Erti Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ching, Melvina Chung Hui, & Norazah Mohd Nordin, (2021). Penilaian Terhadap Permainan Interaktif Didik Hibur Dalam Pembelajaran Tatatabahasa Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9 (2), 18-25.
- Dallie, Francois Rene. (1988). Alam Pantun Melayu: *Studies on Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dina Rizka Faidhani, Rakhmatt Soleh, S.s & M.Hum. (2018). *Keindahan dalam Hikayat Syah Mandewa: Kajian Estetika Melayu Braginsky*. Fakultas Imu Budaya. Yogyakarta: Universiti Gadjah Mada.
- Din, Ghazali, & A. Halim Ali. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepenggarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Effendy, Tenas. (2007). *Khazanah pantun Melayu Riau*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Eizah Mat Hussain. (2016). *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*. PhD thesis, Universiti of Malaya.
- Fadzilah Amzah. (2016). *Sfera keindahan dalam cerita penglipur lara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faidzul, Mustapha. (2022). *Keindahan Perlambangan Alam Dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Harun Mat Piah, (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hakim, Mohammad Taufiqul. (2014). Estetika di dalam Hikayat Malim Deman. *Jumantara: Jurnal Manuskrip Nusantara*, 5(2), 67-84.
- Hidayah, Adilah Nurul. (2020). *Keindahan dalam Hikayat Sultan Taburat*. Manuscripta, 10(2), 225-225.
- Jamian, Abdul Rasid, Nurul Nadiah Razali, & Shamsudin Othman (2016). *Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 39-45.
- Johari. Yahaya (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Geogre Town: Universiti Sains Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysi, (2010). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010). Edisi Pelancaran PIPP 2006. *Diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)*.
- Kusnun, Mohd Zahar Hj, & Afferro Ismail.. (2016). Penerapan kaedah didik hibur terhadap motivasi belajar di kalangan murid di sebuah sekolah rendah daerah Kluang. In *Seminar Pendidikan Johor*.
- Nur Aliah Izzaty, Hisamudin. (2019). *Penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).

- Laili, Wahyu Nur. (2021). *Keindahan dalam Hikayat Purasara karya Muhammad Bakir: Analisis Estetika Melayu Braginsky* (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Pantun Melayu. (1957). Cetakan 7. Jakarta: Balai Pustaka
- Salleh, Mohd Rosmadi Mohd. & Zulkifli, Hafizhah. (2020). *Penggunaan Didik Hibur dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan: Utilisation of Edu-tainment in Primary Schools' Islamic Education*. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 1-16.
- Seng, Owing Ji, Azhar Md Sabil, & Shamsudin Othman. (2018). Tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Education and Training (IniJET)*, 4(2), 1-9.
- Siti Hajar Che Man. (2013). *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya*. *International Journal of the Malay and Civilization*, 1(1), 75-81.
- Sudirman, Nirwana, and Zulkifley Hamid, (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Rahim, Ab. Razak. Ab. & Nurul Ain Alizuddin (2016). *Pantun Melayu: Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu*. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 23.
- Raup, Fudzla Suraiyya Abdul, Nasirah Ismail, & Muhammad Hatta Shafri.. (2022). Strategi penterjemahan pantun Melayu-Arab dalam siri animasi Upin & Ipin: Malay-Arabic pantun translation strategies in animated series of Upin & Ipin. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 851-864.
- Teuku Iskandar, (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Norliza Wan Mustapha. (2011). *Definisi Didik Hibur Dan Contohnya*.
- Yusof, Syahidatul Syahadah, & Muhd Norizam Jamian.. (2020). *Penaakulan Moral Dalam Pantun Pak Nazel 101 Perkara*. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 297-317.
- Zainal Abidin Borhan (2008). *Pantun Warisan Rakyat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Zakaria, Norazimah, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hamida Abdul Mutualib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman, and Rosmah Derak (2017). *Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun: Akal Budi*. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 4(2), 89-97.